

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 20 Mac 2007**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN DARIPADA YANG DI-PERTUA**

**TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 19 Mac 2007, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan titah ucapan itu dibentangkan di atas meja mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong adalah dilampirkan]*

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut :

1. Akta Perbekalan 2007;
2. Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006;
3. Akta Ordinan No.7 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat (Pindaan) 2006;
4. Akta Zon Ekonomi Eksklusif (Pindaan) 2006;
5. Akta Kastam (Pindaan) 2006;
6. Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006;
7. Akta Taman Asuhan Kanak-kanak (Pindaan) 2006;
8. Akta Perbekalan Tambahan (2006) 2006;

9. Akta Kewangan 2006;
10. Akta Kastam (Pindaan) (No.2) 2006;
11. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2006;
12. Akta Eksais (Pindaan) 2006;
13. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2006;
14. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2006;
15. Akta Arkitek (Pindaan) 2006;
16. Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2006;
17. Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2006;
18. Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2006;
19. Akta Hak milik Strata (Pindaan) 2006;
20. Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2006; dan
21. Akta Kumpulan Wang Persaraan 2006.

#### **PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang telah menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

'21 Disember 2006

#### **Perutusan Daripada Dewan Negara kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang undang-undang Perbekalan 2007;
2. Rang undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006;
3. Rang undang-undang Ordinan No.7 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat (Pindaan) 2006;
4. Rang undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif (Pindaan) 2006;
5. Rang undang-undang Kastam (Pindaan) 2006;
6. Rang undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006;

7. Rang undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak (Pindaan) 2006;
8. Rang undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006;
9. Rang undang-undang Kewangan 2006;
10. Rang undang-undang Kastam (Pindaan) (No.2) 2006;
11. Rang undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2006;
12. Rang undang-undang Eksais (Pindaan) 2006;
13. Rang undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2006;
14. Rang undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2006;
15. Rang undang-undang Arkitek (Pindaan) 2006;
16. Rang undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2006;
17. Rang undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2006;
18. Rang undang-undang Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2006;
19. Rang undang-undang Hak milik Strata (Pindaan) 2006;
20. Rang undang-undang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2006; dan
21. Rang undang-undang Kumpulan Wang Persaraan 2006.

Yang Ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

#### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah bantuan atau sumbangan bagi mangsa-mangsa banjir yang telah diterima dan bagaimanakah bantuan ini diagihkan kepada mangsa-mangsa yang terbabit terutamanya di Johor dan Pahang.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat dari Pendang pada hari ini dan Yang Berhormat dari Pasir Puteh 21 Mac hari esok kerana ia nya menyentuh isu yang sama. Tuan Yang di-Pertua, negara kita tela dilanda banjir pada 17 Disember tahun sudah yang melibatkan 184,868 mangsa dan disusuli dengan bencana yang sama pada 11 Januari pada tahun ini yang melibatkan 137,522 mangsa. Ia nya merangkumi hampir kesemua negeri di selatan tanah air dan negeri-negeri pantai timur Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

Pihak kerajaan menganggarkan kerugian berjumlah RM1.26 bilion akibat daripada banjir tersebut. Sebahagian besar daripada jumlah tersebut adalah kerosakan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam. Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak termasuk jumlah bayaran ihsan yang telah dikeluarkan. Dengan ini, jumlah besar yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan ialah lebih kurang RM1.5 bilion. Sukacita saya menjelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan tanggungjawabnya bagi membantu mangsa-mangsa banjir di seluruh negara melalui pengagihan pelbagai jenis bantuan yang melibatkan bantuan ihsan, bantuan pembinaan rumah musnah dan kawasan tidak boleh dihuni dan bantuan ihsan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kategori bantuan ihsan, sejumlah RM18.4 juta telah diagihkan sebagai bantuan prihatin dengan kadar RM200 bagi sekeluarga yang berpindah ke pusat pemindahan ataupun disahkan terlibat dengan banjir. Bagi keluarga yang mempunyai anak bersekolah, sejumlah RM8.7 juta telah diagihkan dengan kadar RM200 dan RM100 masing-masing bagi pelajar sekolah menengah dan rendah. Di samping itu, sejumlah RM42 juta telah dihulurkan bagi bantuan kerosakan peralatan rumah dengan kadar RM500 setiap rumah.

Pihak kerajaan amat prihatin dengan beban kerajaan dan telah mengambil inisiatif dengan menghulurkan bantuan tambahan peralatan rumah masing-masing sebanyak RM1,100 atau RM700 bagi rumah-rumah yang ditenggelami air melebihi atau kurang daripada 5 kaki. Bagi mangsa-mangsa yang meninggal dunia akibat bencana tersebut, sejumlah RM80,000 telah dihulurkan dengan kadar RM5000 bagi setiap kematian mangsa. Di samping itu, bantuan-bantuan lain juga diberi dalam bentuk seperti makanan, pakaian, selimut dan keperluan harian kepada mangsa-mangsa yang berada di pusat pemindahan dan mangsa-mangsa banjir yang terputus hubungan atau terperangkap di dalam rumah.

■ 1015

Dalam kategori bantuan pembinaan rumah musnah dan tidak boleh dihuni akibat banjir lepas, pihak Syarikat Perumahan Negara sedang meneliti kadar bantuan tersebut dan adalah dianggarkan sejumlah RM70 juta diperlukan bagi pembinaan rumah-rumah yang musnah ataupun yang perlu ditempatkan semula. Bagi kategori Bantuan Ehsan Pertanian pula, sejumlah RM13 juta telah diagihkan kepada 13,961 orang petani dan penternak. Kadar bantuan yang diagihkan secara amnya adalah bergantung pada keluasan tanah atau bilangan ternakan yang terlibat. Di samping itu, kerajaan melalui Bank Negara turut menyediakan Dana Pinjaman Khas dengan kadar faedah 2.5% setahun yang bernilai RM500 juta di bawah Skim Kemudahan Jaminan Bantuan Istimewa bagi memulihkan perniagaan yang terjejas akibat banjir.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM250 juta untuk Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana bagi menggantikan Tabung Bantuan Bencana Negara. Selain itu, KWABBN turut menerima sejumlah RM8.8 juta yang merupakan sumbangan individu, syarikat swasta dan GLC, kerajaan negeri dan badan-badan

berkanun. Melalui dana KWABBN ini, Bantuan Ehsan yang telah disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir keseluruhannya berjumlah RM145.6 juta.

Bagi bantuan Tabung Bantuan Bencana Banjir oleh agensi swasta seperti *NST* dan *STAR* sejumlah RM8.3 juta telah di kumpul dan kesemua sumbangan diterima akan turut diserahkan kepada KWABBN tidak berapa lagi. Bagi negeri Johor yang paling terjejas, pihak Kerajaan Negeri Johor turut mewujudkan Dana Bantuan Bencana Negeri yang menerima sumbangan dan telah diagihkan sejumlah RM11.4 juta kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penyumbang dan juga pihak kerajaan atas bantuan dan juga Wang Ehsan yang dikeluarkan terutamanya kepada mangsa-mangsa banjir.

Sejak akhir-akhir ini kebimbangan berkaitan dengan kesan pemanasan global ataupun *global warming* telah menjadi satu kenyataan dan kita difahamkan bahawa di sebelah rantau kita, ia akan mengakibatkan berlakunya ribut yang besar diikuti dengan kemarau yang panjang. Ini pasti akan mengakibatkan banjir yang besar dan fenomena ini akan berterusan dari setahun ke setahun.

Soalan saya, apakah pihak kerajaan bercadang untuk merangka suatu pengurusan strategik risiko banjir yang meluas, yang holistik, yang berbentuk jangka panjang dan mengambil kira masyarakat setempat dan mengambil kira juga pembangunan keperluan dan juga pengurusan alam sekitar. Jikalau ya, bagaimanakah cara yang akan dibuat oleh pihak kerajaan? Saya mohon jawapan. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menekankan pembangunan yang lebih lestari. Kelestarian ini merupakan satu pendekatan yang mesra alam sekitar, yang perlu dijadikan sebagai asas utama dalam kita merencana pembangunan untuk negara kita.

Sehubungan dengan soal pencegahan banjir, kerajaan sedang meneliti, apakah tindakan dan langkah-langkah susulan yang perlu diambil untuk mengurangkan kesan daripada banjir yang berkemungkinan besar akan berulang lagi ekoran daripada perubahan iklim dan fenomena *global warming*.

Pada masa ini kita anggarkan jumlah tambahan yang diperlukan dalam sekitar RM1.2 bilion tambahan. Tetapi saya rasakan bahawa jumlah ini mungkin lebih besar daripada itu. Jadi jawapannya memang kita sedang meneliti supaya langkah-langkah lebih menyeluruh akan diambil untuk mengurangkan kesan daripada bencana banjir pada masa akan datang.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa sebab utama wujudnya banjir yang begitu teruk adalah disebabkan oleh *volume* hujan yang luar biasa baru-baru ini. Tetapi masalah yang kita hadapi ialah air, sebenarnya bukan sahaja kerana banjir tetapi ia bertakung berhari-hari di negeri Melaka

dan mungkin juga berminggu-minggu di negeri Johor. Saya ingin tahu sama ada satu *post-mortem* telah dibuat oleh pihak kerajaan. Apakah sebabnya air bertakung berhari-hari dan juga berminggu? Adakah ia berpunca daripada pembangunan yang keterlaluan ataupun perancangan bandar yang kurang rapi? Sekian. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah tugaskan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk menyelaraskan tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mengurangkan kesan daripada banjir dan kita akan membuat keputusan dalam sedikit masa lagi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat, tahniah di atas kejayaan kerajaan membantu mangsa-mangsa banjir. Walau bagaimanapun, rakyat di Kinabatangan juga ingin tahu sebab kawasan sekitar Kinabatangan ini setiap tahun banjir dan kalau tidak silap, tahun 2006 Yang Amat Berhormat pergi ke Kinabatangan memaklumkan bantuan lebih kurang RM20 juta untuk mangsa-mangsa banjir dengan memperbaiki infrastruktur. Sehingga ke hari ini, bantuan tersebut belum pun diterima dan saya menjadi sasaran rakyat Kinabatangan yang bertanya.

Jadi, apakah kementerian dan kerajaan juga akan memenuhi tuntutan-tuntutan yang telah dijanjikan oleh kerajaan ini, sebab saya tidak boleh berhadapan dengan mereka setiap hari. Mereka bertanya, jalan raya macam mana, jambatan putus macam mana? Sehingga hari ini belum ada tindakan. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan semak perkara ini dan akan memaklumkan balik kepada Yang Berhormat... [*Beberapa Ahli Ketawa*]

**2. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, bilangan projek yang berjaya dan yang gagal sejak 1990 meliputi MRR2 Kepong. Apakah kos sebenar MRR2 Kepong termasuk pembaikan keretakannya, bilangan dan nama pakar perunding yang dilantik dan bayaran yang dikenakan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1990 hingga ke akhir tahun 2006, sebanyak 9,235 projek telah berjaya dilaksanakan. Kementerian Kerja Raya tidak mempunyai senarai projek yang gagal. Semua projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya akan dipastikan supaya dilaksanakan dengan sempurna walaupun ia menghadapi beberapa masalah dalam tempoh pelaksanaan. Walau bagaimanapun, kementerian mempunyai rekod senarai kontrak dan kontraktor yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya. Sehingga kini kementerian mempunyai rekod 180 kontraktor yang gagal dan telah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong berkenaan dengan MMR2 ataupun Lebuhraya Lingkar Tengah II, suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kontrak asal kerja-kerja pembaikan projek MMR2 adalah RM49.98 juta. Kerja-kerja tambahan adalah sebanyak RM3.39 juta, manakala bayaran kepada kedua-dua juru

perunding di atas ialah sebanyak RM14.5 juta. Oleh itu jumlah keseluruhan kos pembaikan adalah RM67.9 juta.

Sebab-sebab tambahan kos kepada kerja-kerja pembaikan adalah seperti berikut. Pada permulaannya kementerian mengenal pasti untuk memperbaiki keretakan kepada 18 tiang sahaja dengan kos sebanyak RM18 juta. Walau bagaimanapun, selepas melantik juru perunding Leonhardt Andra and Partners, kementerian telah dinasihatkan supaya membuat pembaikan kepada 32 tiang ini menyebabkan kos pembaikan telah meningkat. Kos pembaikan tersebut telah ditanggung oleh kerajaan sementara kerana kerajaan perlu membuat pembaikan dengan segera. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya sedang berbincang dengan kontraktor untuk menetapkan kuantum sebenar yang perlu ditanggung oleh pihak kontraktor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rundingan dengan pihak kontraktor ini mengambil masa lebih kurang tiga bulan. Tiap-tiap kerja perlu di analisa. Pada asalnya, cadangan pembaikan hanya untuk 16 tiang yang menghadapi masalah tetapi juru perunding Leonhardt Andra and Partners telah mengesyorkan tiang-tiang yang lain juga mesti diperbaiki. Ini adalah kerana jalan tersebut mempunyai kadar trafik yang paling tinggi dengan kenderaan berat yang mempunyai muatan yang tinggi. Oleh kerana itu kementerian mengambil keputusan untuk memperbaiki kesemua 32 tiang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat telah berikhtiar untuk menjawab dengan seboleh-bolehnya tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa daripada lebih 9,000 projek yang disebutkan, kesemuanya berjaya? Adakah ia dianggap berjaya apabila bangunan MATRADE kita itu bertahun-tahun tidak dapat disiapkan? Adakah dianggap berjaya kalau Hospital Alor Setar, empat tahun tidak dapat disiapkan, ditangguhkan dengan begitu sahaja?

Begitu juga dengan pelbagai projek lagi, projek sekolah dan sebagainya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tumpu kepada soalan sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** ...Ini soalan. Adakah dianggap ia gagal ataupun berjaya? Mengenai MMR2, bolehkah Yang Berhormat sebutkan kos pada keseluruhannya untuk MMR2? Bukankah MMR2 ini, serupalah projek seumpama ini di Jalan Lingkaran Tengah II - MMR2 itu iaitu *aquitard* yang sama, tetapi mengapa di sini kita menghadapi masalah? Pada mulanya Yang Berhormat umumkan, ini bukan *design fault* tetapi sekarang apakah *fault* nya. Apakah kesalahannya, yang pada mulanya Yang Berhormat umumkan bahawa ini disebut di sini, hanya dengan Halcrow, kita perlukan RM14 juta. Kemudian Yang Berhormat pergi ke Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...[Disampuk] Tunggu sekejap. Tunggu sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak bertanya kos keseluruhan ataupun sebab kerosakan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Keseluruhan dan kos... Dan Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya, Yang Berhormat Menteri dia berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri untuk umumkan itu projek untuk memperbaiki. Kemudian dua minggu selepas itu, pengumuman keputusan Kabinet, ubahkan pengumuman itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Simpulkanlah apa yang hendak ditanyakan itu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Disimpulkan. Yang pertama umum RM14 juta, kemudian RM40 juta dan sekarang kita nampak RM67 juta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, Yang Berhormat Menteri, boleh jawab?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Apakah masalahnya, Yang Berhormat? Tidak cukup duitkah?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Suka cakap-cakap sajalah.... [*Dewan riuh dengan ketawa*] Tidak ada apa-apa kerja lagi. Ulang balik, ulang balik, ulang balik. Pasal kepala sudah penuhlah. Malam dulu tidak tidur kah, Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua, apakah soalan daripada Yang Berhormat? Yang Berhormat membangkitkan dua soalan. Soalan pertama berkenaan dengan kegagalan projek.

■ 1030

Kegagalan projek, mana ada projek sudah gagal tidak diperbaiki? Sudah diperbaiki. Apa yang benar itu sahaja saya jawab. Dia mahu saya bagi satu senarai, inilah projek kita tidak boleh buat lagi, inilah projek sudah mati, inilah projek sudah tanam, macam-macam. Kita tidak ada macam itu, saya jawab secara benar kepada Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat tidak mahu ambil perhatian, *you are closing your ears* dengan izin. Dengarlah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong pun seorang doktor, Alor Setar hospital, mula-mula inilah *design*, bila bagi skop kerja dulu, kerja sudah mula, sudah ditandatangani kontrak. Selepas itu ada juga permintaan daripada pihak atasan, minta satu hospital seperti IJN mesti diadakan di Alor Setar. Bangunan itu pun campur dengan bangunan ini, selepas itu kita bina *royal ward*, macam-macam kerja sudah ditambah. Tambahan kerja tidak dikira, ambil kira asal punya kontrak itu sahaja. Jadi ada tambahan bila-bila minta satu-satu kerja, ada tambahan masa. Pada akhirnya, kita tembak JKR sahaja, empat tahun apa fasal tahu ke? Bagi tanah padi, *foundation* kena masuk 120 kaki, siapa tahu? Tanah lembik, itu sahaja kita belanja satu tahun, bukan kita beli tanah itu, orang bagi tanah, kita buatlah. Kalau tanah tidak baik, mana Yang Berhormat boleh masuk tangan tengok ada betul atau tidak. [*Ketawa*] Saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat.

Ini lagi satu ya, MRR2 satu jalan penting, penting kerana semuanya lingkaran tengah trafik yang paling tinggi daripada persimpangan Batu Caves ke Kepong. Lori-lori muatan panjang walaupun satu akses 11 tan sahaja muat sampai 60 tan, gasaklah jalan itu. Tidak peduli, pecah-pecahlah, rosak-rosaklah, saya mahu untung fasal saya mahu isi 60 tan. Siapa mahu tangkap? Macam mana mahu tangkap? Mana kita boleh timbang? Oleh kerana itu, kita ambil keputusan untuk menjalankan kerja dengan baik, mengambil kira apakah muatan yang akan diadakan di atas jambatan itu. Itupun salahkah Yang Berhormat? Kalau kita buat 18 siang, lagi enam bulan

kita nampak, lagi 12 siang ada resah. Masa itu Yang Berhormat mesti tanya soalan, mengapa tidak bikin sekaligus?

Jadi itulah Yang Berhormat, menjalankan satu-satu kerja, kita mesti mengambil kira beberapa faktor, *factor of safety* dengan izin. Di sini Kepong mempunyai kenderaan yang banyak, ini kawasan Yang Berhormat. Saya mahu jaga kepentingan Yang Berhormat, kalau tidak orang tidak akan undi, dia bukan undi saya, dia bukan mari Sungai Siput undi, dia undi di Kepong. Sekarang saya tambah lebih undi kepada awak, jadi itulah jawapan daripada saya.

**Dato' Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Jabatan Kerja Raya kerana berjaya memperbaiki MRR2. Di sini saya rasa fungsi agensi pelaksana telah melaksanakan kerja dengan cara yang terbaik sekali. Dan saya yakin kita kena serah kepada kerajaan dalam soal harga, dalam soal harta dan perbelanjaan ini hak kerajaan. Jadi soalan saya apakah tindakan yang diambil ke atas kontraktor yang pertama? Dan apakah kontraktor ini masih beroperasi di dalam pasaran kontrak di negara kita? Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, perbincangan di antara kontraktor dan JKR sudah bermula. Kontraktor telah membuat *claim-claim* baru, kita kata kita tidak boleh buat *claim*, kita sekarang *claim* daripada kontraktor oleh kerana kita telah menjalankan kerja ini, kita bayar dulu. Kalau kita tunggu dia bayar, kita tidak boleh selesaikan jambatan ini lagi tiga tahun pun. Jadi kita sudah bayar, sekarang kita *claim* daripada kontraktor, ada juga perbincangan di antara kontraktor sama kerajaan. Itulah kita akan mengambil masa lebih kurang tiga bulan untuk menganalisis *section by section* dengan izin untuk mendapatkan berapakah *claim* boleh dibuat oleh kerajaan daripada kontraktor. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Santubong, silakan soalan.

3. **Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:-

- a) adakah kerajaan akan membuat kajian kepada skala gaji pegawai polis berlandaskan kelulusan dan kecemerlangan perkhidmatan bukan berdasarkan pangkat dan sistem upah tetap seperti sekarang; dan
- b) adakah kementerian bercadang mempertingkatkan sistem latihan dan pendekatan kepimpinan polis pada masa kini untuk mengikiskan prinsip "Saya tuan, kamu rakyat biasa kepada masyarakat".

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi bahagian (a), Polis Diraja Malaysia sedang di dalam proses merangka dan menyiapkan kertas cadangan pindaan Skim Perkhidmatan Pasukan Polis Diraja Malaysia yang bertujuan untuk meminda skim sedia ada kepada skim baru supaya pasukan PDRM akan

menjadi lebih dinamik dan berdaya saing bagi menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan sejajar dengan tuntutan kepolisan semasa. Antara cadangan yang dikemukakan di dalam kertas cadangan ini adalah berkaitan dengan penggredan semula perjawatan dan semakan semula gaji dan imbuhan tetap PDRM. Di samping itu juga, pengisian kertas cadangan ini bukan sahaja berdasarkan kepada pangkat dan sistem upah seperti sekarang, bahkan ia juga turut menyentuh mengenai kelulusan dan kecemerlangan perkhidmatan pegawai dan anggota.

Bagi jawapan bahagian (b), bagi meningkatkan sistem latihan dalam pasukan PDRM, falsafah kepolisan pada masa ini menjurus kepada pendekatan penyelesaian masalah atau *problem solving* dengan izin dan kepolisan masyarakat dengan izin *community policing*. PDRM telah menggubal dasar latihan yang menekankan kepada latihan dan pembangunan pengetahuan dan kemahiran kerja serta pembentukan sikap yang bersesuaian untuk melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. PDRM akan merancang, mengkoordinasi dan melaksanakan latihan yang membolehkan penghasilan tenaga kerja yang mahir dalam pengendalian tugas untuk mencapai hasil kerja yang bermutu tinggi di samping meningkatkan kemahiran kecekapan dan daya pengeluaran perkhidmatan. Memiliki kekuatan fizikal, memiliki daya ketahanan mental, memiliki kualiti diri yang baik, berkeupayaan dalam hubungan *interpersonal*.

Pemeriksaan jabatan selaras dengan keperluan syarat-syarat perkhidmatan juga telah dilaksanakan untuk memastikan pegawai dan anggota yang telah melalui program latihan memenuhi ciri-ciri dan kualiti tersenarai di atas. Dalam konteks ini, teras tumpuan dan program-program latihan yang terkandung dalam pelan strategi lima tahun PDRM akan menjurus kepada:-

- (i) Melalui program *Leadership Team Building* dengan izin, memantapkan kemahiran kepimpinan dan integriti di kalangan pegawai polis.
- (ii) Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dengan:
  - (a) Menubuhkan Universiti PDRM.
  - (b) Menyediakan program latihan untuk para petugas perkhidmatan kaunter bagi memudahkan masyarakat berurusan dengan PDRM serta menyediakan perkhidmatan kaunter yang mesra dan profesional.
  - (c) Menyediakan program latihan dan modul terkini untuk pegawai-pegawai penyiasat Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial dan Trafik.
  - (d) Menstrukturkan semula bahagian latihan di peringkat Bukit Aman dan kontinjen bagi memantapkan latihan dalam PDRM sebagai teras transformasi dan pembangunan semula manusia dalam pasukan.

- (e) Membaik pulih dan membina prasarana institusi latihan seiring dengan keperluan dan pembangunan negara bagi mewujudkan pusat latihan yang moden dan bertaraf dunia serta peningkatan dalam kapasiti untuk melaksanakan program latihan asas.
- (f) Menyediakan kursus pembangunan kerjaya bagi semua peringkat pegawai polis mengikut skim perkhidmatan bagi meningkatkan *competency* para pegawai polis.
- (g) Mengkaji keperluan tenaga pengajar dan menyediakan jawatan-jawatan pensyarah, jurulatih secara kontrak bagi tenaga pengajar yang mencukupi terlatih dan berpengalaman.

■ 1040

Dengan adanya penambahbaikan sistem latihan seperti yang diterangkan di atas, PDRM yakin program latihan akan berjaya menyediakan pegawai, anggota dan kakitangan awam PDRM selaras dengan visi dan misi latihan. Bahagian latihan yang dipertanggungjawabkan ke atas segala aktiviti latihan akan sentiasa mengkaji keperluan latihan dari masa ke semasa untuk menentukan latihan PDRM sentiasa relevan dengan keadaan semasa serta produk yang dikeluarkan adalah bertaraf profesional. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih. Saya bermohon diskriminasi kita ubah Laut Cina Selatan tetapi jawapan Timbalan Menteri memberitahu lautan teduh tetapi airnya juga mengalir ke sana. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1950'an, 1970'an, Pegawai Kanan Polis iaitu Inspektor ke atas dipanggil 'encik' tetapi sekarang dipanggil 'tuan'. *Chief Inspector* ke bawah dipanggil 'encik' tetapi sekarang juga sudah dipanggil 'tuan'. Kalau KSU pergi ke Televisyen Malaysia akan dipanggil 'encik' tetapi kalau Inspektor pergi ke Televisyen Malaysia, dia akan dipanggil 'tuan'. Jadi, ini satu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, 'syeikh' atau '*chief*'? '*Chief*' atau 'syeikh'?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Encik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Encik?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Encik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Encik? Baik.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Kalau KSU dan *Director General* pergi ke televisyen Malaysia untuk temu ramah akan dipanggil 'encik'. Kalau tidak, Datuk dan Tan Sri. Tapi kalau polis, Inspektor dan ke atas akan dipanggil 'tuan'. Jadi psikologinya ialah bahawa pegawai kanan polis ini adalah tuan, yang lain-lain itu semuanya orang bawahan sahaja. Jadi psikologi ini akan menimbulkan satu perasaan yang angkuh di kalangan pegawai-pegawai kanan polis.

Jadi persoalannya di sini, di manakah letaknya latihan supaya pegawai polis jangan bersifat sebagai...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Bukan. Ada orang kata padi itu kalau... *[Ketawa]* Separuh berisi, semakin tunduk. Jangan berperangai lalang tetapi mestilah berperangai padi. Ini yang kita tekankan supaya pegawai polis betul-betul berkhidmat dengan masyarakat dan menghilangkan sifat keangkuhan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Terima kasih di atas pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang sentiasa prihatin tentang hal ehwal polis. Memang di dalam program latihan, kita sentiasa menekankan konsep kepolisan masyarakat. Di dalam konsep itu, itu bermakna polis dikehendaki menjalin perhubungan yang baik dengan masyarakat tempatan, maka tidak ada mana-mana anggota polis atau pegawai polis boleh bersikap angkuh. Kalau mereka bersikap angkuh, maka mereka tidak akan dapat sokongan yang rapi daripada masyarakat. Jadi panggilan itu adalah panggilan oleh orang biasa dan bagaimanapun pandangan serta cadangan akan diambil. Terima kasih.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh dinafikan satu kajian mendalam dibuat mengenai skala gaji pegawai-pegawai polis yang paling rendah pada masa sekarang. Bagaimana dengan disiplin di dalam PDRM? Adakah kerajaan mengambil keputusan untuk menetapkan satu hari untuk menguatkuasakan IPCMC? Oleh kerana ini adalah satu perkara yang penting dan harus diperkuat kuasa dengan segera? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Baik.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Soalan itu sebenarnya tidak berkait dengan soalan asal. Soalan asal ialah tentang skim polis dan juga latihan. Bagaimanapun kerajaan sebelum ini telah pun memberi jaminan bahawa IPCMC akan dilaksanakan. Cuma ia masih dalam peringkat penggubalan cadangan dan kajian oleh AG dan selepas itu kementerian dan kerajaan akan membuat satu keputusan.

**4. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]** minta Perdana Menteri menyatakan satu laporan perkembangan tentang janji-janji pembaharuannya untuk tempoh 40 bulan yang lepas dengan menyatakan sebab-sebab kegagalan/kepincangannya dan bagaimana beliau dapat memulihkan keyakinan rakyat Malaysia yang kecewa dengan kegagalannya menunaikan agenda-agenda pembaharuannya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, ketika menyampaikan ucapan pertamanya sebagai Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 3 November 2003, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa beliau akan meneruskan segala dasar yang telah digariskan oleh kerajaan sebelum beliau memegang jawatan Perdana Menteri. Kerajaan Barisan Nasional merupakan kerajaan pilihan rakyat kerana kesinambungan dasar dan perancangan yang begitu panjang

semenjak ianya memegang tampuk pemerintahan ketika negara mencapai kemerdekaan hampir 50 tahun dahulu.

Antara dasar terpenting kerajaan adalah usaha untuk memajukan negara bagi mencapai Wawasan 2020. Oleh itu berlandaskan kepada cita-cita untuk mencapai wawasan ini, kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggubal dan kini sedang melaksanakan Misi Nasional seperti yang diumumkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kira-kira setahun yang lalu. Misi Nasional adalah satu rangka kerja bagi agenda pembangunan negara dengan menggariskan langkah-langkah utama yang harus diambil bagi tempoh 15 tahun ke arah 2020. Misi Nasional merangkumi lima teras utama iaitu:

- (i) teras pertama - meningkatkan nilai tambah dan ekonomi negara;
- (ii) teras kedua - meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama;
- (iii) teras ketiga - menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif;
- (iv) teras keempat - meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup; dan
- (v) teras kelima - mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suka melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pelbagai langkah dan usaha telah dilaksanakan di bawah Misi Nasional ini. Contohnya kerajaan telah menumpukan perhatian yang lebih ke atas industri yang berpotensi menjana sumber kekayaan baru seperti industri perkhidmatan kewangan Islam, industri bioteknologi dan industri makanan halal bagi mencapai teras pertama Misi Nasional. Pelan induk pembangunan pendidikan telah dilancarkan bagi membantu merealisasikan teras kedua Misi Nasional di samping pelbagai usaha untuk meningkatkan sektor pengajian tinggi serta usaha untuk merangsang penyelidikan dan inovasi di dalam negara bagi tujuan yang sama.

Selain itu teras ketiga Misi Nasional akan terus dipacu melalui usaha untuk membasmi kemiskinan dan menangani isu ketidakseimbangan di dalam negara. Teras ini dijangka akan dapat dicapai melalui projek-projek seperti Wilayah Pembangunan Iskandar di Johor yang kini sedang giat dibangunkan. Jurang ketidaksamaan sosioekonomi juga dijangka akan semakin dirapatkan apabila Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Koridor Pantai Timur, Koridor Sabah dan Koridor Sarawak dilaksanakan sepenuhnya. Pelbagai usaha telah diambil bagi mencapai teras kelima Misi Nasional bagi meningkatkan keupayaan pelaksanaan institusi di dalam negara. Sebagai contoh kerajaan telah mewujudkan Pemudah iaitu satu Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan untuk menambah baik sistem penyampaian kerajaan yang berkaitan dengan perjalanan ekonomi negara.

Di samping itu, pelbagai langkah telah diambil untuk memantapkan integriti di dalam negara. Pendek kata, pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan di bawah kepimpinan Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membawa negara ke tahap pembangunan yang lebih tinggi lagi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menganggap kenyataan bahawa kerajaan telah gagal dalam menunaikan janjinya sehingga rakyat hilang keyakinan adalah sesuatu yang tidak berasas dan hanya cakap politik pihak pembangkang. Persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor hanyalah tuduhan kosong yang sering dilemparkan dari dulu lagi dan hanya menunjukkan ketandusan modal pembangkang dalam mencari salah kerajaan. Adalah lebih baik sekiranya pihak pembangkang lebih banyak menumpukan perhatian kepada agenda pembangunan negara dan bekerja sekuat kerajaan untuk memakmurkan lagi tanah air yang tercinta ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Soalan tambahan. Memandangkan bahawa soalan ini adalah satu soalan ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *personal to holder*, sangat kesal bahawa Yang Amat Berhormat tidak ada di sini dan memberi satu contoh yang tidak baik. Semalam amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada BNBBC ialah melakukan sesuatu yang istimewa. Bukankah kacau dalam dewan ialah satu yang istimewa? Kalau mahu melakukan satu yang istimewa, beranikah menegur Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana contoh yang tidak baik? Adakah berani?

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa saya sangat kesal bahawa Yang Berhormat Menteri kata bahawa soalan saya tidak berasas. Nampaknya dia mahu, dengan izin *wish away* bahawa ada janji-janji yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang menjadi David Copperfield terkini. Bukankah benar bahawa sebenarnya kegagalan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melakukan janji-janjinya khasnya untuk membanteras rasuah sudah mengakibatkan satu krisis keyakinan kepada beberapa institusi-institusi mengenai memerangi rasuah bukan sahaja dalam ACA di mana ada Ketua Pengarah dituduh dengan dakwaan yang serius mengenai rasuah, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri dituduh dengan dakwaan yang serius mengenai rasuah.

■ 1050

Hakim-hakim dituduh bahawa ada menerima *bribe* yang dibuat oleh Ketua Hakim sendiri. Dengan petunjuk-petunjuk antarabangsa semacam *Transparency International* yang menunjukkan tujuh tempat dalam masa pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau *political and economic risk consultancy* yang menunjukkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, yang menunjukkan bahawa Malaysia mungkin akan hilang kedudukan kepada negeri seperti China mengenai anti rasuah. Akankah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa untuk menangani krisis ini Ketua Pengarah ACA, bahawa Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri patutlah ambil cuti sehingga habis siasatan terhadap mereka mengenai tuduhan-tuduhan rasuah yang begitu serius.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tunjuk bahawa kita serius, bukan David Copperfield 2007.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah. Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang kecewa ini, dia. Sebab kalau kita hendak ukur keyakinan rakyat terhadap kerajaan, menerusi pilihan rayalah. Baru-baru ini Pilihan Raya Kecil Batu Talam kena lipat habis-habisan, [*Tepuk*] kalah teruk, majoriti 5,000, *double!* Bukan soal dia kecewa. Yang dipentingkan bukan dia kecewa. Yang kita pentingkan rakyat kecewa. Rakyat tidak kecewa.

Soal kalau saya menjawab, itu amalan orang dalam kerajaan. Saya faham dia tidak tahu langsung. Sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri percaya kepada saya untuk menjawab soalan ini. Dia Perdana Menteri, dia ada kerja lain. Bukan bermakna bahawa kalau dia tidak hadir untuk menjawab, bermakna dia telah menjadi David Copperfield. Pergi tengok dia punya diari, dia ada program dia.

Sistem kita, kita ada tiap-tiap menteri yang dipertanggungjawabkan untuk menjawab. Tidak ada soal...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dalam DAP, dia seorang sahaja boleh bercakap. Orang lain tidak bercakap. [*Ketawa*] Sebab itu dia fikir hendak buat macam ini. [*Tepuk*] Barisan Nasional bukan macam itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Walaupun dia sudah tidak jadi Setiausaha Agung sekarang, dia lagi hendak bercakap jadi Ketua Pembangkang. Dia tidak bagi kepada Presiden jadi Ketua Pembangkang. Itu dia diktator! [*Disampuk*] Kita tidak amal sistem diktator dalam Barisan Nasional.

5. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ke atas pengiklan-pengiklan yang menyalahgunakan bahasa kebangsaan.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan menyedari masih terdapat penyalahgunaan bahasa kebangsaan dalam iklan-iklan, khususnya iklan yang dipaparkan di tempat-tempat awam. Sehubungan itu kerajaan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menangani masalah tersebut. Antaranya:

- (i) memberikan teguran atau arahan kepada pengiklan yang menggunakan bahasa kebangsaan yang salah dan menasihati pihak berkenaan agar membetulkan kesalahan tersebut dalam satu tempoh masa yang

ditentukan. Pihak DBP akan melakukan pemantauan susulan dan memastikan arahan dan teguran itu dipatuhi oleh pihak berkenaan. Tindakan ini sejajar dengan tugas dan tanggungjawab DBP berdasarkan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Peluasan) 1995 [Akta A930] termasuklah memberi arahan, ulasan, nasihat, bantuan, bimbingan, latihan dan pengawasan;

- (ii) melalui Program Khidmat Nasihat Bahasa (KLB), Dewan Bahasa dan Pustaka menyediakan perkhidmatan membantu masyarakat menggunakan bahasa yang baik dan betul seperti menjawab sebarang persoalan atau soalan tentang bahasa, mengesahkan visual iklan sebelum dipaparkan di tempat awam dan sebagainya;
- (iii) menerbit dan mengedarkan pedoman atau panduan penggunaan bahasa dari semasa ke semasa untuk mendidik masyarakat menggunakan bahasa yang baik dan betul; dan
- (iv) mengadakan kursus-kursus penataran bahasa secara berterusan kepada pelbagai golongan pengguna bahasa termasuk sektor awam, swasta dan juga badan bukan kerajaan agar penyalahgunaan bahasa kebangsaan termasuk dalam iklan-iklan dapat diatasi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bagi Yang Berhormat bagi Jerai dahulu ya. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan begitu khusyuk tetapi itu hanyalah satu aturan peraturan. Tetapi boleh atau tidak, kita buat satu rang undang-undang, setiap iklan yang hendak dipasang itu mesti terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan dan juga pihak Dewan Bahasa dan Pustaka supaya ia tidak merojakkan bahasa kita. Itu satu.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat lihat stesen-stesen radio kita hari ini kadang-kadang bahasa-bahasa yang digunakan itu agak keterlaluan, keterlanjuran dan ketidaktentuan dan ini meng*confusekan*. *[Ketawa]* Betul balik, mengelirukan. Dalam radio...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dalam radio dia kata meng*confusekan* tetapi saya hendak perbetulkan, mengelirukan. Jadi apakah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka berupaya dan mampu untuk mendaulatkan bahasa ini supaya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...bahasa ini juga kerana baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dengan mata kepala saya apabila debat bahasa digunakan dan disiarkan dalam TV, di mana seorang pelajar Rusia memenangi johan debat dalam bahasa Malaysia dengan bahasa yang cukup cantik, cukup halus dan cukup elok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, semua orang sudah tahu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terpegun saya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi apakah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai pegawai penguatkuasaan dan sebagainya dan memastikan setiap iklan begitu juga stesen-stesen radio supaya menggunakan bahasa Melayu, bahasa yang diiktiraf...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Apa khabar, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa setakat hari ini memang di bawah Akta DBP, kita tidak ada kuasa untuk menguatkuasakan. Yang kita ada kuasa hanya memberi arahan, ulasan, nasihat, bantuan, bimbingan dan juga pengawasan. Oleh kerana itu berpandukan kepada akta ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah pun mengadakan beberapa seminar dengan PBT-PBT, pihak berkuasa tempatan seperti Yang Berhormat sedia maklum yang meluluskan kuasa untuk memasang iklan ini ialah PBT.

Sebab itu kita memberikan latihan dan juga seminar kepada PBT untuk mereka mematuhi syarat-syarat bahasa yang ditetapkan dan kita juga menyatakan bahawa jika iklannya tidak mengikut bahasa yang standard, sepatutnya PBT tidak boleh memberikan kebenaran.

Yang kedua, mengenai bahasa-bahasa di televisyen, DBP juga sebenarnya mendapatkan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan termasuklah daripada Kementerian Penerangan dan juga Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk kita mengambil tindakan berdasarkan Undang-undang Kecil Iklan dan Garis Panduan Iklan Premis Perniagaan dan Kod Kandungan yang mana dalam peraturan-peraturan itulah sebenarnya kuasanya ada.

Jadi Dewan Bahasa dan Pustaka, kita sedang menyediakan draf untuk diberikan kuasa kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengambil tindakan kepada mana-mana penyalahgunaan bahasa dan setakat ini draf ini kita akan hantar kepada pihak Peguam Negara. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya bagi menyokong soalan tambahan daripada Yang Berhormat bagi Jerai. Bahasa kebangsaan adalah bahasa rasmi negara. Itu tidak boleh dipertikaikan, tercatat dalam Perlembagaan, sesuatu yang mesti diterima, Tuan Yang di-Pertua, sesuatu yang mesti dihormati

di negara ini, sesuatu yang mesti dihayati dan diguna pakai di negara ini. Fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengawal dan memelihara bahasa, menyebarkan bahasa, mendaulatkan bahasa, menterjemah, menerbitkan istilah – itu fungsi yang telah digariskan.

■ 1100

Namun setelah hampir 50 tahun Tuan Yang di-Pertua, hampir 50 tahun, hampir 50 tahun, Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekali, sekali cukup Yang Berhormat .

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya [*Ketawa*]. Fungsi ini hampir pupus dan kalau tidak dijaga sama pupus dengan bahasa kebangsaan yang kita agung-agungkan, yang kita kata bahasa jiwa bangsa, bahasa penyatu bangsa sudah jadi retorik..

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan dia Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Soalan Tuan Yang di-Pertua, bahasa adalah nyawa dan nadi bagi bangsa. Pencemaran bahasa yang menghina bangsa, Tuan Yang di-Pertua pencemaran bahasa yang menghina bahasa rasmi ini Tuan Yang di-Pertua dilakukan secara berleluasa oleh Melayu dan bukan Melayu. Peranan sekolah harus agaknya juga ditanya. Memperkosakan bahasa secara kejam dan terbuka berleluasa..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...oleh mana-mana media termasuk media kerajaan, tengok, lihat, dengar..

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini bermakna..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kementerian..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Oleh sebab demikian Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian dah faham, dah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ..saya memang faham Tuan Yang di-Pertua bijak sana dan faham tapi, ada orang lain yang tidak faham Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian faham, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau kita cintakan bahasa ini Tuan Yang di-Pertua, secara ikhlas dan redha sebagaimana kita redha dan ikhlas atas perlembagaan negara yang digunakan pakai dalam yang berdaulat ini..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat, saya faham tentang perasaan Yang Berhormat, sila kemukakan soalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini tadi soalan..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Ini ucapan titah [*Ketawa*].

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Perkara ini tidak boleh diteruskan oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan, saya menyarankan Tuan Yang di-

Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka harus agaknya diberikan kuasa, diberikan kuasa yang sebenarnya.

Oleh yang demikian saya ingin bertanya bilakah rang undang-undang yang memberikan kuasa kepada DBP untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap sesiapa sahaja..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...yang mencemarkan bahasa rasmi negara ini..

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik kementerian boleh jawab.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Boleh dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, saya pun memahami perasaan yang begitu berkobar-kobar daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan. Sebenarnya pihak kerajaan telah pun mengambil langkah untuk memperkasakan bahasa kebangsaan ini di mana kita telah pun menggabungkan tiga kementerian, Menteri Pelajaran, Menteri KeKKWa dan juga Menteri Penerangan menjadi pengerusi bersama untuk kita duduk berbincang dan mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk kita memperkasa dan juga mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagaimana Yang Berhormat harapkan. Yang kedua fungsi Dewan Bahasa ini juga di samping kita mendaulatkan bahasa di dalam negara kita, kita juga telah pun mengembangkan sayap di peringkat antarabangsa di mana kita wujudkan perantaraan antarabangsa, kita menghantar buku-buku...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua,

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** ...ialah kerana Dewan Bahasa dan Pustaka..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Menyebarkan sayap di luar negara, dalam negara kucar-kacir Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, bagi peluang Yang Berhormat bercakap..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kerana ialah ini saya nak berikan sedikit celahan .

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi Yang Berhormat, *ya right*.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Dalam negeri saya sudah kata ada tiga. Pertama ialah tiga menteri duduk sekali sebagai pengerusi bersama untuk memperkasa bahasa kebangsaan dan dalam masa yang kita juga mesti mengangkat bahasa kita menjadi bahasa antarabangsa. Sebab itu di beberapa universiti di luar negara memang ada kursus-kursus yang kita tetapkan di mana universiti-universiti tersebut mengadakan kursus-kursus bahasa Melayu dan kita Dewan Bahasa dan Pustaka menghantar buku-buku ke universiti-universiti tersebut dan terbukti pada

hari ini sebagaimana yang Yang Berhormat bagi Jerai nyatakan di dalam pidato bahas Melayu yang johan bukannya wakil daripada Malaysia tetapi daripada Russia, ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu bukan sahaja mampu menjadi bahasa kebangsaan malah mampu menjadi bahasa di peringkat antarabangsa, terima kasih.

6. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh mana tahap keselamatan persempadanan di negeri ini terutama di sempadan Thailand berikutan insiden letupan bom tangan yang mencederakan beberapa anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Larut diucapkan berbilang-bilang terima kasih. Setakat ini kawasan sempadan negara dengan Thailand adalah terkawal. Sungguh pun begitu kejadian pengeboman, pembunuhan dan pembakaran masih berterusan di kawasan sempadan sebelah Thailand bukan sebelah Malaysia. Di samping kawalan ketat di pintu masuk sempadan pasukan keselamatan Malaysia telah ditempatkan di beberapa lokasi di sempadan dan melakukan rondaan secara berpadu dengan pasukan keselamatan Thailand di kawasan sempadan bersama untuk mencegah sebarang kegiatan jenayah dan pencerobohan secara haram.

Selain itu agensi-agensi keselamatan kedua-dua negara di peringkat *Regional Border Committee* dan kumpulan kerja yang lain kerap mengadakan pertemuan dan mesyuarat untuk bersama-sama menangani masalah keselamatan di sempadan. Tuan Yang di-Pertua, insiden letupan bom tangan yang mencederakan beberapa anggota ATM sebagaimana yang dilaporkan sebelum ini tidak ada kaitan dengan permasalahan sempadan di Selatan Thailand.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun jaminan telah diberikan oleh pemerintahan baru Thailand tetapi keganasan masih berterusan, pembunuhan masih berlaku di persempadanan. Saya amat memahami apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat cuma saya ingin bertanya apakah kesan *joint operation* dengan izin, di antara tentera kita dengan tentera negara bersempadan dan apakah dalam suasana Asian yang mana Yang Berhormat Menteri Luar sentiasa menekankan soal perpaduan. Apakah sebagai keselamatan itu turut ditekankan umpamanya kalau PBB mempunyai ketenteraan sendiri ke atas negara-negara yang berkecamuk negara yang menghadapi kompleks.

Jadi, apakah sudah tiba masanya negara-negara Asian juga mempunyai ketenteraannya sendiri untuk menentukan kesejahteraan keselamatan sentiasa terjamin dalam negara-negara di rantau ini, di rantau Asian ini dan apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita ketengahkan soal keselamatan ini diwujudkan satu ketenteraan di rantau Asian ini untuk kita sama-sama menunjukkan bahawa kepada dengan izin, *European Committee* bahawa kita juga bertegas dalam soal keselamatan. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Larut, seperti yang telah diterangkan bahawa peringkat awal apa yang berlaku di Thailand hanya di Thailand dan Kementerian Pertahanan dalam Dewan ini menjawab terhadap keselamatan pertahanan di Malaysia dan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang kerjasama saya ingin menekankan bahawa memang ada kerjasama dan *border committee* di antara Malaysia dan Thailand mengadakan perbincangan setidak-tidaknya dua tahu sekali. Walau bagaimanapun bahagian bawah daripada *border committee* ini beberapa lagi jawatankuasa yang lain memantau keadaan keselamatan kedua-dua belah pihak Malaysia dan Thailand.

Cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan rangkaian kerjasama ini saya percaya perkara ini kalau boleh dikemukakan kepada *Asian Strategic Committee* yang diadakan dan kalau ianya mahu mengutip pandangan daripada Ahli Parlimen dalam Dewan ini sebagai bentuk isi padu yang boleh diguna pakai oleh mereka dalam keselamatan dalam negara ini adalah baik.

Tapi, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kerjasama kita hanya dengan negara yang ingin mendapat kerjasama kita dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri Pertahanan telah pun menyarankan sekiranya negara jiran memerlukan kerjasama daripada anggota keselamatan di negara kita, anggota pertahanan di negara kita, kita sedia membantu seperti kita bersetuju di atas pelawaan permintaan daripada Bangsa-bangsa Bersatu termasuk seperti di Filipina dalam membawa keamanan di Selatan Filipina. Kita menghantar pasukan keselamatan kita bukan sahaja dirantau Asia ini bahkan sampai di Afrika di Lubnan dan lain-lain. Terima kasih.

■ 1110

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah bentuk kerjasama di antara Malaysia dan Thailand dalam isu pertahanan? Sudah tentu saya percaya bahawa di antara kerjasama itu ialah untuk memerangi keganasan dan saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Malaysia terikat dengan istilah *terrorist* ini, yang didefinisikan oleh pihak Thailand. Insiden terbaru pembakaran dan tembakan di madrasah sebagai contoh dan mereka ini lari ke sempadan Malaysia. Adakah Malaysia mengiktiraf pelarian itu sebagai *terrorist*? Ini persoalan yang penting untuk dijawab dalam Dewan yang mulia ini dan apakah sistem pertahanan kita dan kerjasama kita terikat dengan definisi itu? Saya minta penjelasan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Kalau soalan Yang Berhormat tentang kerjasama pertahanan, saya ingin menyarankan bahawa tidak ada pelanggaran yang berlaku di antara Thailand dan Malaysia dan begitu juga di antara Malaysia dan Thailand. Dari segi pertahanan dari kedua-dua negara ini, tidak ada berlaku selisih faham dan tidak ada bangkit kecurigaan. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang *terrorism*, saya percaya bahawa kita bukan sahaja telah menghadapi malah berpengalaman tentang gerakan *terrorism* yang berlaku di dalam negara kita, bahkan bermula daripada kita mencapai kemerdekaan sehingga pada saat ini

gerakan ataupun tindakan-tindakan secara *terrorist* ini tidak boleh terima di dalam negara kita, bahkan mana-mana rakyat ataupun orang asing yang menjalankan gerakan seperti ini adalah dianggap melanggar tatasusila dan keselamatan negara.

Sudah ada akta yang boleh diambil dan ia di bawah kuasa kerajaan ataupun Kementerian Dalam Negeri. Saya percaya apa pun yang berlaku di Thailand dan sekiranya orang-orang ini masuk ke dalam negara kita, ianya mestilah melalui proses guna pakai surat perjalanan. Kalau surat perjalanan itu membolehkan mereka masuk, maka pihak imigresen akan membenarkan mereka masuk dan kalau surat perjalanan itu tidak membenarkan mereka masuk dan kita tidak akan benarkan mereka masuk ke negara ini, dan kalau dibenarkan masuk mesti ada dengan syarat dan penentuan yang tertentu. Kalau terdapat bantahan daripada kerajaan jiran, terhadap mana-mana rakyat mereka masuk ke dalam negara ini, terlebih awal kita akan patuh dengan permintaan negara mereka, terima kasih.

**7. Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah [Gua Musang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap Kerajaan dan O.I.C. terhadap

- a) penglibatan NATO, terutama sekali Amerika Syarikat di Afghanistan; dan
- b) penambahan tentera Amerika Syarikat baru-baru ini dalam peperangan yang tidak mendapat restu daripada Bangsa-Bangsa Bersatu, di Iraq.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gua Musang kerana mengemukakan persoalan mengenai pendirian Malaysia dan OIC terhadap kehadiran NATO termasuk Amerika Syarikat di Afghanistan dan juga persoalan berkenaan kedudukan dan pendirian kita terhadap penambahan tentera Amerika Syarikat di Iraq. Ingin saya menyorot sejarah berkenaan kehadiran tentera asing di Afghanistan selepas September 11 dan keputusan Amerika Syarikat dan sekutunya untuk menyerang Afghanistan, Malaysia dan OIC mengambil pendirian bahawa pendekatan ketenteraan tidak akan menyelesaikan masalah lagi pula bukanlah Afghanistan yang menyerang Pusat Dagangan Dunia di New York, Amerika Syarikat.

Walaupun mereka tidak bersetuju dengan Kerajaan Taliban, pendekatan lain perlu diambil untuk menyelesaikan masalah di Afghanistan. Namun tindakan telah diambil untuk menjatuhkan Kerajaan Taliban dengan menggunakan ketenteraan dan ianya dari segi undang-undang antarabangsa adalah tidak sah. Oleh itu kita berpendapat bahawa tindakan sekarang telah menunjukkan kesan yang buruk dan negatif dan sehingga kini keadaan di Afghanistan tidak dapat diselesaikan lagi dan sebenarnya keadaan menjadi lebih bertambah buruk dan kita berharap satu pendekatan baru perlu diambil oleh masyarakat antarabangsa untuk tujuan menyelesaikan masalah di Afghanistan secara jangka panjang.

Berkenaan Iraq, pendirian Malaysia juga adalah tindakan ketenteraan bertentangan dengan undang-undang antarabangsa. Sehingga kini masalah Iraq belum lagi diselesaikan dan perang saudara telah pun tercetus dan penambahan tentera Amerika Syarikat di Iraq tidak akan dapat menyelesaikan masalah dan yang terbaik sekali ialah untuk menubuhkan kerajaan perpaduan dan mencari rekonsiliasi di antara pihak-pihak yang bertelagah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya. Hari ini merupakan hari ulang tahun yang keempat pencerobohan Amerika Syarikat terhadap Iraq yang telah membunuh 650 ribu rakyat Iraq. Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya, kalau kita lihat kehadiran tentera Amerika Syarikat di Iraq, mencetuskan lagi keadaan huru-hara yang mana pertelagahan, pertembungan di antara pihak Sunnah dan pihak Syiah semakin ketara. Adakah ini sebenarnya agenda Amerika Syarikat di Iraq dan apakah yang dilakukan oleh OIC dan dunia Islam di dalam meningkatkan lagi permuafakatan di antara pihak Sunnah dan Syiah yang berkonflik besar dan saling bunuh membunuh di antara satu sama lain.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tindakan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya adalah satu tindakan yang tidak terancang, dari awal lagi Malaysia dan OIC telah menegur bahawa pendekatan Amerika untuk membahagikan rakyat Iraq mengikut kesukuan atau kefahaman mazhab dan agama adalah bukan tindakan yang bijak dan waras, maka akhirnya pada hari ini, negara-negara Islam perlu mengambil pendekatan untuk membantu Iraq dengan mendapatkan pertemuan di antara pihak-pihak yang bertembung iaitu di antara ahli Sunnah dan Syiah.

Tetapi, saya fikir di peringkat OIC kita telah membincangkan dan juga di peringkat Sidang Kemuncak Arab yang akan diadakan tidak lama lagi, masalah Iraq ini juga akan dibincangkan. Baru-baru ini telah diadakan satu pertemuan yang dihadiri oleh ahli tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga negara-negara jiran untuk berunding bagaimana dapat diredakan keadaan dan mencari kedudukan bersama bagi mengelakkan pertelagahan dan mengelakkan pertembungan terus berlaku.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, apa pandangan Malaysia terhadap soal untuk mencari jalan penyelesaian konflik di Iraq dengan kehadiran terus menerus tentera Amerika di negara berkenaan. Sejauh mana titik penyelesaian boleh dicapai dalam keadaan sedemikian? Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya yang penting sekali ialah rakyat Iraq mesti berfikir sebagai orang-orang Iraq dan tidak berasaskan kesukuan mereka ataupun fahaman agama mereka. Keduanya kita beranggapan bahawa tentera Amerika mesti keluar dari Iraq dan masalah Iraq perlu diselesaikan oleh rakyat Iraq sendiri dan selagi ada tentera asing, keadaan penaklukan akan berterusan dan

perasaan tidak puas hati akan berpanjangan. Oleh itu kita berharap, tentera asing akan dapat keluar daripada Iraq dan Iraq mencari jalan bagi menyatupadukan rakyatnya di kalangan orang-orang Iraq sendiri.

**8. Dato' Chua Jui Meng [Bakri]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kita berada dalam landasan untuk mencapai kedudukan negara maju memandangkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan berbanding dengan tahun-tahun awal Wawasan 2020. Apakah kayu ukuran dan 'milestones' pencapaian kita dalam haluan kedudukan negara maju.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bakri yang bertanyakan soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun ekonomi Malaysia kini tumbuh pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan tahun-tahun awal Wawasan 2020, negara masih tetap berada dalam landasan untuk mencapai status negara maju.

■ 1120

Pada tahun 2006, ekonomi telah berkembang sebanyak 5.9% iaitu lebih tinggi berbanding anggaran awal sebanyak 5.8%. Pada tahun 2007, ekonomi dijangka berkembang pada 6.0%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kadar pertumbuhan tersebut adalah selaras dengan sasaran Rancangan Malaysia Ke-9 iaitu dari tahun 2006 hingga 2010 iaitu sebanyak 6% setahun dan dijangka berkembang lebih pesat kepada 6.5% setahun dalam tempoh 2011 hingga 2020. Unjuran ini berdasarkan kepada pelaksanaan dasar dan strategi baru di bawah misi nasional terutamanya pelaburan dalam sumber manusia, teknologi maklumat dan komunikasi, sains dan teknologi, penyelidikan dan pembangunan, peningkatan keupayaan tekno-usahawan serta inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kadar pertumbuhan ekonomi terdapat beberapa indikator sosioekonomi lain yang mengukur pencapaian Malaysia ke arah negara maju. Malah beberapa indikator tersebut telah menunjukkan pencapaian Malaysia yang setanding dengan negara maju seperti negara OECD di antaranya ialah KDNK per kapita dalam *priority* kuasa beli bagi tahun 2006 di tahap USD 10,318 iaitu di kedudukan di antara negara OECD seperti Poland dan Mexico.

Kedua kadar inflasi yang rendah dan pencapaian guna tenaga penuh. Ketiga, kemudahan infrastruktur yang cekap dan yang keempat pencapaian hampir keseluruhan matlamat *Millennium Development Goal's*. Dengan izin, Bangsa-Bangsa Bersatu dan dari segi pembasmian kemiskinan, kemudahan pendidikan dan kesihatan serta pemuliharaan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, di sebalik pencapaian tersebut, kita tidak harus leka dan berpuas hati dengannya. Dalam era globalisasi dan liberalisasi ekonomi dunia serta perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi, terdapat beberapa isu dan cabaran yang diharungi bagi

memastikan negara di landasan yang lebih kukuh bagi mengejar tahap pembangunan berbanding dengan negara maju yang lain.

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan Rancangan Malaysia Ke-9 berpandukan kepada 5 teras Misi Nasional dijangka dapat terus meningkat dan mengukuhkan lagi ekonomi negara serta meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat setanding dengan negara maju yang lain. Ini termasuklah penekanan kepada merapatkan jurang ketidakseimbangan dari segi pendapatan antara kaum, antara kaya dengan miskin antara wilayah serta merapatkan jurang digital dan memperluaskan liputan internet di seluruh negara.

**Dato' Chua Jui Meng [Bakri]:** Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan di atas KDNK yang berasaskan kepada *purchasing power parity* dengan izin yang melebihi USD10 ribu. Di dalam wawasan 2020, dalam ucapan Perdana Menteri pada masa itu dia andaikan iaitu menjelang tahun 2020 KDNK negara kita perlu digandakan lapan kali. Itu satu sasaran yang amat tinggi dalam matlamatnya.

Pada hari ini kita lepas separuh daripada jalan wawasan 2020. Kita susah capai hampir empat kali ganda dalam pertumbuhan KDNK di negara kita dan itu satu pencapaian yang baik memandangkan masalah ekonomi pada tahun 70-an dan perang Iraq dan peristiwa 911 kita dapat membangunkan KDNK kita hampir empat kali ganda.

Tetapi bila ekonomi sebuah negara bertambah kematangannya, maka lebih susah bagi negara itu untuk tumbuh dengan kadar tumbuhan yang lebih pesat. Tapi kalau kita hendak mencapai lapan kali ganda KDNK kita menjelang tahun 2020, maka ini bermakna kita perlu mencapai lebih daripada 7% dalam tempoh yang baki. Itu soalan tambahan saya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Terima kasih Yang Berhormat Bakri yang bertanyakan soalan itu. Memang benar dari segi prestasi yang telah kita tunjukkan sebelum ini dengan masalah-masalah yang kita hadapi, kita masih dapat berjalan seiring seperi mana yang telah dirancang dan dengan pengukuhan baru dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan insya-Allah dalam Rancangan Malaysia Ke-10 seperti yang saya sebutkan tadi iaitu untuk memastikan Misi Nasional kita ini mencapai seperti apa yang kita harapkan dan dengan penekanan-penekanan baru khususnya dalam *delivery system*, dengan izin, sistem pencapaian insya-Allah Tuan Yang di-Pertua walaupun kita berdasarkan kepada 6% lebih 6.5% dan sebagainya tetapi kita jangka dalam masa yang akan datang, ia mungkin lebih daripada 7% dari segi pertumbuhan ataupun KDNK yang kita dapat. Berdasarkan kepada perkara yang kita sebutkan tadi iaitu kita rangkakan *parity* kuasa beli ini, maka kita dengan suasana sekarang dari segi *price index* dan sebagainya semakin dapat diperbaiki, maka sudah tentu mengambil kira perkara-perkara lain di dalam kita melihat sebuah negara maju, insya-Allah kita akan mencapai seperti mana yang kita harapkan. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cukup baik sekali jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan

pertumbuhan ekonomi dan KDNK. Bila kita bercakap mengenai dengan pertumbuhan ekonomi, dan *price index* yang begitu baik, tapi dalam masa yang sama juga apakah kedudukan kemiskinan yang pada pendapat saya kemiskinan ini menghantui pertumbuhan ekonomi kita. Jadi apakah Yang Berhormat dapat beri sedikit pandangan kepada kita, apakah langkah2 yang diambil oleh pihak kerajaan bagi mengurangkan tahap kemiskinan di negara kita.

Kita boleh bercakap mengenai dengan pertumbuhan ekonomi tetapi dalam masa yang sama kita tumbuh begitu pesat, tetapi kemiskinan makin meningkat. Apakah ini benar. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Soalan itu menggambarkan seolah-olah kita tidak melakukan apa-apa kepada soal membasmi kemiskinan. Sebenarnya kalau kita lihat daripada rekod membasmi kemiskinan kita telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan begitu hebat sekali jika kita bandingkan dari segi kadar penurunan kemiskinan. Bahkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 seperti mana yang kita maklum, iaitu kita mahu supaya kadar kemiskinan ini dapat kita hapuskan dari segi kadar kemiskinan tegar umpamanya. Kita barangkali tidak dapat menghapuskan 100% kemiskinan biasa tetapi kemiskinan tegar kita mahu supaya 100% dapat kita hapuskan insya-Allah. Sebab itu dalam Rancangan Malaysia Ke-9 ini kerajaan telah menyusun langkah-langkah yang lebih positif lagi seperti mengadakan koridor-koridor, mengambil kira pembangunan di seluruh negara dan seperti yang saya jawab tadi iaitu kita mahu supaya tindakan langkah-langkah kita ini lebih kita tekankan kepada mengurangkan ketidakseimbangan dari segi pendapatan bukan sahaja antara kaya dengan miskin tetapi antara kaum yang ada di dalam negara kita dan juga mengikut wilayah yang ada di dalam negara kita.

Jadi sebab itu kita yakin dengan dasar yang kita lakukan dan dengan penekanan yang kita berikan dalam sistem *delivery* yang baru begitu juga tumpuan kepada umpamanya pelaksanaan jawatankuasa-jawatankuasa bertindak yang ditubuhkan oleh kerajaan semuanya ini menjurus ke arah untuk memastikan bahawa pencapaian kita lebih baik lagi pada masa yang akan datang.

■ 1130

9. **Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan status pengiktirafan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Tionghoa dari dua universiti terkemuka di Republik Rakyat China iaitu Qinghua University dan Beijing University. Adakah kerja-kerja pengiktirafan diperluaskan kepada kursus-kursus lain termasuk bidang perubatan dan kejuruteraan?

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, soal pengiktirafan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Tionghoa ataupun Pengajian Bahasa China dari Qinghua University dan 'Peking' University, Republik Rakyat China, sama seperti kursus-kursus lain dari kedua-dua universiti tersebut sedang dalam peringkat penelitian susulan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan seperti mana yang diarahkan oleh Jemaah Menteri

awal tahun ini. Sesungguhnya, cadangan kerajaan mengkaji untuk mengiktiraf kelayakan dari kedua-dua universiti tersebut berbangkit berikutan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China pada 31 Ogos 2005 hingga 6 September 2005.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, nampaknya keputusan Jemaah Menteri itu juga merangkumi bukan sahaja Pengajian Tionghoa dan ia telah diperluaskan kepada kursus lain seperti perubatan dan juga kejuruteraan. Saya rasa ini satu langkah yang bijak kerana ini adalah universiti yang terkemuka di dunia juga.

Dan, jawapan Yang Berhormat juga menyatakan bahawa nampaknya tidak perlu macam dahulu, begitu birokratik, mereka kena memohon. Saya rasa itu juga satu perkembangan yang positif. Soalan saya sekarang, dengan adanya penggubalan *Malaysian Qualification Agency*, MQA, yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat, bagaimana dengan kerja-kerja pengiktirafannya, adakah mereka akan tertanggung atau diambil alih oleh MQA, memandangkan sekarang ada dua agensi yang dipertanggungjawabkan iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam dan LAN.

**Datuk Ong Tee Keat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Sesungguhnya rang undang-undang MQA ini belum lagi dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun demikian, adalah dijangka bahawa ia akan mengambil alih bidang tugas dan bidang kuasa Lembaga Akreditasi Negara atau LAN, yang sedia ada sekarang, yang mencakupi akreditasi dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kesetaraan kelayakan akademik, khususnya dari universiti-universiti yang belum diiktiraf kelayakan akademiknya. Walaupun demikian, ia tidak bermaksud bahawa MQA akan mengambil alih kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam dalam soal pengiktirafan yang ada sekarang.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kursus yang dikatakan di dalam soalan ini adalah merupakan ia universiti yang terkenal, di dalam *ranking top 100* dan juga ini merupakan satu kursus yang kalau ia tidak diiktiraf oleh negara kita, jadi, di manakah kita akan iktiraf? Ini kerana ia merupakan autoriti dalam kursus ini. Apakah kita hendak lambat-lambatkan lagi, walaupun ini merupakan satu langkah yang dikatakan bijak tetapi bukannya ini langkah yang sangat lambat?...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** ...Jadi, ada lagi kursus-kursus universiti yang ditawarkan oleh universiti di Hong Kong, Taiwan. Mereka juga merupakan universiti yang begitu terkenal, yang diiktiraf oleh antarabangsa tetapi tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Apakah sebabnya? Universiti di Indonesia yang tidak di dalam *ranking top 200*, kursusnya diiktiraf oleh kita tetapi universiti yang lebih terkenal lagi, tidak diiktiraf. Apakah sebabnya selain daripada politik?

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dia hendak tunjuk keprihatinan beliau tentang soal ini.... [*Ketawa*] Walaupun saya tidak boleh jawab bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sebab ini dalam bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam, suka saya hendak betulkan tanggapan Yang Berhormat bahawa bukannya semua universiti yang tersohor di dunia khususnya apa yang dibangkitkan iaitu Universiti Qinghua dan '*Peking*' University itu kita sedia maklum bahawa kedua-dua ini tersohor di negara China dan juga di peringkat antarabangsa.

Bukan universiti ini sahaja yang belum lagi terangkum dalam senarai pengiktirafan, ada juga universiti-universiti yang lain dalam senarai *top 200*, dengan izin, yang belum lagi dapat pengiktirafan. Walaupun demikian, ia tidak sekali-sekali bermaksud bahawa kita mempertikaikan kelayakan yang berkenaan. Lagipun apa yang saya hendak betulkan tanggapan Yang Berhormat adalah siswazah kita, khususnya, yang lepasan program-program yang tertentu daripada universiti yang berkenaan, yang belum lagi dapat pengiktirafan itu sebenarnya tidak jadi soal kalau mereka ini hendak melanjutkan lagi pengajiannya, termasuk juga pengajian mereka di IPT kita ataupun di mana-mana universiti di dunia ini, walaupun mereka ini kalaulah hendak diterapkan dalam perkhidmatan awam, ini mungkin akan tertakluk kepada pengiktirafan. Sekian.

10. **Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah status laporan mengenai Dasar Wanita Nasional yang diserahkan kepada pakar perunding swasta; dan
- (b) mengapakah kandungan laporan yang dikeluarkan oleh pakar perunding mengenai Dasar Wanita Nasional diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian saya ingin mengucapkan selamat bersidang kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Parlimen yang bijaksana dan terima kasih kepada Ahli Parlimen bagi Permatang Pauh di atas soalan beliau.

Dasar Wanita Negara telah diperkenalkan pada tahun 1989 dan pada tahun 1969 Pelan Tindakan Pembangunan Wanita digubal sebagai satu pelan strategik bagi merealisasikan Dasar Wanita Negara dengan lebih komprehensif dan berkesan. Setelah 15 tahun Dasar Wanita Negara atau DWN dilaksanakan, kementerian berpendapat adalah wajar dan bertepatan masa untuk menilai semula dasar tersebut dari segi keberkesanan strategik yang digariskan dalam DWN dan PTPWN. Dan, seterusnya menambah baik strategi dan hala tuju dasar tersebut supaya selaras dengan Dasar Sosial Negara serta perubahan semasa dan keperluan masa hadapan.

Untuk menentukan maklum balas yang diterima oleh kementerian tentang keberkesanan DWN itu meluas dan meliputi pelbagai struktur kumpulan sasaran DWN, maka kementerian telah melantik perunding untuk membantu di dalam membuat kajian tersebut. Namun begitu,

kementerian berpendapat bahawa laporan yang dikemukakan tidak memenuhi terma rujukan yang ditetapkan, oleh itu, kementerian tidak meneruskan khidmat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kandungan laporan yang dikemukakan oleh juru perunding itu tidak pernah diklasifikasikan sebagai Rahsia atau Sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi. Terima kasih.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Kenapa laporan itu tidak diterima? Kenapakah tanpa diberikan terma dahulu? Dan, kalau tidak Sulit, bolehkah diberitahu kepada NGO wanita yang sepatutnya mengetahui dan diberi peluang untuk bersama-sama.

Satu lagi, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berikan sedikit penekanan bahawa apa yang telah Menteri nyatakan pada hari laporan hendak dibentangkan pada bulan Ogos yang akan datang, dan apabila Menteri juga menyatakan bahawa dalam menggubal dasar-dasar ini untuk *sensitize*, dengan izin, pihak kaum lelaki juga penting untuk melaksanakan dasar ini berjaya. Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Dalam terma rujukan kajian, juru perunding perlu mengemukakan laporan awal, laporan interim, laporan akhir berserta draf DWN dan PTPW. Walau bagaimanapun, juru perunding hanya dapat mengemukakan laporan awal pada Februari 2005, laporan interim pada Jun 2005 dan draf laporan akhir pada September 2005.

Namun begitu, draf laporan akhir tidak dapat diterima oleh kementerian berdasarkan kepada hasil daripada pertemuan kami dengan NGO-NGO dan pakar-pakar.

■ 1140

Kementerian telah pun membuat keputusan bahawa pihak kementerian akan bekerjasama dengan pakar-pakar yang lain terutamanya NGO-NGO termasuklah kaum bapa untuk menyediakan dasar wanita negara yang terbaru. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah terlanjur.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah membenarkan soalan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah terlanjur ya.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Meminta budi baik Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain masa.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**MASJID AL-AQSA – TINDAKAN JAHAT REJIM ZIONIS**

**11.40 pagi.**

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon mencadangkan mesyuarat ini ditangguhkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) bagi membolehkan Dewan ini merundingkan isu aktiviti menggali di persekitaran Masjid Al-Aqsa oleh rejim Zionis yang akan menyebabkan keruntuhan dan kemusnahan masjid yang ketiga paling suci kepada umat Islam. Ini adalah satu lagi tindakan jahat dan biadab serta satu penghinaan kepada umat Islam. Provokasi terancang Zionis ini sekiranya tidak dihentikan akan mencetuskan satu konflik yang besar yang mungkin sukar dibendung oleh dunia.

Perkara ini adalah tertentu kerana aktiviti menggali di persekitaran Masjid Al-Aqsa akan menyebabkan keruntuhan dan kemusnahan masjid yang ketiga paling suci yang pernah menjadi kiblat yang pertama umat Islam.

Perkara ini ternyata berkepentingan ramai kerana pencerobohan dan aktiviti menggali di sekitar masjid boleh memusnahkan struktur masjid dan ini mencetuskan kemarahan seluruh umat Islam dan boleh mengakibatkan terjadi konflik dunia yang sukar dibendung. Ini terbukti iaitu pada tahun 1996 aktiviti yang sama pernah dilakukan dan telah terjadi rusuhan yang mengakibatkan 80 orang terbunuh.

Perkara ini perlu disegerakan kerana ia menuntut Pertubuhan- Bangsa-bangsa Bersatu serta kuasa-kuasa besar yang lain seperti Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Russia mengarahkan rejim Zionis menghentikan aktiviti menggali di sekitar Masjid Al-Aqsa dengan serta-merta.

Dengan demikian saya percaya, hujah-hujah di atas memenuhi kriteria-kriteria yang menunjukkan usul ini penting untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih. *[Tepuk]*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat Kawasan Gombak pada hari Isnin, 19 Mac 2007. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat;

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai, dan perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini dibahaskan. [*Tepuk*].

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), Usul ini hendaklah ditempohkan sehingga pukul 4.30 petang, petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab 30 minit. Sekian.

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2007**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **USUL-USUL**

#### **JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN**

**11.15 pagi.**

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri Keselamatan Dalam Negeri mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini. Jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi,

Hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**11.46 pagi.**

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Bismillahir Rahmannir Rahim. Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya marilah kita mengangkat syukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan rahmatnya dapat kita berkumpul pada hari ini di Dewan yang mulia ini. Dengan perkenan Allah jua, maka kita dapat meneruskan tanggung jawab untuk bersidang dan memenuhi tugas kita semua dengan penuh tertib dan tersusun. Saya juga menyatakan rasa syukur dan berterima kasih kerana diberikan kesempatan dan penghormatan untuk membawa Usul ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat* ]

Tuan Yang di-Pertua, saya Markiman bin Kobiran Ahli Dewan Rakyat Malaysia bagi kawasan Hulu Langat negeri Selangor dengan ini memohon untuk mencadangkan Usul Menjunjung Kasih kepada Yang di-Pertuan Agong sekarang ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billal Shah kerana sudi berangkat menyampaikan titah ucapan di Persidangan Penggal Keempat, Parlimen Kesebelas pada hari semalam bersamaan dengan 19 Mac 2007. Usul saya adalah seperti berikut:-

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak terima kasih, syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Kesebelas”.

Tuan Yang di-Pertua, persidangan hari ini cukup signifikan dan mempunyai maknanya yang tersendiri dalam lipatan sejarah Malaysia. Tahun ini pada tanggal 31 Ogos nanti, genaplah tempoh 50 tahun kemerdekaan Malaysia. Ini bermakna, negara kita mencapai satu lagi tempoh umur kematangan pembangunannya dan terus dalam proses pendakian penuh berstrategik dan hikmah ke kemuncak kecemerlangan dan kegemilangan. Tempoh 50 tahun ditempuhi dengan kesabaran, kerja keras dan tekad bersungguh-sungguh untuk berjaya oleh seluruh rakyat,

khususnya parti Barisan Nasional. Pada hari semalam Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah menyaksikan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud membuka sidang Dewan.

■ 1150

Bagi pihak Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian, sekali lagi saya menyatakan rasa syukur dan menjunjung kasih atas titah yang Duli Tuanku sampaikan. Sesungguhnya kami di Dewan ini dan rakyat Malaysia seluruhnya berasa amat gembira dengan pemasyhuran Tuanku Yang di-Pertuan Agong yang ke-XIII. Ini adalah kerana Duli Yang Maha Mulia Tuanku Mizan Zainal Abidin yang menaiki takhta Kerajaan Negeri Terengganu ketika berusia 38 tahun membuktikan bahawa usia beliau bukan penghalang untuk menjadi pemerintah yang cemerlang. Malah Tuanku juga menjadi teladan yang baik dalam bidang sukan dan rekreasi atas minat Tuanku dalam sukan bola sepak, selam skuba, tekwando dan terutamanya sukan berkuda.

Pada tahun 2006 lalu jika tidak kerana dimasyhurkan sebagai Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ke-XIII, sudah tentu Tuanku menjadi salah seorang atlet sukan berkuda negara di temasya Sukan Asia Doha di Qatar. Terbaru baginda turut mencemar duli mengambil bahagian dalam Kejohanan Berkuda Antarabangsa di negeri Kedah. Kini walaupun di usia baginda berumur 45 tahun dengan izin Allah S.W.T, rakyat seluruhnya yakin Duli Yang Maha Mulia Tuanku dapat penuh kecergasan, kematangan, kebijaksanaan untuk mengetuai pemerintahan negara yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Baginda telah menyentuh pelbagai perkara. Antaranya ialah pentingnya kita menghayati nikmat 50 tahun kemerdekaan negara. Ini membolehkan kita terus bertekad untuk memaju dan membangunkan negara ini. Baginda begitu positif dengan kemajuan dan arah pembangunan negara. Rancangan Malaysia Kesembilan misalnya perlu dijayakan dengan bersungguh-sungguh, ikhlas, sabar dan membuahkan hasil dalam era menuju Wawasan 2020. Yang ketiga, pencapaian ekonomi negara berdasarkan petunjuk penting seperti indeks komposit Bursa Malaysia dan sebagainya perlulah diperhebatkan lagi. Sektor pemprosesan makanan industri halal, sektor perkhidmatan kewangan, pendidikan, kesihatan, pelancongan, pertanian berteknologi dan berimpak tinggi mesti terus dipacu untuk melonjakkan lagi ekonomi negara. Perkara keempat ialah pembangunan modal insan sebagai aset terpenting negara meliputi soal pendidikan, latihan, kemahiran, penerapan nilai-nilai murni perlu dipupuk sejak masih kanak-kanak hingga ke peringkat universiti.

Kelima ialah soal kesaksamaan *gender* yang mendukung aspirasi kaum wanita yang kini semakin nyata. Yang keenam ialah agenda menyusun seluruh masyarakat, menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi, menghapuskan kemiskinan tegar dan relatif

diteruskan untuk merapatkan jurang perbezaan yang ada. Yang ketujuh ialah pembangunan wilayah mestilah dipercepatkan selepas melihat perkembangan positif usaha membangunkan Wilayah Pembangunan Iskandar di selatan agar pembangunan antara wilayah dan negeri dapat diseimbangkan. Perkara kelapan ialah aspek kualiti hidup rakyat terus ditekan iaitu mudah mendapat akses dan kebebasan untuk memilih berdasarkan kemampuan meliputi soal kesihatan, perumahan, pengangkutan awam, bekalan air dan menikmati alam yang bersih, gaya hidup sihat, menghargai budaya dan pembangunan seni kreatif.

Perkara kesembilan ialah menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui pelbagai perubahan. Perkara kesepuluh ialah meningkatkan integriti membanteras rasuah dan salah guna kuasa di kalangan penjawat awam. Perkara kesebelas ialah meneruskan peranan aktif dan relevan di persada antarabangsa untuk manfaat Malaysia dan umat manusia sejagat melalui wadah ASEAN dan sebagainya. Perkara kedua belas, pantas dan proaktif dalam menangani bencana khususnya banjir yang melanda beberapa buah negeri. Langkah susulan perlu dilaksanakan untuk membolehkan kita menghadapi apa jua bencana dengan sabar, tenang dan penuh siap sedia masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling penting dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah mengingatkan kita agar memelihara dan terus saling mengukuhkan perpaduan yang wujud sejak merdeka hingga ke saat ini. Walau apa ketikanya, negara menghadapi saat-saat getir dengan bibit-bibit perpecahan dan ketidakstabilan namun semua dapat diatasi semaksimum mungkin. Perbezaan hendaklah diminimumkan sementara titik persamaan dicantum, dijaga untuk jalinan kukuh menghadapi cabaran dan membina kehidupan lebih bermakna. Sesungguhnya ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memperlihatkan keprihatinan baginda terhadap masalah dan cabaran yang sedia menanti. Keyakinan baginda terhadap kerajaan yang memerintah dan keazaman mereka untuk memayungi negara sangat terserlah.

Tuan Yang di-Pertua, kemerdekaan Malaysia telah berusia 50 tahun. Perjalanan masih terlalu jauh. Kita telah meletakkan sasaran 2020 untuk menjadi sebuah negara maju dan negara perindustrian. Oleh itu adalah amat penting untuk melihat ke hadapan dan mengetahui senario dunia pada tahun 2020 supaya kita dapat menyusun strategi yang benar-benar bersedia menghadapi cabaran ini. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun mengungkapkan tempoh 2057 pula untuk dijadikan sasaran pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau abad yang ke-19 dan 20 dikenali sebagai abad Amerika, abad ke-21 dilihat sebagai abad yang dimiliki oleh Asia, diketuai oleh Cina dan India. Dunia pada 2020 akan menyaksikan kemunculan *the new global players* dengan izin. Dunia pada 2020 akan melihat impak globalisasi yang lebih hebat. Dikatakan juga bahawa teknologi informasi akan menimbulkan keadaan di mana keupayaan mengendali sesebuah negara menjadi bertambah *complicated*. Dunia pada 2020 akan melihat satu keadaan di mana masyarakat dunia

mempunyai persepsi rasa tidak selamat. Faktor utama yang menjadi punca kepada *terrorism* juga tidak menunjukkan tanda-tanda akan reda atau berakhir. *Terrorism* nampaknya akan berterusan menjadi isu utama melewati dunia pada tahun 2020. Kemunculan negara China dan India serta beberapa negara lain sebagai pemain utama global akan merubah landskap geopolitik yang akan memberi impak yang sangat besar ke atas dunia pada abad ke-21. Pertumbuhan ekonomi mereka yang tinggi dan berkekalan, keupayaan ketenteraan dan jumlah penduduk yang besar merupakan asas kebangkitan kuasa ekonomi dan politik kedua-dua negara ini.

Dua faktor utama kejayaan negara China dan India ialah kebanyakan jangkaan menunjukkan bahawa pada tahun 2020, Keluaran Negara Kasar negeri China akan mengatasi Keluaran Negara Kasar kuasa ekonomi barat kecuali Amerika Syarikat. Keluaran Negara Kasar India pula boleh mengatasi atau sekurang-kurangnya menyamai ekonomi Eropah. Kedua, oleh kerana saiz penduduk kedua-dua negara China dan India yang begitu besar, 1.4 bilion bagi China dan 1.3 bilion bagi India menjelang 2020 sebagaimana yang dijangkakan.

#### ■ 1200

Maka taraf kehidupan mereka tidak perlu mencecah taraf kehidupan barat untuk menjadi negara ini berkuasa ekonomi penting.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2002 Perdana Menteri China Zu Rong Jie melawat kampus Infosys di Bangalore India. Ketika berucap di hadapan 4,000 jurutera perisian komputer beliau menyatakan, "Anda adalah nombor satu dalam perisian kami nombor tiga dalam perkakasan. Jika kita satukan ini kita akan menjadi nombor satu dalam dunia." Apabila Perdana Menteri Wen Jiabao melawat India buat pertama kali pada tahun 2005, beliau tidak terus ke ibu negara India iaitu New Delhi tetapi terus ke Bangalore. Tujuannya adalah untuk membuat lawatan teknologi dan selepas itu barulah ke New Delhi. Apakah yang kita dapat pelajari daripada perkara ini. Keinginan ingin tahu yang sangat tinggi terhadap faktor kejayaan sesebuah negara mendapat keutamaan dalam lawatan beliau. Belum ada Presiden atau Naib Presiden Amerika Syarikat melawat Bangalore. Saya tidak menyatakan bahawa semua ahli politik harus memiliki ijazah kejuruteraan dan harus pula melawat Bangalore.

Apa yang ingin saya sampaikan ialah pengetahuan ahli politik mengenai faktor utama yang menyumbang kepada kemajuan negara ialah teknologi informasi dan komunikasi. Perdana Menteri China pernah berkata kerjasama adalah ibarat dua pagoda, satu perkakasan dan satu lagi perisian. Disatukan kita boleh menjadi pemimpin dunia. Apabila tiba masanya ia akan membuktikan kebangkitan abad Asia dalam teknologi informasi.

Adalah penting untuk ahli politik membantu menerangkan kepada rakyat mengenai dunia sekarang ini dan apakah yang perlu untuk mencapai kemajuan dalam dunia yang serba kompetitif. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah tidak ramai di kalangan kita yang mengetahui mengenai dunia yang kita diami ini. Seorang pelabur John Doerr menceritakan pengalaman beliau. Bila anda bercakap dengan pemimpin-pemimpin China mereka adalah

semuanya jurutera. Mereka dengan serta-merta mengetahui apa yang berlaku di sekeliling mereka. Pemimpin Amerika tidak mengetahuinya kerana mereka semua adalah peguam tetapi tidak macam peguam Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak macam Yang Berhormatlah.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Peguam Malaysia lebih baik daripada peguam Amerika. Bill Gates pula menambah, pemimpin negara China suka mengambil risiko, tekun bekerja, suka belajar dan bila bertemu dengan ahli politik China mereka semua adalah saintis dan jurutera. Anda boleh berbincang secara saintifik dengan mereka. Mereka adalah birokrat yang *intelligent*.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Malaysia?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Malaysia pun bagus juga. India pula suatu ketika dahulu negara yang mundur, yang cuma terkenal dengan ahli sihir, ular dan Mother Teresa hari ini muncul sebagai pemain utama dunia dan pakar perisian komputer mereka memenuhi Amerika. Mereka adalah tonggak syarikat-syarikat multinasional di Amerika. Globalisasi bermaksud saling bergantung. Ini bermaksud aliran informasi, teknologi, modal, barangan, perkhidmatan dan manusia di seluruh dunia. Ekonomi dunia dijangka akan terus berkembang.

Menjelang tahun 2020 ekonomi dunia dianggarkan 80% lebih besar daripada ekonomi tahun 2000. Jumlah purata pendapatan akan meningkat sebanyak 50%. Kebanyakan negara sama ada negara maju atau yang sedang membangun akan mendapat faedah daripada ekonomi dunia. Perkembangan pesat dalam pasaran pengguna bermakna lebih banyak syarikat akan menjadi multinasional bertaraf dunia. Ramai pakar berpendapat bahawa Asia bersedia mengatasi negara barat untuk menjadi fokus kepada ekonomi internasional yang dinamik dengan syarat perkembangan ekonomi Asia.....

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Puchong.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** ..yang pesat dapat dikekalkan secara berterusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Puchong hendak keluar atau hendak minta penjelasan?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Boleh sedikit?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Nanti dahulu.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merasa gembira tadi Yang Berhormat bagi Hulu Langat menyatakan bahawa perkembangan ekonomi India dan juga China ini khasnya negara India iaitu mereka telah menggunakan atau telah mengambil manfaat daripada jurutera-jurutera ataupun

pakar-pakar perisian mereka di Bangalore. Saya hendak mendapat sedikit komen daripada Yang Berhormat bagi Hulu Langat bahawa mereka ini boleh dengan izin *take advantage* daripada segi *competitive advantage* negara itu iaitu jurutera perisian orang India supaya hari ini mereka menjadi satu *outsourcing centre* yang terunggul di dalam dunia. Ini telah dinyatakan dalam satu buku *The World is Flat* oleh Thomas Friedman.

So, saya hendak tanya adakah MSC negara kita ini betul-betul mengambil kesempatan bahawa MSC ini merupakan satu *competitive advantage* kita dari segi IT *development* dan juga pembangunan modal insan yang sangat penting dalam era globalisasi ini. Apa komen Yang Berhormat bagi Hulu Langat?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Saya pun hendak tanya soalan sedemikian tapi Yang Berhormat bagi Puchong sudah baca pemikiran saya. Nanti kita akan tanya sendirilah. Saya rasa pihak kementerian boleh menjawab perkara ini.

Faedah besar daripada globalisasi hanya akan dinikmati oleh negara dan kumpulan yang mempunyai akses kepada teknologi. Sesungguhnya tahap pencapaian teknologi sesebuah negara akan ditentukan oleh pelaburan dalam pengintegrasian, pemakaian teknologi global yang ada, sama ada teknologi ini diperolehi melalui penyelidikan asas sesebuah negara ataupun dari pemimpin-pemimpin teknologi sedia ada. Jurang antara yang memiliki dan yang tidak memiliki akan menjadi bertambah luas kecuali negara yang tidak memiliki mengambil polisi menyokong aplikasi teknologi baru seperti *good governance*, pendidikan universal dan reformasi pasaran.

Pada tahun 2020, akan menyaksikan negara-negara terus menjadi unit yang dominan dalam menentukan *order* global. Tetapi globalisasi dan penyebaran teknologi terutamanya teknologi informasi akan mewujudkan kekangan baru ke atas kerajaan. Pertumbuhan perhubungan sesama individu yang diikuti oleh pewujudan masyarakat *virtual* menjadikan proses bagi memerintah sesebuah negara menjadi lebih sukar.

Selain daripada itu pada abad ke 2020 dilihat sebagai dunia yang kurang selamat. Sekiranya kebanyakan negara akan menjadi bertambah kaya, globalisasi akan mencabar status quo. Pengintegrasian China dan India dengan beberapa negara lain dalam ekonomi global akan mewujudkan ratusan juta pekerja dalam pasaran buruh. Pasaran buruh akan menjadi lebih *integrated*.

Kerajaan yang lemah, ekonomi yang mundur, ekstremisme agama kesemuanya menjadi satu punca kepada konflik dalaman sesetengah rantau di dunia. Sesetengah daripada konflik dalaman ini terutama yang melibatkan kumpulan etnik menjangkau sempadan nasional dan berisiko menjadi konflik *regional* dan konflik dalaman ini boleh mengakibatkan kegagalan negara. Konflik dalaman boleh menghakis kawalan efektif ke atas wilayah dan penduduk. Akibatnya sesuatu wilayah mungkin akan menjadi sarang *terrorist* transnasional, penjenayah dan pengedar dadah di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kemajuan dalam senjata moden, peluru berpandu, sasaran tepat dan lain-lain senjata pemusnah dapat mewujudkan situasi yang menggalakkan penggunaan kuasa *military* primitif. Negara-negara berkuasa nuklear akan terus mempertingkatkan kekuatan mereka untuk menghalang dan pasti akan mempertingkatkan kebolehan mempertahankan serangan peluru berpandu. Negara-negara yang tidak mempunyai senjata nuklear kemungkinan akan turut serta cuba mendapatkan senjata nuklear kerana jiran-jiran mereka dan juga pesaing-pesaing yang boleh berbuat demikian.

■ 1210

Terrorism international tidak menunjukkan tanda-tanda akan berkurangan dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang. Dengan komunikasi global kebangkitan Islam akan mewujudkan satu kerangka penyebaran ideologi Islam radikal di seluruh negara termasuk Asia Tengah, Eropah Barat. Kebangkitan ini di bantu oleh semangat persaudaraan yang mendalam dengan orang-orang Islam yang terlibat dalam konflik di Palestin, Iraq, Kashmir, Mindanao dan Selatan Thailand. Pada bulan Disember 2004, Tuan Yang di-Pertua *National Intelligent Council* yang beribu pejabat di Washington DC telah menerbitkan sebuah laporan yang di kenali sebagai projek 2020. Laporan ini berasaskan pendapat dan pandangan pakar-pakar seluruh dunia. Laporan ini menjangkakan terdapat empat senario yang akan di hadapi oleh dunia pada 2020. Empat senario tersebut ialah:

- (i) senario pertama iaitu dunia *devours*. Pertumbuhan ekonomi dunia yang 'robbers' di ketuai oleh China dan India akan merubah proses globalisasi. Globalisasi tidak akan berwajah Barat 100% dan ini akan mengubah landskap Geopolitik dunia. Globalisasi tidak akan merupakan 100% buatan Amerika atau *made in America*.
- (ii) senario kedua ialah *pack-Americana*. Akan melihat Amerika terus dominan dalam pelbagai aspek yang tertentu.
- (iii) senario yang ketiga ialah senario satu khalifah baru. Iaitu memperlihatkan suatu keadaan bagaimana satu pergerakan global di sertai politik berasaskan identiti keagamaan yang radikal yang akan menjadi satu cabaran kepada norma-norma dan nilai barat yang menjadi asas sistem global.
- (iv) senario yang keempat ialah putaran ketakutan. Menunjukkan keadaan bagaimana kebimbangan masyarakat dunia terhadap *terrorism* dan tindakan-tindakan *preemptive* yang lebih drastik yang akan di ambil oleh negara-negara bagi menghalang oleh terorisme dan serangan maut. Setelah melihat kedudukan ekonomi dunia menjangkau tahun 2020, marilah kita melihat daya kompetitif Malaysia untuk menjangkau ke arah tempoh yang sama.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Oh, ya. Sila.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Saya rasa beberapa *statement* dan kata kunci yang cukup baik telah di kemukakan di olah tadi dengan begitu rapi sekali. Di antara *statement* yang telah saya dengar tadi, globalisasi tidak seharusnya tidak sepenuhnya berwajah barat. Saya kira ini adalah merupakan satu *statement* yang baik malah ada buku yang mengatakan bahawa dengan globalisasi akan berlaku *the death of the nation state*. Kematian dan kepupusan negara bangsa itu sendiri. Tapi apa yang saudara beri itu agak bertentangan dengan apa yang di sebut oleh Ohmae seorang penulis daripada Jepun yang menyebut bahawa akan berlaku ketumpasan dan menghapuskan identiti dan jati diri *the nation state*. Sedangkan saudara mengatakan tadi globalisasi tidak semestinya berwajah barat semuanya.

Saya hendak tanya saudara dalam konteks ini, bagaimanakah kita di Malaysia ini dalam usaha kita menentukan wajah dan corak kita, dalam usaha kita menentukan acuan kita tersendiri seperti mana yang terdapat dalam wawasan 2020 itu. Setakat ini kita berjaya bina, membina acuan kita sendiri supaya jati diri kita itu tidak terhakis membina konsep apa yang di sebut sebagai '*glocalization*' ataupun masyarakat global di Malaysia ini telah mencapai bibit-bibit pelaksanaannya.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Kita sedar bahawa proses globalisasi bukan sahaja satu proses jangka pendek. Ianya berterusan dari semasa ke semasa. Ia bukan sahaja bermula pada tahun ini serta melintasi tahun 2020. Tapi apa yang lebih penting ialah daya ketahanan Malaysia itu sendiri. Oleh sebab itu, kepimpinan di peringkat negara kita telah menyarankan pelbagai usaha termasuklah mewujudkan daya saing yang tinggi. Pengukuhan modal insan dan sebagainya. Saya yakin dengan usaha yang begini kita berjaya untuk mengekang apa jua pengaruh yang negatif terhadap perkembangan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ok, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Silakan.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menyambung sedikit daripada Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu, ya. Global yang di katakan tadi, ya. Yang Berhormat Hulu Langat, saya ingin bertanya ya, kalau zaman dahulu *hardware* dengan izin ya, di gunakan daripada sebelah ketimuran Barat. Menggunakan *hardware* daripada ketimuran. Yang di perkatakan *hardware* ini

adalah menggunakan tenaga manusia. Tenaga manusia, *for level intensive* dengan izin ya. Tetapi sekarang kita tengok trendnya sudah berubah di mana *software* pun mereka menggunakan orang Asia Ketimuran.

So dalam buku '*The World is Flat*', dia mengatakan bahawa, "Asia bukan lagi seperti dahulu di mana kita hanya memberi pembekalan tenaga kerja tapi sekarang kita memberi *intelligent* - kepintaran kepada dunia barat mereka mempunyai kuasa politik, dan mereka mempunyai kuasa ekonomi untuk memperalatkan kita. Maka ini membuktikan bahawa model Malaysia, model Asia adalah cukup berjaya dalam menangani masalah kita sendiri. Dan balik kepada induk tadi yang di katakan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat, segala-galanya balik kepada modal insan. Dan modal insan ini banyak menjurus kepada nilai. *Character believe* dengan izin. Tanpa *character* apa jua pun di bekalkan tidak boleh di majukan.

Maka saya rasa fokus itu dalam pembangunan agenda dalam pembangunan agenda negara belum betul-betul mantap lagi walaupun kita sudah ada banyak cerita, banyak dia punya kerangka tapi intinya belum di suburkan lagi. Apakah yang boleh di buat benar-benar kita mendabik dada dan tanya, apakah benar-benar yang boleh di buat dalam membentuk nilai ini? Yang menjadi begitu penting sebagai asas pembangunan modal insan?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih yang Berhormat bagi Cameron Highlands, saya benar bersetuju bahawa kalau yang di katakan sebagai tenaga manusia, *hardware* atau *software* yang dulunya di bawa ke barat. Berasal daripada Asia dan sekarang kepakaran, kebijaksanaan juga di bawa daripada Asia. Oleh sebab itu ramai pakar-pakar perisian komputer di Amerika syarikat di penuh oleh pakar-pakar perisian komputer daripada India salah satu daripada negara dalam Asia. Oleh itu sebagai sebuah negara dalam Asia, Malaysia harus mempertingkatkan kebolehan mereka dalam menyaingi kejayaan-kejayaan yang telah di capai oleh rakan-rakan kita daripada negara India dan negara China.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia yang serba kompetitif ini adalah sangat penting untuk mengetahui di manakah kedudukan Malaysia. Hanya dengan ini kita akan dapat melihat langkah-langkah yang perlu dipertingkatkan untuk memperbaiki kedudukan Malaysia. Kajian global oleh *Economic Intelligent* Unit tahun 2005 hingga 2009 mengenai negara terbaik untuk menjalankan perniagaan pada bulan Mac 2005 meletakkan Malaysia di tangga ke 31 daripada 60 buah negara. Kajian sebelumnya pada tahun 2000 hingga 2004 melihat Malaysia di letakkan ke tangga ke 22. Ini menunjukkan kejatuhan yang amat ketara.

Satu kajian lain oleh Forum Ekonomi Dunia '*The Global Competitiveness Report*' yang terbaru pada tahun 2006 hingga 2007 meletakkan Malaysia ke tangga ke-26 di belakang Korea yang berada di tangga ke-24. Kajian yang sama terdahulu pada tahun 2005 meletakkan Malaysia di tangga ke-25 turun ke satu anak tangga lagi. Laporan itu juga menyatakan bahawa Malaysia merupakan satu daripada ekonomi yang paling efisien di rantau Asia. Pasaran buruh yang fleksibel, pasaran barangan yang tidak pasaran yang tidak terganggu, dan institusi awam

dalam pelbagai aspek beroperasi yang tahap yang tinggi. Dengan infrastruktur yang moden dan suasana peraturan yang baik di sertai oleh *method* pengeluaran yang canggih dan penggunaan teknologi baru akan memberi sumbangan kepada pertumbuhan yang lebih tinggi dan pembangunan pesat yang berterusan.

■ 1220

Tuan Yang di-Pertua, Singapura kekal di tangga kelima sebagai negara yang paling kompetitif di dunia. Jepun di tangga ketujuh, Hong Kong kesebelas, Taiwan ketiga belas. Negara-negara ini mempunyai infrastruktur berkualiti tinggi, pasaran yang fleksibel dan sihat dan tenaga kerja yang berpendidikan. Mempunyai bahan yang lebih kurang sama seperti yang ada di negara kita.

Kita harus melihat kenapakah kedudukan Malaysia semakin menurun dari setahun ke setahun? Faktor-faktor kritikal yang diambil kira dalam menentukan produktiviti dan daya saing ialah institusi, infrastruktur, mikro ekonomi, kesihatan dan pendidikan rendah, pendidikan tinggi dan latihan, keberkesanan pasaran, kesediaan teknologi dan inovasi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [*Bangun*]

**Dato' Markiman bin Kobiran :** Kepong boleh cakap kah perkara ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua. Itu penjelasanlah itu. Hulu Langat, dia memang begitu, membuat persiapan yang cukup dan ada cadangan bernas juga. Di Malaysia, pagi ini saya nampak begitu positif mengenai imej kita. Dia sebutkan ..... tidak, di Malaysia pagi ini dia tidak dengar dan menonton pun. Sangat positiflah sikap dia macam ini. Macam ini sikap dia [*Menunjukkan gaya*]..... Hah! Mengenai teksi kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, itu tidak berkaitan dengan teksi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang, memang, memang. Ini kena mengena.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sektor pelancongan.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Teksi lah!

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia langsung tidak bangkitkan perkara dengan teksi atau *jam*.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini kena mengena dengan persepsi orang terhadap kita dan Yang Berhormat bagi Hulu Langat dia hendak meningkatkan persepsi yang baik. Tetapi bolehkah Yang Berhormat sebutkan kepada kita macam mana? Kerana teksi sendiri itu perkara yang lainlah. Saya tahu, tetapi imej. Teksi kita itu kadang kala teruk.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Menjahanamkan pelancongan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat sebagai Pengerusi, tiada memperbaiki, macam mana kita boleh meningkatkan, memperbaiki, mengindahkan imej kita.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Betul, betul.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Ini saya tengah bercakap pasal imej ekonomi negara, dia cakap fasal teks. Teks itu nanti kita bincang di luarlah. Ini perkara yang terlalu kecil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Saya bersetuju Yang Berhormat.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Perkara kecil kita bincang di luar.

**Beberapa Ahli Pembangkang :** *[Ketawa]*

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Forum Ekonomi Dunia menyatakan banyak negara mampu mempertingkatkan kekayaan jika mereka mampu mempertingkatkan produktiviti. Cabaran utama dalam pembangunan ekonomi ialah bagaimana untuk mewujudkan persekitaran atau iklim atau pertumbuhan ekonomi yang giat dan berkekalan.

Bank Dunia dalam laporannya.....

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat Cheras, bukan teksilah Yang Berhormat?

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Bukan, bukan. Ini mengenai pertumbuhan ekonomi dan iklim pelaburan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Sebelum pergi ke ekonomi global, ingatlah dan fikirkan kawasan kita dan sebelum negara balik ke kawasan parlimen sendiri di mana kita memberi perkhidmatan.

Saya merujuk perkara ini kerana adakah Yang Berhormat sedar rakyat atau penduduk-penduduk yang tinggal di kawasannya khasnya mereka yang tinggal di Bandar Mahkota Cheras dan Bandar Sungai Long adalah kumpulan penduduk-penduduk yang mengalami masalah ekonomi tidak tumbuh, iklim pelaburan sangat lemah akibatnya ialah ..... access tadi Yang Berhormat bagi Hulu Langat ada sebut mengenai IT, access pengangkutan jalan raya dan sebagainya yang digantung dalam Ucapan Titah DiRaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya ingat dua perkara ini, ..... Yang Berhormat sendiri tahu.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat adakah Yang Berhormat sedar ..... ini perkara penting.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya ingat, bolehlah bincang di sini.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Yang Berhormat tidak layak bercakap di sini mengenai ekonomi global, ekonomi negara, kalau ekonomi kawasannya pun tidak dapat diselesaikan.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Okay, okay, sekejap, sekejap.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Ini, dia tidak layak. Haruslah tamat ucapannya. Sila duduk.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** *[Ketawa]*

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Sila duduk, adakah Yang Berhormat sedar bahawa rakyat di kawasannya sedang menderita, sengsara kerana jalan utamanya ditutup.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat ..... baiklah.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ..... kerana kerajaan hendak mengenakan tol.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Yang Berhormat, sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, Yang Berhormat, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat yang ..... Yang Berhormat minta penjelasan bukan .....

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Ini kisah benar. Ini kisah benar.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Okay, okay.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Baiklah.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Sebab Yang Berhormat sebagai Wakil Rakyat di sana.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Saya akan menjelaskan. Duduk dahulu, duduk dahulu.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Yang Berhormat sebagai Wakil Rakyat di situ, tidak pernah menyuarakan kekecewaan dan kesengsaraan rakyat di situ. Sayalah bagi pihak mereka memperingatkan Yang Berhormat janganlah lupa membawa perkara ini ke Dewan sebab jalan utama itu sudah siap dibina dengan kos RM60 juta oleh pemaju tetapi sudah siap dibina hampir dua tahun tidak boleh digunakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, cukup, cukup.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Okay, okay. Sudah, sudah.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Apakah peranan yang telah dimainkan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat walaupun rakyat di situ sudah membawa perkara ini banyak kali untuk pengumuman awam, mereka pun telah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Yang Berhormat, .....

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Yang Berhormat, benarkan saya sedikit masa lagilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, cukup, cukup.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Sudah, sudah. Saya sudah tidak membenarkan. Saya sudah tidak membenarkan. Cukup, cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Cukup, cukup.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Cukup! Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Tetapi Yang Berhormat *choose, to turn to deaf ear*

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** *To suffering of the people there.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Baik, baik.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Saya ingin tahu sahaja. Kalau kita dapat menjawab di sini, tak payah panjang lebarlah ucapannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Cukup, cukup, cukup, cukup. Cukup Cheras.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat dibenarkan teruskan ucapan.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Saya baru bercakap tak sampai setengah jam. Saya ada banyak lagi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Yang Berhormat, saya anggap perkara yang dibangkitkan tidak ada kena mengena dengan apa yang bincangkan oleh Yang Berhormat. Teruskan ucapan.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, ini stail saya. Saya punya gaya, saya masuk global dahulu, lepas itu pergi ke Malaysia ke negeri Selangor baru masuk ke kawasan saya sendiri. Ini dia tidak sabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] :** Ini gaya pun tidak penting di sini. Teruskan ucapan Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli Pembangkang :** *[Ketawa]*

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** *[Ketawa]* Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Nanti saya akan jawab kemudian.

**Seorang Ahli:** Tak payah jawablah.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Bank Dunia dalam laporannya Doing Business 2007 mengemukakan lima persoalan yang berkaitan menjalankan perniagaan. Persoalan sama ada sukar atau mudah untuk memulakan sesuatu perniagaan dalam suasana undang-undang dan peraturan tempatan dan yuran pelesenan, mengambil dan membuang pekerja, menguatkuasakan kontrak, mendapatkan kredit dan yang kelima menutup sesuatu perniagaan apabila berlaku kegagalan.

Laporan ini menilai negara-negara mengikut kemudahan menjalankan perniagaan dari tahap 1 hingga ke tahap 175 dengan satu 1 adalah terbaik. Kedudukan teratas adalah bermakna suasana perundangan yang kondusif bagi menjalankan perniagaan. Dari kemudahan menjalankan perniagaan, Bank Dunia meletakkan Malaysia di tangga ke 25 sementara Singapura di tangga teratas.

Dari segi memulakan perniagaan baru, Malaysia berada di tangga ke 71 berbanding Singapura di tangga ke 11. Dari aspek pelesenan pula, Malaysia di tangga ke 137 berbanding Singapura di tangga ke 8.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini harus diperhatikan supaya kita dapat menjadi negara yang lebih kompetitif di dalam merebut peluang ekonomi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan, usaha-usaha telah dan akan dilaksanakan untuk memperkukuhkan sumber kekayaan baru negara terutama dalam aktiviti-aktiviti yang berasaskan sains dan inovasi. Fokus kita ialah kepada industri ICT dan bioteknologi. Selain daripada industri *handicraft* juga ingin dibangunkan dan diperkukuhkan sebagai sumber kekayaan baru dan ini adalah sangat baik.

Tetapi, persoalannya apakah sumber kekayaan baru sebenar dunia? Apakah yang dianggap oleh dunia sebagai kekayaan baru ini? Jawapannya ialah nano teknologi.

■ 1230

Nanoteknologi merupakan pengeksploitasian sains dan teknologi di peringkat atom dan molekul bagi menghasilkan barangan dan perkhidmatan. Nanoteknologi akan memberi impak yang sangat besar kepada ekonomi global. Nanoteknologi telah di kenal pasti sebagai asas kepada semua teknologi abad ini. Nanoteknologi merupakan peluang untuk mewujudkan barangan dan perkhidmatan yang lebih baik. Jualan barangan berdasarkan nanotek akan meningkat dari 0.1% kini kepada 15% pada tahun 2014 yang bernilai USD2.6 *trillion*.

Nilai ini kan menyamai industri ICT dan telekomunikasi dan 10 kali ganda lebih besar daripada pendapatan industri bioteknologi. Datuk Yang di-Pertua, *The National Science Foundation*, sebuah entiti penyelidikan yang sangat berpengaruh di Amerika Syarikat menjangkakan industri nanoteknologi akan melibatkan 2 juta pekerja pada tahun 2015. Kerajaan Australia misalnya, menganggarkan bahawa tahun 2014, nilai barangan dan perkhidmatan yang berasaskan nanotek ini, di negara mereka ialah AUD50 bilion. Menyedari kepentingan industri berasaskan nano ini, Amerika Syarikat telah meluluskan satu undang-undang khusus mengenai nanoteknologi pada tahun 2004. Tujuan undang-undang ini adalah untuk mewujudkan dana khas untuk membangunkan industri ini sebagai sumber kekayaan baru.

Kesatuan Eropah telah menyusun polisi dan strateginya bagi menjadi juara dalam bidang ini. Selain Amerika, Kesatuan Eropah, 60 buah negara maju sedang membangun dengan mempunyai strategi, polisi, program khusus bagi membangunkan industri teknologi. Untuk makluman dewan yang mulia ini, Brazil dan Thailand menjadikan nanoteknologi sebagai prioritas dalam agenda pembangunan tersebut. Negara yang berada di tempat selepas Amerika, Jerman dan Jepun ingin menjadi nombor satu dalam bidang nanoteknologi.

Di seluruh dunia, terdapat lebih daripada 2000 syarikat baru yang ditubuhkan bagi mengeksploitasikan bidang nanoteknologi. Di Amerika, Eropah, Jepun, China, ribuan paten nanoteknologi telah difailkan dan akan didaftarkan. Terdapat 400 hingga 600 barangan berasaskan nanoteknologi telah berada dalam pasaran dunia kini. Seorang pakar menyatakan, menjelang 2015 separuh daripada produk baru akan di keluarkan menggunakan nanoteknologi. Produk yang berada di pasaran kini daripada sebuah bola tenis kepada barangan kosmetik dan barangan industri permotoran dan angkasa lepas. *Institute for Global Future*, sebuah institusi

yang memberi nasihat kepada 1000 syarikat terbesar di dunia dan kerajaan menyatakan bahawa nanoteknologi adalah satu kesinambungan bab baru dalam teknologi canggih yang lebih penting.

Dan ini menjadi indikasi kepada transformasi ekonomi global masa hadapan. Nanoteknologi akan meningkatkan kekayaan negara, organisasi dan industri masa hadapan. Nanoteknologi akan mewujudkan sumber kekayaan baru yang sangat besar. Nanoteknologi akan memusnahkan kekayaan lama dan menggegarkan setiap perniagaan di planet ini. Tidak dapat di nafikan, Datuk Yang di-Pertua di negara kita terdapat banyak universiti yang menjalankan penyelidikan dalam bidang ini.

Penyelidikan sangat penting tetapi dalam dunia yang sangat kompetitif ini, yang lebih penting ialah kemampuan untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan berasaskan sesuatu teknologi dengan seberapa segera. Penyelidikan untuk penyelidikan tidak akan memberi apa-apa faedah. Saya ingin menyarankan beberapa perkara di sini. Yang pertama, satu entiti di peringkat nasional harus ditubuhkan bagi menjadi pemacu kepada usaha membangunkan industri berasaskan nanoteknologi. Kalau ini sudah di jalankan, ia baik tetapi haruslah dipercepatkan. Yang kedua, satu kajian terperinci dan menyeluruh bagi mengkaji strategi dan opsyen terbaik untuk negara kita membangunkan industri ini mesti di lakukan.

Perkara ketiga, institusi yang menjalankan penyelidikan dalam bidang ini, harus mendapat kerjasama dengan entiti luar negara kerana kepakaran mereka. Kerajaan dalam hal ini mesti memainkan peranan bagi menerajui kerjasama ini. Ramai pakar berpendapat, ianya adalah strategi yang sangat baik. Datuk Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan usul ini, saya ingin menarik perhatian kerajaan serta dewan yang mulia ini kepada satu pembinaan baru yang di katakan.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** : Datuk, minta penjelasan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]** : Ya, Temerloh. Silakan.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** : Terima kasih Yang Berhormat. Saya ucap tahniah. Satu ucapan yang begitu baik sekali. Terutama menyentuh tentang nanoteknologi ini. Yang Berhormat sebut beberapa saranan yang harus di buat tadi tapi saya rasa satu perkara penting yang barangkali perlu diberikan perhatian ialah kepakaran kita, sumber tenaga kita.

Saya ambil contoh MSC. Kita ada satu infrastruktur ICT yang terbaik di dunia. Malahan MSC antara yang pertama ditubuhkan di Asia tapi malangnya, kita punyai infrastruktur yang begitu baik tetapi kita tidak ada gred. Ertinya, tenaga mahir kita tidak ada. Dan kita takut nak bawa daripada luar. Saya cukup tertarik dengan nanoteknologi yang di sebut oleh Yang Berhormat ini. Ini *future* ini. Ini sumber kekuatan ekonomi masa depan dunia. Kita tak hendak lagi kita terlambat. Macam MSC, kita terlambat. Kerana kita tidak menyediakan *brain*, orang lain dah *overtake* kita. China yang kemudian daripada kita dah *overtake* kita.

Thailand pun begitu. Barangkali tidak lama lagi Vietnam pun akan *overtake* kita. Jadi saya ingat dalam hal ini, perlu kerajaan memberikan perhatian bagaimana kita hendak kumpulkan, hendak dapatkan kepakaran *brain* ini. Kalau perlu kita import, kita bawa daripada luar, beli daripada luar, kita beli. Supaya kita tidak lagi tertinggal ke belakang. Terima kasih.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** : Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Saya benar-benar bersetuju dengan pandangan yang di kemukakan oleh Yang Berhormat. Oleh sebab itu saya nyatakan tadi bahawa kerajaan mesti mempunyai sikap terbuka untuk mengadakan kerjasama dengan entiti luar negara. Dan saya tidak faham kenapa sehingga kini kita gagal untuk menjual perkhidmatan yang ada dengan MSC ini.

Dan ini adalah sepatutnya menjadi prasarana yang terbaik kepada penyelidik-penyelidik, pengusaha-pengusaha daripada luar negara yang mempunyai teknologi nano ini untuk bekerjasama dengan negara kita kerana kita sudah mempunyai prasarana yang cukup baik malah yang terbaik di seluruh dunia. Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Datuk Yang di-Pertua, saya ingin berpindah kepada satu tajuk yang lain, saya ingin mengucapkan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]** : Yang Berhormat, Santubong.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** : Ya, silakan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** : Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya juga ingin menyentuh apa yang di sentuh apa yang di sentuh oleh Yang Berhormat daripada Temerloh. Sebelum Yang Berhormat berpindah kepada persoalan nanoteknologi dan persoalan keperluan guna tenaga manusia berhubung dengan nanoteknologi dan atau apa saja teknologi tinggi di negara kita.

Masalah yang terbesar bagaimana yang telah di sebut oleh Yang Berhormat Temerloh tadi ialah kita kebelakangan daripada guna tenaga manusia ataupun *human resource development* dengan izin untuk mengisi keperluan dasar negara untuk membangun teknologi yang ke hadapan. Yang kedua, mungkin universiti kita tidak boleh mengisi dengan seberapa cepat yang boleh kerana ini memakan masa yang panjang untuk melatih seseorang menjadi *researchers*, menjadi *scientist*, menjadi pakar, *technician* dan sebagainya.

■ 1240

Tetapi kita ada saranan atau alternatif yang kedua iaitu untuk *outsource* pakar daripada luar negara. Yang Berhormat menyebut persoalan kerjasama dengan universiti. Saya mengetahui juga sedikit sebanyak persoalan kerjasama di antara industri dengan universiti ini di luar negara umpamanya di Korea, di Jepun, di negeri China dan termasuk juga di Taiwan.

Tetapi persoalan besar yang kita hadapi yang nampaknya kerajaan, satu, kakitangan kerajaan bercakap soal untuk menarik pakar-pakar daripada belah luar negara untuk datang ke negara kita. Dalam sebelah tangan lagi, kerajaan menghalang kedatangan pakar-pakar ini ke negara kita kerana dasar ini ialah amat tidak diselaraskan.

Jadi, persoalannya di mana letaknya kelemahan kita daripada menarik pakar-pakar daripada luar negara untuk mengisikan keperluan, bukan sahaja soal *nanotechnology* tetapi juga dalam semua bidang bioteknologi dan sebagainya, kita masih berkurangan. Jadi persoalannya di mana letak permainan yang dibuat oleh kementerian, umpamanya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dalam soal *immigration policy* kita yang tidak membantu yang mana satu lagi tarikan dan insentif yang kita beri secara keseluruhan bukan soal kereta, soal gaji, soal upah dan sebagainya tetapi total *environment* untuk pakar-pakar ini masuk ke negara kita. Terima kasih.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya faham rasa kecewa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong dan eloklah perkara ini kita ajukan kepada pihak kerajaan untuk memikirkan satu kaedah terbaik tetapi apa yang lebih penting ialah saya berharap pihak kerajaan sedar betapa pentingnya nanoteknologi dalam industri pembuatan yang akan menjadi '*the aim thing*' dalam abad-abad mendatang.

Saya mendapat maklumat bahawa terdapat hasil daripada kajian nanoteknologi ini yang menyatakan bahawa tayar sebuah kereta boleh menjadi ia punya *lifespan*, umurnya lebih lama daripada hayat sebuah kereta. Kalau ini terjadi, kalau ini benar-benar berlaku kepada negara kita yang mengeluarkan hasil getah utama dunia, apa yang akan terjadi dengan petani dan penoreh getah di negara ini dan menunjukkan bahawa betapa kurangnya nanti penggunaan bahan ini di pasaran antarabangsa. Bukan sahaja kita melihat jangkauan kejayaan nanoteknologi itu sendiri tetapi kita mestilah bersedia untuk melihat impaknya pula kepada industri atau pendapatan kepada rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berpindah kepada satu tajuk yang lain. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa syukur kepada Allah S.W.T dengan limpah rahmatNya, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dan Nilai Keluaran Negara Kasar yang berkembang pada 5.9%, melepasi daripada unjuran yang dibuat sebelum ini iaitu 5.8%. Lebih membanggakan lagi apabila statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor perkhidmatan dan pertanian meningkat kepada kadar yang lebih pantas.

Sektor pertanian berkembang kepada 6.5% adalah disebabkan oleh prestasi yang kukuh minyak kelapa sawit mentah, getah dan kegiatan pengeluaran makanan. Melihat kepada senario ini, tidak dapat dinafikan bahawa sektor pertanian pada masa kini bukan sahaja hanya untuk keperluan diri sendiri tetapi boleh menjadi satu perniagaan untuk memperoleh kekayaan. Persepsi dan sikap inilah yang perlu diubah oleh kebanyakan petani atau pengusaha bidang pertanian yang selama ini mengusahakan bidang ini secara ala kadar atau cukup makan sahaja.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah menambahkan peruntukan sebanyak RM6.9 bilion ke dalam sektor pertanian berbanding RM3.8 bilion pada Rancangan Malaysia Kelapan iaitu tambahan sebanyak 94%. Pada tahun ini pula, kerajaan menambahkan lagi peruntukan sebanyak RM1.8 bilion untuk memajukan sektor pertanian di seluruh negara.

Mengikut statistik, pengeluaran hasil beras seluruh negara hanya dalam lingkungan 1.2 juta tan setahun tetapi keperluan beras di negara kita pula adalah sebanyak 1.8 juta tan setahun. Maknanya untuk tidak mengimport beras, petani kita perlu menambah pengeluaran sebanyak 600 ribu tan setahun tetapi masalahnya sekarang ialah keluasan kawasan penanam padi yang bukan sahaja semakin mengecil tetapi tidak pula diusahakan.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, di negeri Kedah kebanyakan kawasan yang dahulunya ditanam dengan padi, kini menjadi kawasan pembangunan perindustrian dan malah kawasan kediaman. Sedangkan hasil pengeluaran padi negara tersebut adalah pada kadar 52% daripada bekalan negara. Jika ini berterusan keadaannya, adalah mustahil untuk kita meningkatkan hasil pengeluaran jumlah beras yang banyak. Maka kita terpaksa mengimport purata 600 ribu tan beras setahun.

Persoalannya, adakah pembangunan yang dijalankan di negeri tersebut masih boleh meningkatkan mutu pengeluaran padi negara sedangkan hasil pengeluaran padi di negeri tersebut adalah rata-rata pada kadar 4 tan sehektar berbanding dengan sebuah negeri maju yang lain yang menghasilkan purata menjangkau 10 tan sehektar. Apakah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bercadang untuk melaksanakan konsep pertanian sara negara bagi menjadi peneraju dalam sektor pertanian di negara ini dalam tempoh lima tahun yang akan datang?

Sememangnya layak digelar sebagai negeri maju kerana petani-petani dalam kawasan ini melepasi taraf hidup di bawah paras kemiskinan. Justeru penukaran konsep petani sara diri kepada sara negara haruslah disokong. Sekiranya negara kita masih bergantung kepada import pertanian daripada negara-negara jiran terutamanya Thailand, rakyat akan menghadapi masalah dan jika berlaku sesuatu di antara kedua buah negara, menyebabkan bekalan tidak akan masuk ke dalam negara ini.

Melalui konsep *from waste to wealth*, dengan izin, atau *trash to treasure*, dengan izin, atau *rag to riches*, juga dengan izin, pendapatan pesawah boleh dipertingkatkan. Jerami padi yang dahulunya dibakar, kini mendatangkan wang bila mana digunakan di rumah-rumah cacing bagi menghasilkan baja kompos dan organik. Baja terurai yang dihasilkan boleh menjimatkan kos penanaman padi dan boleh juga digunakan di kawasan-kawasan penanaman padi dan buah-buahan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada penghujung tahun lepas, Indonesia dengan kawasan tanahnya yang seluas 1.83 juta kilometer persegi hampir enam kali ganda keluasan Malaysia akan mengatasi kedudukan negara ini sebagai pengeluar minyak kelapa sawit nombor satu dunia. Tahun ini Indonesia dijangka mengeluarkan sejumlah 15 juta tan minyak kelapa sawit, di belakang sedikit daripada Malaysia yang mengunjurkan menghasilkan 15.8 juta tan.

Secara ringkasnya, kedudukan Malaysia sebagai peneraju pasaran minyak sawit akan terancam. Rentetan daripada situasi inilah yang membawa kepada pembentukan syarikat

pengeluar minyak gergasi dunia iaitu Synergy Drive Sdn. Bhd. yang melibatkan penjualan perniagaan Sime Darby Berhad, Golden Hope Plantation dan Kumpulan Guthrie Berhad. Adakah langkah pembentukan konglomerat ini berupaya mengukuhkan industri kelapa sawit negara bila mana ianya membentuk kuasa pasaran baru dan sebagai syarikat perladangan terbesar dunia.

Synergy Drive akan mempunyai kira-kira RM6 bilion saham yang mana 45% atau RM2.7 bilion dimiliki oleh PNB dan para pelaburnya. PNB memegang saham 39.8% dalam Sime Darby, 51.8% dalam Golden Hope Plantation dan 72.9% dalam Kumpulan Guthrie Berhad.

■ 1250

Adakah dengan penguasaan 45 peratus dalam 'Synergy Drive' bermaksud kita telah berlaku kecairan pemilikan ekuiti bumiputera dalam entiti baru ini memandangkan pemilikan PNB akan berada di paras 50 peratus. Selain itu adakah entiti baru ini juga akan mengambil alih status penyenaian ketiga-tiga saham syarikat perladangan tersebut boleh diklasifikasikan sebagai syarikat bumiputera dalam mengira ekuiti antara kaum.

Saya berpandangan, kepentingan para pelabur bumiputera perlu diberi perhatian kerana majoriti pemegang saham PNB kebanyakannya adalah bumiputera. Adakah penggabungan ini akan memberikan pulangan yang tinggi kepada pemegang saham PNB untuk mengaut keuntungan yang berlipat ganda pada masa hadapan. Justeru penggabungan tersebut memerlukan kajian dan penelitian yang rapi dan telus agar tidak merugikan kaum bumiputera PNB serta lapan juta pelabur unit-unit amanahnya.

Masalah paling besar dalam penggabungan dan pengambilalihan ini ialah melibatkan pengurangan kakitangan, satu lagi keadaan yang diwujudkan oleh penstrukturan semula MAS tempoh hari. Sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam kes ketiga-tiga GLC ini, masalah boleh dianggap sebagai mega. Sime Darby memiliki pekerja 28 ribu orang, G Hope 26 ribu orang, Guthrie 55 ribu orang. Oleh yang demikian kerana pekerja sebanyak itu satu sistem sokongan yang sewajarnya perlu dibentuk bagi mengelakkan ianya membawa masalah dan petala politik kepada negara kita. Sebagai sebuah negara yang pesat membangun langkah yang diambil merupakan satu perubahan untuk mungkin sebahagian proses globalisasi yang akan menjadi kebiasaan bukan sahaja melibatkan syarikat domestik tetapi juga syarikat rantau dan antarabangsa.

Walau pun langkah ini mungkin sebagai strategi perniagaan penting mendepani masalah dominasi pengeluaran kawalan harga dan penguasaan pasaran namun semua harus dilakukan dengan cermat agar yang dikejar itu dapat dan yang di kendung tidak kecikiran, benar mesti kita berani berubah tetapi janganlah perubahan itu menewaskan kita. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya perkatakan di awal tadi, prestasi ekonomi negara berada di tahap yang memberangsangkan. Terdapat beberapa faktor tambahan yang menyumbang ke arah itu.

Faktor pertama adalah sektor pembuatan iaitu perkilangan dan pemprosesan yang meningkat sebanyak 7.6 peratus, kilang-kilang pengeluaran hasil lebih tinggi daripada

sebelumnya. Jumlah pekerja serta bahan digunakan juga bertambah. Faktor kedua, yang menyumbang kepada hasil pengeluaran komuniti utama negara meningkat. Pada tahun 2005 pengeluaran minyak kelapa sawit mentah bertambah daripada 14.9 juta tan kepada 15.9 juta tan setahun.

Manakala hasil pengeluaran getah juga meningkat. Jika dilihat daripada sudut harga barang komuniti tersebut juga turut meningkat sekali gus menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Ini menjadikan jumlah dagangan tertinggi dalam sejarah apabila mencatatkan 1.069 trilion pada tahun 2006. Selain itu faktor kedatangan pelancong asing seramai 17 juta pada tahun 2006 turut memberi impak yang positif kepada ekonomi negara. Kehadiran mereka ini menyumbang ke arah perkembangan sektor perkhidmatan negara seperti perhotelan, perniagaan runcit, restoran dan kewangan. Kita mengucap syukur atas pencapaian ini.

Walaupun bagaimanapun ada sebahagian rakyat bergelut dengan kos kehidupan dan sara hidup yang kian meningkat terutama sekali di kawasan bandar. Kesan ini semakin dirasakan apabila subsidi harga minyak dikurangkan akibat harga bahan bakar itu yang melambung di pasar dunia hingga mencecah USD78 setong. Kini harga di pasaran 60USD setong dan saya fikir pemantauan perlu dilakukan setiap masa agar pertimbangan boleh dibuat segera untuk mengurangkan harga bahan api ini.

Walaupun kesan ekonomi adalah positif tetapi sebaliknya ia tidak memberi impak atau manfaat kepada rakyat jelata sehingga terjadi kenaikan harga barangan keperluan. Golongan yang mendapat kesan akibat daripada kenaikan harga adalah mereka yang bergaji tetap seperti kakitangan kerajaan dan pekerja yang bergaji rendah.

Tuan Yang di-Pertua, usaha CUEPACS melalui tuntutan kenaikan gaji kakitangan awam menyatakan kira-kira 600 ribu kakitangan awam sokongan berkemungkinan besar berada di bawah paras kemiskinan jika kerajaan tidak membuat semakan gaji dalam tempoh tiga tahun daripada sekarang. Berdasarkan kepada tinjauan kenaikan gaji Asia Pasifik, India mencatatkan kenaikan gaji tertinggi di Asia dengan pendapatan pekerja meningkat 13.8 peratus berbanding 4.1 peratus pada tahun 2005. Manakala semua negara Asia Pasifik mencatatkan purata kenaikan gaji stabil dalam semua sektor.

Oleh yang demikian tuntutan CUEPACS berhubung kenaikan gaji kakitangan awam terutama kumpulan rendah pihak kerajaan perlulah meneliti dan mengkaji terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan dibuat. Jika diteliti secara kasar kenaikan gaji tersebut akan memberi implikasi yang begitu besar kepada ekonomi negara. Saya percaya pendekatan yang paling bijak bukanlah berterusan mengharapkan kerajaan meningkatkan kadar upah dan mengurangkan atau meningkatkan subsidi bagi harga barangan. Saya lihat pendekatan paling baik ialah meningkat keupayaan rakyat dari segi kemahiran diri, produktiviti, bijaksana mengurus kewangan dan mentaliti keusahawanan. Bagi sektor swasta, kemahiran setiap pekerja perlu

dipertingkatkan sebagai strategi pembangunan sumber manusia yang seterusnya boleh meningkat produktiviti syarikat dan pulangan kepada kakitangan.

Sebagai majikan misalnya menjaga kebajikan pekerja sebagai aset penting mereka mekanisme pemberian pulangan kewangan *reward* dalam erti kata lain kepada kakitangan terutamanya berkelompok sokongan perlu dilakukan pada kadar yang berpatutan. Umpamanya majikan boleh menetapkan sejumlah peruntukan tertentu untuk operasi bulanan syarikat tidak semua gaji dan elaun. Baki daripada peruntukan tersebut dibahagikan sama rata kepada para kakitangan. Ini akan membuatkan kakitangan lebih berjimat berhati-hati dalam perbelanjaan syarikat di samping dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan. Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan sudah sampai masanya rakyat dididik dengan kaedah pengawalan dan perbelanjaan kewangan yang berhemah sementara tidak ramai yang sedar dan berupaya mendapat nasihat kewangan daripada penasihat-penasihat kewangan bertauliah, mungkin kerajaan boleh memikirkan cara melalui agensi kerajaan tertentu. Nasihat kewangan ini dapat diberikan secara percuma.

Saya mengalu-alukan langkah kerajaan menggalakkan tabungan dan pernah menyediakan buku catatan perbelanjaan percuma melalui Bank Negara tetapi ini masih tidak cukup. Sedangkan untuk mengisi borang tafsiran cukai pendapat yang wajib pun masih ramai yang perlu mendapat nasihat dan bantuan. Inikan pula untuk mengira pendapatan dan perbelanjaan mereka.

Jika kita boleh menyediakan khidmat pembantu bagi mengisi borang tafsiran cukai mengapa tidak boleh menyediakan khidmat yang sama bagi menguruskan kewangan. Semua peringkat masyarakat perlu diberi kesedaran di peringkat sekolah *syllabus* tentang pengurusan kewangan peringkat mereka yang baru berkerjaya atau berumah tangga.

Pengurusan kewangan mengelak terjebak beban hutang berpanjangan dan bagi peringkat yang sudah lama bekerja dan berkahwin. Pengurusan aset, liabiliti dan pelupusan hutang perlu diberi asas pengetahuan. Saya yakin majoriti rakyat tidak tahu bagaimana menguruskan malah tidak tahu makna pendapatan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Hulu Langat..

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagi?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Banyak lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak, jadi Yang Berhormat boleh sambung semula pada jam 2.30...

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ..petang ini. Ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.**

■ 1430

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Hulu Langat, sila sambung ucapan.

**2.33 ptg.**

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin majoriti rakyat Malaysia kurang bijaksana bagaimana menguruskan malah ada yang tidak tahu makna pendapatan, perbelanjaan, aset, liabiliti dan hutang. Ramai yang hidup di luar kemampuan pendapatan mereka dan ini menyebabkan akhirnya mereka terpaksa berhutang melalui kad kredit atau pembiayaan peribadi sama ada halal atau tidak halal. Menyentuh soal hutang oleh pemegang kad kredit sahaja, sekarang ini data menunjukkan bahawa angka itu telah mencecah RM18.6 bilion walaupun angka ini agak kecil berbanding dengan jumlah hutang atau pinjaman keseluruhan, namun daripada keseluruhan jumlah pinjaman tersebut, RM700 juta adalah pinjaman yang tidak berbayar atau NPL.

Tuan Yang di-Pertua, berapa ramaikah bilangan peminjam yang telah diisytiharkan mufliis akibat daripada kegagalan menguruskan kewangan mereka. Berapa ramaikah pula yang menghadapi masalah kewangan serta akhirnya terjerumus kepada peminjam-peminjam yang tidak bermoral pul. Tuan Yang di-Pertua, angka ini bukanlah kecil kerana apabila dilihat, jumlah ini berbanding pula dengan kadar faedah yang dikenakan kepada RM18.6 bilion jumlah pinjaman itu. Dikatakan bahawa kadar pinjaman yang dikenakan ialah 1.5% sebulan atau dengan kata lain 18% setahun.

Tuan Yang di-Pertua, mewujudkan mentaliti keusahawanan juga penting kerana kita tidak akan terdidik dengan mengharap gaji semata-mata elaun atau bonus. Mereka perlu lebih kreatif menghasilkan pendapatan sampingan yang bersesuaian dengan keterbatasan masa mereka. Pada masa yang sama...

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]* Ada sedikit fasal kad kredit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Mengenai kad kredit tadi, memang saya tahu sekarang ini kita ada ramai peminjam telah mufliis ataupun bankrap kerana kad kredit dan juga pada masa ini 18% per anum ini telah dikenakan oleh kebanyakan bank-bank kad kredit, adalah bagi saya

satu kadar yang tinggi dan juga kerana kriteria kelulusan penggunaan kad kredit sekarang ini terlalu mudah.

So, untuk mengurangkan masalah ini yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat, adakah Yang Berhormat bagi Hulu Langat bersetuju dengan saya Bank Negara mesti memberi satu perancangan yang lebih rapi lagi supaya kelulusan penggunaan kad kredit dapat dikurangkan ataupun hanya dikeluarkan kepada pengguna-pengguna yang lebih jitu lagi yang lebih *genuine* lagi dengan izin supaya masalah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini tidak berulang ataupun dikurangkan. Ini bagi saya satu pandangan saya yang ingin Yang Berhormat bagi sedikit komen mengenai ini, tetapi pada masa yang sama juga, kalau kita sekat penggunaan kad kredit, ini akan menjejaskan ekonomi dari segi runcit, *retailing* dan apakah pendapat Yang Berhormat.

*In one hand* kita hendak kurangkan penggunaannya, *the other hand* juga mungkin akan menyekat perkembangan perniagaan runcit yang mungkin akan menjadi satu tunggak kepada ekonomi negara kita. Apakah pendapat Yang Berhormat mengenai komen ini?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Saya berpendapat bahawa kriteria untuk mendapat kemudahan kad kredit ini di negara kita memang terlalu mudah malah terdapat pegawai-pegawai bank yang sedia menawarkan kad-kad kredit *pre-approve* yang diluluskan lebih awal tanpa menilai kuasa membayar balik atau kuasa mengutip semula hutang yang telah diberi kepada pengguna-pengguna kad kredit. Ini adalah satu keadaan yang tidak sihat. Walau bagaimanapun, seperti yang dikatakan tadi, masalah *retailing* atau masalah *purchasing*, masalah pembelian yang boleh mendapat kesan daripada pengurangan penggunaan kad kredit ini perlu diperhatikan.

Saya ingin melihat bahawa kadar 18% ini satu kadar yang tinggi, satu kadar yang dianggap sama tingginya dengan kadar yang ditetapkan oleh *Money Lenders Ordinance*, yang menetapkan kadar 1.5% sebulan. Adakah kadar yang diberi pinjaman oleh pihak bank ini sepatutnya disamatarafkan dengan peminjam-peminjam wang berlesen. Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan supaya mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan tidak ada penyalahgunaan penggunaan kemudahan kad kredit di samping untuk mengelakkan lebih banyak lagi pengguna-pengguna kad kredit yang diisytiharkan muflis atau tidak berupaya meneruskan perniagaan mereka. Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama akses kepada barangan keperluan harian dan makanan yang murah juga perlu diperluaskan lagi.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Hendak bagi jalan?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Ya sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpaksa bangun untuk memberi sedikit pandangan mengenai kad kredit. Dari segi perspektif Hadhari, bercakap tentang Hadhari dalam bentuk tamadun terkini, era global. Kita perlu kredit kad. Tetapi, unsur-unsur penekanan, penindasan, kita harus ketepikan. Sebab itu kita tidak mahu 18% itu menjadi asas kepada *entrench*. Kalau boleh kita samakan dengan berlesen, saya setuju. Yakni kita kena buat secara drastik, minta pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan secara drastik. Terima kasih. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

■ 1440

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Putih saya setuju dengan pendirian tersebut malah saya ingin menekankan bahawa ilmu mengurus kewangan perlulah ditekankan bukan sahaja kepada pengguna-pengguna kad kredit malah kepada rakyat di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara berikutnya dalam perbincangan usul saya.

Secara umumnya Dasar Ekonomi Baru atau DEB telah berjaya menaikkan taraf hidup dan pendapatan masyarakat bumiputera. Selain daripada matlamat utamanya adalah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dasar ini juga memberi penekanan kepada peningkatan pemilikan ekuiti bumiputera. Jika ditinjau sejarah dari awal pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sejak tahun 1970, bilangan firma binaan bumiputera mula meningkat.

Dalam tempoh pelaksanaan DEB keutamaan pemberian kontrak adalah kepada golongan bumiputera dengan tujuan untuk meningkatkan keterlibatan mereka dalam dunia perniagaan. Pada tahun 1970 hanya terdapat 2,049 syarikat bumiputera. Namun pada tahun 2006 jumlah ini meningkat kepada 46,789 syarikat. Pelbagai insentif diberi kepada kontraktor seperti pemberian projek, pembayaran wang pendahuluan, pembiayaan kewangan, khidmat nasihat dan sebagainya. Statistik menunjukkan kontraktor bumiputera untuk kerja awam bagi semua negeri di seluruh negara adalah seramai 40,434 orang.

Sebaliknya pada hari ini masalah 'Ali Baba' dan ketirisan semakin meruncing. Laporan kajian ketirisan kontraktor bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan Kementerian Kerja Raya menunjukkan secara purata 85.37% projek bumiputera mengalir ke kaum yang lain. Senario ini amat menyedihkan. Amalan 'Ali Baba' ini perlu dihentikan. Apakah angka 85.37% ini gambaran ketirisan? Adakah ia tiris atau adakah ia bocor atau adakah ia yang lebih buruk daripada itu yang kita panggil empang sudah pecah.

Kalau angka ini benar, apakah tindakan kita? Kalau angka ini hampir tepat, apa pula tindakan kita? Ternyata ada golongan yang bumiputera ini yang bukan usahawan tulen malah sebenarnya mereka mahu mencari keuntungan atas angin, goyang kaki atau makan persen. Sewajarnya mereka lebih kreatif dan komited melaksanakan perniagaan berdasarkan permit yang diberikan dan bukannya kreatif dan bersungguh-sungguh memenuhi kriteria semasa untuk

mendapat permit atau berjaya mendapat kontrak. Walaupun proses kelulusannya semakin diperketat ketirisan, kebocoran empang pecah ini terus berleluasa.

Umum sedia maklum bahawa usahawan dan syarikat bumiputera rata-rata kurang kemampuan modal, kemahiran, pengalaman dan peralatan. Tetapi janganlah ini dijadikan alasan untuk secara mudah menjual kontrak yang dianugerahkan. Mereka sebenarnya boleh menjalankan projek secara usaha sama, *joint venture* yang tulen. Iaitu tetap terbabit melaksanakan projek dan tidak terus bersikap lepas tangan atau sibuk mencari projek seterusnya. Pada masa yang sama saya melihat misi meningkatkan ekuiti atau pemilikan bumiputera ini harus dilihat sebagai misi nasional iaitu memastikan pengagihan kekayaan negara secara seimbangan dan menyeluruh.

Justeru saya menyeru kepada rakan-rakan kaum yang lain agar sama membantu usahawan bumiputera melaksanakan kerja kontrak yang diberi. Saya yakin mereka juga menikmati pulangan yang baik jika dapat bekerja sama secara telus, tulen dengan para usahawan bumiputera.

Walaupun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru 30 tahun yang lalu itu tidak begitu memberangsangkan namun masih terdapat peningkatan daripada 2.4% kepada 20.3% dalam jumlah pemilikan ekuiti bumiputera. Adalah wajar kita membawa penyertaan yang lebih besar masyarakat usahawan khususnya bumiputera dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9. Justeru itu usaha untuk menyokong pencapaian matlamat kerajaan isu ketirisan perlu diselesaikan bagi memastikan perubahan dalam pemerolehan projek atau kontrak yang dilaksanakan oleh kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tangga Batu minta laluan.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Hulu Langat. Angka yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi memang kita selalu dengar 85% ketirisan projek-projek pembangunan di peringkat kerajaan diturunkan kepada syarikat-syarikat bumiputera tetapi gagal dilaksanakan dan mencapai hasrat kerajaan yang sebenarnya.

Yang Berhormat, pada pendapat saya kalau Yang Berhormat boleh komen selepas ini yang 85% itu pun sudah cukup baik kalau kita mengambil kira dalam konteks kepakaran, di dalam konteks sumber dan sebagainya. Sebagai contoh *hardware*, barang-barang untuk pembinaan. Kita cari rata-rata di negara kita di mana kita boleh dapat pembekal bumiputera yang tulen. Buruh umpamanya, hari ini buruh bumiputera kita 90% dikuasai oleh orang-orang luar Indonesia, Bangladesh dan lain-lain.

Dalam konteks bidang-bidang kerja umpamanya. Kerja-kerja jalan, kalau kita tengok kerja-kerja jalan rata-rata terdiri daripada rakan-rakan kita dari kaum India. Kerja-kerja yang berkaitan dengan pendawaian elektrik umpamanya rata-rata kerja-kerja pendawaian elektrik

adalah dilaksanakan oleh rakan-rakan kita yang berbangsa Cina. Jadi di mana sebenarnya yang kita katakan tadi ketirisan dan di manakah sebenarnya kalau Yang Berhormat boleh perelaskan di Dewan yang mulia ini ukuran yang sebenarnya dan agensi manakah yang sebenar mengukur keupayaan bumiputera ini ataupun agensi manakah yang mengukur sebagai contoh pada tahun lepas RM1.5 bilion diperuntukkan, sebanyak manakah pula yang dinikmati oleh syarikat-syarikat bumiputera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Tangga batu bahawa angka 85% ini adalah satu angka yang cukup besar tetapi cukup meyakinkan untuk memastikan bahawa kejayaan dasar ekonomi bumiputera boleh berterusan. Tetapi apa yang lebih penting ialah, sebahagian besar daripada projek itu sebenarnya tidak diusahakan oleh bumiputera 100%. Saya tidak melihat sumbangan daripada kaum-kaum lain dalam usaha membekalkan *hardware* misalnya. Dalam membekalkan tenaga buruh, dalam membekalkan kepakaran-kepakaran yang lain. Tetapi apa yang lebih penting di sini ialah terdapat sahabat-sahabat kita yang berjaya dalam tender atau kontrak kerajaan hanya mengambil langkah mudah untuk mengambil keuntungan atas angin, goyang kaki atau makan persen yang saya katakan tadi.

Jika mereka sendiri melibatkan diri dalam usaha untuk melaksanakan tender atau kontrak tersebut biarpun beberapa peratus, biarpun 5% itu adalah usaha terbaik untuk menimba ilmu, kepakaran serta pengalaman bagi menjalankan usaha tersebut. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Setiu bangun.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Memanglah hasrat kerajaan ini untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Tetapi apabila kita menyentuh soal kontraktor yang sentiasa dibantu oleh pihak kerajaan, saya melihat dari segi peratusnya mungkin agak besar dari segi etika kontraktor itu sendiri bagaimana mereka ingin maju dalam bidang mereka sendiri seolah-olahnya mereka melihat bidang perkhidmatan kontrak ini sebagai peluang untuk mendapatkan sumber kewangan secara yang mudah.

Sebab itu tidak ramai yang boleh berjaya untuk mengubah tahap mereka daripada satu gred kepada gred yang lebih besar. Sehingga hari ini kita melihat kontraktor di kelas F itu sendiri begitu ramai sekali sehingga kadang-kadang-kadang menimbulkan masalah di kalangan mereka sendiri.

■ 1450

Sebab itu kita melihat antara mereka ini yang suka hidup mewah, dapat satu projek untungnya tidak seberapa terus tukar kereta, beli kereta, kemudian hidup secara *enjoy*, pergi lawatan, pergi ke luar negara, negara jiran dan sebagainya. Saya percaya ini adalah satu tabiat yang tidak baik dan tidak boleh membantu bagaimana untuk mencapai hasrat kerajaan itu

sendiri. Kemudian kita juga melihat, sebagaimana yang telah disentuh oleh rakan kita Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Berapa ramai kontraktor bumiputera yang terlibat, yang telah sekian lama dibantu oleh pihak kerajaan menceburi dalam bidang *hardware* dan sebagainya. Sepatutnya dengan kewangan yang begitu banyak dibelanjakan, saya rasa mungkin sudah ramai yang telah berjaya dilahirkan oleh pihak kerajaan. Oleh sebab itu, saya melihat bahawa sikap dan etika kontraktor itu sendiri, selain daripada masalah-masalah lain juga menjurus kepada ketidakberjayaannya, ketidaksampaiannya hasrat pihak kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Setiu. Kita sedar keadaan ini, kita yakin keadaan ini berterusan dalam tempoh yang terdekat. Untuk penjelasan Yang Berhormat bagi Setiu, sebenarnya memang terdapat pelbagai kegagalan, terutama sekali kegagalan-kegagalan oleh kontraktor kelas F yang kontraknya tersangat kecil untuk memerlukan sokongan atau dukungan yang terlalu besar, terutamanya dari segi kewangan.

Kalau kita ambil contoh, kontraktor-kontraktor kelas F yang sudah berada di kelas ini, kelas yang dikawal sepenuhnya, khas untuk bumiputera, mereka tidak matang-matang, mereka tidak berjaya merubah diri, mereka tidak berjaya mengeluarkan diri mereka daripada kepompong yang terkawal ini. Jadi, adakah setelah berpuluh tahun kontraktor ini berada di kelas F, tidak berjaya untuk mengeluarkan diri mereka ke kelas-kelas yang lebih atas, menunjukkan berlaku kejayaan dalam menghasilkan kontraktor yang berjaya.

Dan, adakah satu usaha dijalankan oleh pihak berwajib misalnya, jika didapati terdapat kontraktor-kontraktor yang melakukan usaha Ali Baba misalnya, mengadakan semakan *random*, semakan rambang bagi menyemak apakah syarikat ini mempunyai pekerjaannya dengan melihat bayaran caruman EPF misalnya, caruman SOCSO, siapakah penandatanganan cek atau yang menguruskan akaun bagi menentukan bahawa ianya diuruskan oleh syarikat berkenaan. Perkara-perkara begini mesti selalu diadakan bagi memastikan bahawa kontraktor-kontraktor yang terkumpul dalam golongan yang mengambil persen ini bimbang bahawa dirinya sentiasa diperhatikan pada bila-bila masa.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Mengenai ketelusan kontrak dan juga cadangan Yang Berhormat bagi Hulu Langat bahawa salah satu daripada langkah yang paling berkesan sekali ialah kalau kita boleh menggalakkan lagi lebih banyak usaha sama ataupun *partnership*, ataupun *joint venture* di antara bumiputera ataupun dengan bukan bumiputera supaya masalah-masalah Ali Baba, ataupun sekarang Baba Ali ini dapat dikurangkan ataupun dihapuskan.

Saya hendak mendapat sedikit komen daripada Yang Berhormat bagi Hulu Langat bahawa adakah kerajaan kita ini bersedia bahawa kita ini mempunyai anjakan paradigma, *paradigm shift* ini supaya kalau kita betul-betul untuk menggalakkan satu usaha sama di antara bumiputera dengan bukan bumiputera kerana setakat ini kita lebih daripada 30 tahun berlaku dengan DEB tetapi masih banyak lagi masalah mengenai, seperti yang Yang Berhormat kata bahawa mendapat keuntungan daripada angin dan juga *percentage* dan sebagainya ini, kita dapat kurangkan.

Kita sebagai rakyat Malaysia, kita hendak tengok betul-betul *resources*, ataupun sumber kewangan negara kita dapat digunakan kepada masyarakat kita dengan secara yang lebih optimum supaya bocoran, ketidaktelusan tidak terjadi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kita mesti ada satu pandangan ataupun satu dasar ataupun satu anjakan paradigma bahawa kita ini sampai masanya di mana kerajaan mesti menggalakkan usaha sama di antara bumiputera yang *genuine* dan bukan bumiputera yang *genuine* supaya dapat kita mengurangkan masalah ini.

Pada masa yang sama juga kita mesti mempunyai satu agensi atau satu autoriti untuk mengawal selia bahawa bagaimana *performance* ataupun apa yang telah berlaku dengan *joint venture* ataupun usaha sama ini. Apakah pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Puchong, Tuan Yang di-Pertua. Penubuhan agensi sangat penting, untuk memantau, jika ada ia harus dilaksanakan secepat mungkin. Tetapi apa yang lebih penting ialah bukan sahaja bumiputera perlu bijaksana tetapi kaum lain, India dan Cina perlu rela dan bersedia untuk membantu kaum bumiputera dalam meningkatkan hasil serta pengalaman mereka dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian dalam Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, sistem yang baru dan efektif perlu dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah Ali Baba, kronisme dan rasuah yang telah lama wujud dan berleluasa dalam industri ini. Di samping itu, rombakan perlu dilakukan bagi pihak yang terlibat dengan pengurusan kontrak dan pembayaran seperti melalui Kementerian Kewangan dan Kementerian Kerja Raya untuk menjadikan proses pemerolehan lebih telus dan boleh dipertahankan.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** *[Bangun]*

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Yang Berhormat bagi Padang Terap sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Padang Terap, sila.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Saya tertarik dengan perbahasan ataupun ulasan mengenai kelas F tadi. Kita dapati bahawa di akhir-akhir ini ada arahan daripada pihak atasan supaya pembahagian projek kepada kelas F ialah mengikut sistem undian, projek 'pekakah', projek apa pun akan diberi kepada kelas F mengikut undian yang dijalankan di pejabat daerah.

Kalau inilah caranya, hasrat Yang Berhormat tadi untuk meningkatkan supaya kelas F ini 'ditingkatupayakan' supaya kelas B, D dan sebagainya tidak akan berjaya. Ini kerana kontraktor kelas F hanya menunggu habuan apabila dapat undi di pejabat daerah, tidak ada usaha untuk meningkatkan kontraktor kelas F ke tahap yang lebih tinggi lagi. Adakah Yang Berhormat setuju ataupun cara lain untuk meningkatkan prestasi? Ini kerana jika sekiranya sebut harga ataupun lain-lain kaedah yang diberikan, besar kemungkinan ada peningkatan dari segi kontraktor berjaya. Apakah komen Yang Berhormat tentang permasalahan yang berlaku di hadapan kita pada hari ini? Terima kasih.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap. Saya melihat sistem undian ini adalah satu kaedah yang dianggap adil bagi memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor kelas F supaya mendapat kerja tertentu, bilangan tertentu, dalam tempoh tertentu. Tetapi sistem undian ini tidak boleh diamalkan secara berterusan sepanjang tahun dalam apa jua bentuk pemberian kontrak. Mungkin ia hanya boleh terpakai kepada projek-projek peka, projek-projek PJK dan sebagainya. Ia tidak boleh lebih daripada itu. Walhal sistem yang terbaik buat masa ini yang telah diamalkan begitu lama ialah sistem tender, iaitu mengukur keupayaan sesebuah syarikat untuk melaksanakan kerja yang telah ditawarkan.

Saya berharap bahawa sistem undian, Yang Berhormat bagi Padang Terap, tidak terus diamalkan dalam pelbagai sistem pemberian tender atau kontrak yang lain secara berleluasa untuk memastikan bahawa terdapat sebilangan, kalau pun tidak semua kontraktor-kontraktor bumiputera ini yang mampu untuk merubah diri mereka menjadi kontraktor yang lebih berjaya di masa hadapan.

■ 1500

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ledang.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Ya, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ledang, silakan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Mungkin kita tidak lama sangat tersekat dengan kontraktor kelas F ini. Cuma saya hendak cadangkan dalam Dewan yang mulia ini, oleh sebab terlalu ramai kontraktor kelas F ini di Johor sahaja dekat 5,000 dan di Muar sahaja dekat 500. Mungkin wajar kalau diwujudkan satu persaingan di kalangan kontraktor kelas F dengan memberikan mereka pengiktirafan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, di Johor sekarang telah memulakan suatu pendekatan di mana kontraktor kelas F telah pun dibahagi-bahagikan kepada F I, F II dan F III. F I adalah kontraktor kelas F yang memang *excellent* yang mempunyai peralatan-peralatan jentera

yang cukup, modal pusingan yang cukup dan sebagainya. F II ini yang separuh-separuh iaitu ada duit sikit, sewa mesin dan sebagainya. Yang F I diberikan peluang kerja dengan nilai yang banyak untuk projek satu Parlimen RM3 juta, diberikan peluang kerja undi melebihi RM100 ribu. Jadi kalau F II ini di bawah RM70 ribu, ini Johor buatlah, supaya wujud satu persaingan. Tetapi yang F I ini pula, Tuan Yang di-Pertua, mereka hanya diberi masa atau tempoh tiga tahun.

Selepas tiga tahun, sila awak pergi ke taraf kontraktor kelas E atau D. Tuan Yang di-Pertua, ini cara untuk kita mengurangkan jumlah atau ketepuan kontraktor kelas F yang banyak. Kalau pendekatan ini boleh dimulakan, sudah mula sudah. Kalau ini boleh digunakan, saya rasa akhirnya kita tidak perlu ramai kontraktor kelas F dan saya setuju dengan pandangan... Akhirnya kita tidak akan melambakkan kerja-kerja kelas F ini kepada kerja-kerja jenis undi. Kalau kontraktor kelas F sudah boleh sampai ke tahap di mana mereka boleh berdikari, cukup sekadar mereka bersaing di kalangan mereka kerana mereka telah pun berada pada taraf yang tinggi untuk melepasi tempoh taraf yang lebih tinggi dan mereka boleh bersaing dalam bilangan yang kecil. Ini saya fikir cadangan yang wajar dipertimbangkan. Adakah Yang Berhormat bagi Hulu Langat setuju? Terima kasih.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Satu saranan yang cukup baik dan satu amalan yang boleh dibanggakan oleh Kerajaan Negeri Johor dan saya yakin usaha ini dapat melahirkan kontraktor yang boleh bersaing dalam kelasnya dan kemudiannya matang untuk menjadi kontraktor-kontraktor kelas yang lebih tinggi. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan sikit Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua bangun iaitu Yang Berhormat bagi Pasir Mas dan Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Saya sudah hendak pindah ke tajuk lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak beri yang mana?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Okey, Yang Berhormat bagi Jerai dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey, Yang Berhormat bagi Jerai, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Tahniahlah diberi peluang untuk memberi ucapan. Bercakap tentang DEB ini, sebenarnya adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, dalam negara yang kita berkongsi kuasa, berkongsi kekayaan dan juga kesenangan ini, saya kira dari segi permuafakatan untuk menjayakan orang-orang bumiputera dalam bidang perniagaan ataupun lain-lain bidang harus juga bersama dengan orang-orang bukan Melayu supaya bila kejayaan ini berlaku, maka dia tidak ada perbezaan jauh di antara yang berada dengan tidak berada ataupun segolongan yang

berada dan segolongan lagi tidak berada. Ini tidak sihat dari segi kestabilan politik dan juga kestabilan keselamatan negara.

Di samping itu, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya banyak agensi-agensi kerajaan yang ditubuhkan dan dibawa ke Dewan Rakyat ini dengan hasrat untuk membela, membantu dan membangun bumiputera. Tetapi minta maaf cakap, ada kadang-kadang agensi-agensi ini tidak sejalan dengan kehendak kepimpinan negara untuk membangunkan *entrepreneur* bumiputera dalam perniagaan dan dalam apa jua yang telah kita tubuhkan itu. Kadang-kadang pegawai tidak mempunyai sikap yang terbuka kepada pedagang-pedagang dan peniaga-peniaga. Kadang-kadang agensi itu juga berlumba-lumba dengan syarikat-syarikat yang baru hendak hidup dan ini tidak sihat bagi saya kerana di satu sudut kita hendak membangunkan ekonomi bumiputera. Di satu sudut lagi, agensi ditubuhkan bersaing pula dengan bumiputera ini dan yang menyedihkan, agensi-agensi yang mempunyai modal yang cukup, tenaga kerja profesional yang cukup, tetapi apabila menutup kira-kira, agensi ini rugi.

Sedangkan syarikat yang ada modal terhad, kepakaran terhad, kerana dia berpulun untuk hidup. Kadang-kadang dia berjaya lebih baik daripada agensi-agensi yang duduk dalam kerajaan. Jadi Yang Berhormat bagi Hulu Langat, boleh atau tidak kita minta supaya ketelusan dan keikhlasan penubuhan agensi-agensi ini harus diperkemas kerana agensi ini wujud atas wang rakyat dan sudah tentu rakyat akan melihat. Kalau agensi sendiri pun tidak untung, macam mana?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi, macam mana pandangan yang bernas saya ini?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Janganlah kita pandang perkara ini baik sahaja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai. Saya minta bagi Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Saya sambung yang... Sebab Yang Berhormat sudah sebut hendak pindah tajuk lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengharapkan Yang Berhormat bagi Hulu Langat menyebut perkara ini sebagai kata putus dalam perenggan kontraktor kelas F ini. Tetapi Yang Berhormat tidak sebut dan kata hendak pindah tajuk lain. Jadi saya hendak membuat satu telahan kepada Yang Berhormat.

Apakah Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya, jika rungutan daripada kontraktor kelas F yang ada iaitu 46,000 kontraktor kelas F di bawah sana ini, yang merungut sebenarnya wujud kegiatan korupsi yang melampau sangat di kalangan pegawai-pegawai kerajaan yang melaksana kerja sehingga meletakkan pegawai-pegawai di peringkat juruteknik, penolong-

penolong jurutera sebagai pemegang-pemegang saham kepada syarikat-syarikat kontraktor kelas F ini. Inilah punca utama berlaku ketirisan yang amat besar di dalam usaha kerajaan untuk membangkitkan ekonomi bumiputera di negara kita. Apa *respond* Yang Berhormat terhadap perkara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat bagi Jerai. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jerai dulu iaitu terdapat pelbagai agensi kerajaan yang bukan sahaja bersaing dengan kontraktor-kontraktor bumiputera tetapi ada sebahagiannya yang enggan membantu syarikat-syarikat bumiputera untuk mendapat bantuan dari segi teknikal dan bantuan dari segi kepakaran yang lain untuk membolehkan mereka bersaing dengan rakan-rakan yang lain.

Saya melihat selain daripada usaha sama dengan rakan-rakan kita daripada kaum bangsa Cina dan India, kita harus juga melihat bahawa subsidiari atau anak-anak syarikat kerajaan negeri yang ditubuhkan sepatutnya menjalankan kerjasama dengan syarikat-syarikat bumiputera yang mendapat tender atau kontrak berkenaan. Berkenaan dengan petualang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** ...Sekejap ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Pegawai-pegawai kerajaan yang bertindak secara korupsi, mengongkong atau memaksa syarikat-syarikat supaya meletakkan diri mereka dalam kepentingan konteks tersebut, ini adalah satu perkara yang cukup hina. Saya percaya kalau maklumat ini diperolehi, pihak kerajaan sepatutnya mengambil tindakan tegas kepada pegawai-pegawai kerajaan ini. Silakan Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekejap tadi, saya mendengar apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat mengatakan ataupun memohon daripada kaum bukan bumiputera membantu ataupun memberikan kerjasama kepada bumiputera. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini, selama manakah kita mahu kepada bantuan-bantuan sebegini? Kerana orang Cina dan orang India di waktu mereka datang ke sini dulu pun, mereka bukan memohon bantuan daripada mana-mana pihak tetapi mereka berdikari. Semangat berdikari, semangat kerja, semangat usahawan yang ada pada mereka sehingga mereka dapat mengatasi kaum-kaum lain. Itu satu. Yang keduanya, apakah selama ini tidak ada sikap tolong-menolong di kalangan warganegara Malaysia ini?

■ 1510

Dan kalau tidak ada sikap tolong-menolong di mana salahnya? Kerana saya kira bahawa Barisan Nasional yang memerintah, bukan orang lain yang memerintah. PAS tidak memerintah Malaysia ini jadi di mana letak kesilapan ini mesti di *check* kalau ada kesilapan mesti

diperbetulkan supaya generasi kita tidak akan menerima akibat daripada kesilapan yang telah dilakukan oleh kita ataupun yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin sebelum ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Memang tidak dinafikan bahawa kaum Tionghua dan India sudah lama berkecimpung dalam dunia perniagaan. Mereka mempunyai kekuatan dan jati diri untuk berniaga akibat daripada latar belakang mereka sendiri. Dan kita juga sedar bahawa kaum bumiputera tidak begitu mahir dalam bidang tertentu. Oleh itu kita tidak salah untuk mengajak mereka bersama-sama berkongsi kekayaan yang ada dan kemudiannya menjadi satu ahli masyarakat Malaysia yang berjaya. Mengenai kerjasama di antara kaum, ini tidak dinafikan bukan sahaja kerjasama dalam bidang ekonomi, dalam bidang politik malah saya dapati bahawa parti PAS juga bekerjasama dengan parti-parti yang bukan daripada orang-orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua saya beralih kepada tajuk yang lain iaitu berkenaan dengan isu pendatang asing dan impak sosial dalam negara kita. Atas dasar keterbukaan dan dasar ekonomi bebas, bumi Malaysia turut menjadi tumpuan rezeki lebih dua juta pekerja asing. Statistik Jabatan Imigresen menunjukkan pada tahun 2005 sejumlah 1.581 juta pekerja asing daripada pelbagai negara masuk ke negara ini secara sah. Jumlah pekerja asing yang paling ramai adalah daripada Indonesia - 1.1 juta, Nepal - 159,000, India - 93,000.

Sumber daripada BBC News pula menyatakan ada tambahan terbanyak satu juta orang yang masuk secara haram. Ini belum dihitung golongan imigran yang masih tidak diketahui status mereka dengan jelas. Hakikatnya, kemasukan golongan ini dialu-alukan kerana mereka merupakan sebahagian daripada penyumbang besar kepada momentum kecergasan ekonomi negara terutama dalam sektor terpilih seperti perladangan, pembinaan, pembantu rumah, industri perkhidmatan dan lain-lain. Restoran 24 jam misalnya memerlukan pekerja-pekerja sebegini.

Namun begitu elemen pemecah ini *destructive* dan yang dibawa oleh golongan pendatang ini harus ditangani dan dipantau kerana melibatkan soal keselamatan negara dan rakyat. Dalam peperangan kontemporari musuh tidak perlu menghantar bala tenteranya malah ianya mungkin dari dalam negara. Yang perlu hanyalah virus, penyebar maklumat, idealisme dan budaya popular untuk meruntuhkan ketamadunan negara.

Oleh itu mekanisme berkesan harus dicari di terjemah dalam bentuk tindakan khusus peruntukan undang-undang agar kebanjiran warga asing yang turut menyumbang kepada peningkatan indeks jenayah, penyakit berjangkit, implikasi sosial, pembauran budaya yang tidak seimbang, gugatan kepada kesejahteraan hidup masyarakat dapat ditangani. Dalam masa yang sama demi menjamin keharmonian hubungan diplomatik dengan negara asal mereka hak kebajikan pekerja ini juga patut dilindungi. Perkara khusus di antara undang-undang yang mampu melindungi pekerja asing ialah Akta Kerja 1955 yang mempunyai peruntukan berhubung

hak pekerja seperti cuti, jumlah jam bekerja, notis penamatan, aduan ke pejabat buruh juga boleh terpakai kepada pekerja asing.

Demikian juga dengan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 secara jelas memperuntukkan tentang hak pekerja sama ada tempatan mahupun asing apabila berlaku soal pemecatan. Pekerja asing turut dilindungi dengan Akta Kesatuan Sekerja kecuali mereka tidak boleh memimpin kesatuan itu sendiri. Justeru ura-ura untuk mewujudkan satu bentuk perundangan status khusus yang digubal untuk kepentingan dan kawalan ke atas pekerja asing ini yang boleh dipanggil Akta Pekerja Asing Pekerjaan 2007 wajar disegerakan. Saya berpandangan kewujudan buktikan keprihatinan negara tentang 'beradaan' mereka negara kita. Menerusi akta ini juga saya mencadangkan agar memasukkan peruntukan khusus supaya setiap majikan bukan sahaja bertanggungjawab semasa mengambil pekerja asing ini bekerja, malah turut bertanggungjawab selepas kontrak pekerjaan tamat.

*One stop centre* dengan izin juga boleh dibentuk untuk memantau dan menangani soal pekerja asing. Ini boleh dijayakan melalui peranan penyatuan di antara pihak Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Sumber Manusia, PDRM, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Namun dalam pada kita melindungi kebajikan, prihatin kepada keperluan sama ada undang-undang mahupun sosial terhadap pekerja asing janganlah kita mengabaikan pula nasib pekerja tempatan. Ibarat "kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan".

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Ya, silakan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tadi dikatakan bahawa para majikan seharusnya bertanggungjawab ke atas pendatang asing bukan pekerja asing. Tetapi apakah peranannya agensi-agensi dan agen kerana ada banyak aduan terhadap agensi ini juga. Agensi yang bawa mereka masuk dan tidak melalui prosedur-prosedur yang betul. Banyak majikan yang dikatakan begitu susah untuk memohon untuk mendapat pekerja asing dan mereka juga ditipu dan terus ditipu. Dan khasnya pembantu rumah, mereka dimasukkan dan selepas itu dia lari diri dan majikan rugi juga. Jadi saya rasa adalah pentingnya prosedur-prosedur mesti terus dan dikemaskan dan agensi-agensi diberi tanggungjawab sepenuhnya kalau pekerja ini telah hilang atau tidak dibayar atau apa-apa perkara yang berlaku di sini. Agensi yang seharusnya bertanggungjawab. Apakah pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Okey terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya bersetuju dengan pandangan tersebut bukan sahaja majikan, agensi pekerjaan, malah semua agensi-agensi kerajaan perlu mengambil peranan bagi memastikan masalah sosial pendatang asing ini dapat diselesaikan dengan mudah dan teratur.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Beluran.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Ya, Yang Berhormat bagi Beluran silakan.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat, saya balik tentang cadangan untuk mewujudkan *one stop centre* ataupun memberi *one stop centre* agar ianya lebih berkesan untuk menangani masalah pendatang, pekerja asing dan buruh negara asing. Bagaimana cadangan ini boleh dijayakan dalam konteks yang berlaku dalam kerajaan kita sekarang umpamanya. Soal buruh mahu di *one stop centre* dan melibatkan banyak agensi.

Tetapi apa yang berlaku sekarang ini soal buruh kita tidak dapat soal *power*, soal kuasa untuk menangani masalah buruh antara Kementerian Dalam Negeri dengan Kementerian Sumber Manusia. Kita mempunyai pertelingkahan yang menjadi pertelingkahan antara kedua kementerian tentang soal buruh atau pekerja asing. Sama ada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri harus mengadakan *provision* undang-undang ini ataupun Kementerian Sumber Manusia harus mengadakan *provision* tersebut, ada pertelingkahan antara kita.

Dan kalau cadangan *one stop centre* untuk menyelesaikan pekerja asing dan sebagainya ingin direalisasikan dengan lebih berkesan soal pertelingkahan antara kementerian itu mana dahulu harus diselesaikan oleh kerajaan. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Ya, Yang Berhormat saya setuju bahawa masih terdapat kekeliruan dalam bidang kuasa mana *one stop centre* ini harus didirikan sama ada di bawah Kementerian Sumber Manusia atau di bawah kementerian yang lain. Walau bagaimanapun satu usaha mestilah dilaksanakan bagi memastikan bahawa ianya menjadi satu realiti bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pekerjaan buruh asing ini.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat bagi Puchong. Ya, Yang Berhormat bagi Puchong sila.

■ 1520

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Mengenai pekerja asing yang haram ini yang berleluasa dalam negara kita ini. Tetapi bagi saya masalah pokok sekarang ialah apakah implikasi dalam masyarakat kita. Tadi Yang Berhormat telah mengatakan bahawa masalah jenayah dan hari ini kalau kita baca Utusan Malaysia sebanyak 25% daripada jenayah kekerasan iaitu samun adalah berasaskan daripada pendatang haram yang macam tidak terkawal untuk hari ini.

So, penguatkuasaan ataupun satu *enforcement* yang lebih berkesan adalah pokoknya dan mengapa hari ini kita masih gagal mengawal kemasukan pendatang-pendatang haram ini dalam masyarakat kita. Ini nombor satu. Saya hendak dapat sedikit komen daripada Yang

Berhormat bagi Hulu Langat bagaimana kita boleh mengurangkan kemasukan pendatang haram ini dalam negara kita.

Yang kedua, baru-baru ini kita lihat dalam Pelan Induk Perindustrian Tiga kita berharap kerajaan telah membuat dasar bahawa kita mengurangkan penggunaan pendatang haram ini daripada segi pengurusan sumber manusia iaitu kita mementingkan kepentingan penggunaan teknologi dan juga segala *knowledge* yang kita ada supaya pertumbuhan kita dapat diperkembangkan. Tetapi hari ini kita masih bergantung banyak kepada tenaga buruh daripada negara-negara asing. Adakah ini bermakna dasar-dasar yang selama ini diimplementasikan oleh kerajaan telah gagal untuk 'menteknologikan' industri-industri yang kita ada pada hari ini. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Tidak dapat dinafikan bahawa jenayah oleh pendatang asing tidak kira haram atau halal memang menjadi masalah yang cukup besar kepada negara ini. Saya yakin bahawa pada peringkat ini kita masih mencari-cari apakah kaedah terbaik pengurusan pekerja asing sama ada dia memasuki negara ini secara haram atau secara yang sah di sisi undang-undang. Saya berkeyakinan bahawa pihak berwajib pihak kerajaan perlu mengambil kata putus yang pantas bagi menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketibaan pendatang asing sama ada haram atau dengan sah melalui undang-undang.....

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat, sedikit sebelum ke tajuk lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Pertamanya Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat bagi Hulu Langat kerana mencadangkan suatu perundangan yang mungkin boleh menyelesaikan masalah pendatang asing ini. Pendatang asing ini kita memang ada masalah besar. Yang datang halal pun tidak terurus apalagi yang datang haram. Lagi tak terurus.

Saya cuma hendak berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan sebenarnya, saya tak tahu kementerian ada di sini atau tidak hari ini tapi saya harap ada. Di kementerian sendiri di Jabatan Imigresen sendiri pun sebenarnya kelam-kabut. Sudah tiga menteri bertukar mengenai kedatangan pendatang asing ini dan sudah tiga dasar dibuat sehingga sekarang terpaksa diambil alih pengerusi kena ada jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri sendiri.

Saya bagi satu contoh, Kementerian Luar Bandar sudah tak ada, FELCRA saya duduk dalam salah satu anak syarikat FELCRA memerlukan pekerja untuk ladangnya sebanyak 4,000 orang pekerja. Keperluan ini adalah sejak daripada bulan September tahun lepas. Permohonan telah dibuat kepada kementerian. Oleh kerana tak ada pekerja *local* pekerja yang dikehendaki oleh FELCRA ialah pekerja Bangladesh. Permohonan 4,000 Bangladesh ini dipohon dibawa dalam mesyuarat lembaga pada bulan 11. Sekarang sudah bulan Mac belum selesai. Saya diberitahu yang di situ pun dimainkan antara agennya, orangnya, pejabat kementeriannya, Jabatan Imigresennya. *Something has to be done*. Itu yang jabatan kerajaan hendak itu. Agensi, GLC yang hendak, apa lagi yang orang ramai. Saya berpendapat perundangan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat ini harus meliputi soal....

**Seorang Ahli:** Perdana menteri.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya hendak kata rasuah saya tak ada bukti. Saya hendak kata ambil duit juga saya tak ada duit. Jadi bercakap tanpa bukti tak boleh. Pembangkang dia suka buat-buat benda macam ini. Tapi saya hendak maksudkan ialah kita mesti betul-betul *transparent* dalam soal pengambilan buruh asing. Mesti *transparent*. Kalau boleh, boleh. Kalau tak boleh, tak boleh. Kalau hendak bagi agen bagi agen. Kalau bagi agen bagi yang bertanggungjawab. Kelulusannya mesti cepat, segera dan memuaskan. Begitu juga kedatangan mereka. Terima kasih.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [Menyampuk]

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya bersetuju dengan pandangan tersebut dan saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang diberi serta contoh yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh berkenaan dengan masalah pengambilan pekerja asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketibaan mereka masuk ke negara ini sama ada secara haram atau tidak adalah disebabkan kecenderungan mereka untuk mendapatkan kerja. Kecenderungan ini bukan sahaja mempunyai satu hala tuju malah ada juga kecenderungan untuk melakukan jenayah berat seperti samun bersenjata, rompak, bunuh dan sebagainya. Contoh yang terakhir ialah rompakan nekad kedai emas bersenjata api di Subang Jaya yang melibatkan kematian. Tuan Yang di-Pertua.....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang rompak Yang Berhormat itu?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Rompak saya tak apalah. Justeru itu, saya mahu mencadangkan pandangan yang dikemukakan oleh Ketua Polis Negara baru-baru ini agar pekerja asing dapat ditempatkan di satu kawasan khas perlu dikaji dengan mendalam. Saya lihat usaha ini baik. Jika benar ia amat sukar untuk dilaksanakan kerana ia mengawal pergerakan dan aktiviti mereka untuk tinggal di merata tempat. Walaupun nampaknya menyekat hak kebebasan manusia namun jika melibatkan hal permasalahan umum masyarakat Malaysia, cadangan ini nampaknya wajar untuk dipertimbangkan. Inilah prinsip siasah sarariah yang

membolehkan pemerintah mengambil langkah mengabaikan prinsip asas untuk membuat satu langkah sementara bagi menyelesaikan masalah rakyat keseluruhannya.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Tak habis lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya kurang setuju dengan apa yang dikatakan tadi kerana mereka yang melakukan jenayah itu saya rasa mereka tidak bekerja di sini. Kalau mereka sudah bekerja mereka tidak akan melakukan jenayah. Kalau kita melaksanakan langkah ini saya rasa kita salah sasaran. Kita tujukan kepada orang yang tidak betul. Orang yang datang ke sini untuk bekerja mereka pula yang dihukum. Mereka yang datang ke sini untuk merompak itu tidak berkesan ke atas mereka. Jadi saya rasa ini bukan sahaja kerana *human rights* pekerja asing ini tapi ini bukan satu cara yang berkesan pada pendapat saya.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, saya cuma menyarankan supaya pandangan ini boleh dikaji dengan terperinci bagi memastikan pelaksanaannya. Tetapi bukanlah tujuan saya untuk menempatkan semua pekerja ini di satu tempat dalam satu kawasan tertentu tapi mungkin kita boleh menempatkan mereka di tempat-tempat penginapan yang baik di kawasan yang terjamin dan setiap pagi mereka keluar daripada tempat itu untuk menjalankan kerja. Saya sedar bahawa jika ini dapat dilakukan, mengasingkan pendatang/buruh asing yang masuk secara sah dengan membiarkan pendatang-pendatang asing tanpa izin yang masuk secara haram akan boleh dengan jelas mengenal pasti mereka inilah yang melakukan kesalahan sebenarnya.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun Yang Berhormat. hendak bagi jalan?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Ya, silakan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Bercakap mengenai pekerja asing ini sebenarnya satu perkara sebenarnya yang merisaukan kita. Kalau sayalah Tuan Yang di-Pertua di luar bandar ramai pekerja Indonesia. Sebenarnya kita pun tak kenal kadang-kadang sama ada mereka itu pekerja asing ataupun pekerja kita sebab mereka pun naik motosikal juga ke sana ke mari. Tapi yang penting sekali ialah kita harus ada satu bentuk kawalan, satu bentuk pemantauan. Sekarang saya lihat apabila kita mengadakan mesyuarat satu majlis yang tertinggi sekali di daerah ialah Majlis Tindakan Daerah. Sebenarnya mereka pun tidak tahu berapa bilangan, di mana mereka berada, apa pekerjaan mereka dan

seumpamanya. Jadi sebenarnya ini akhirnya akan memberikan satu implikasi sosial yang sangat berat.

Oleh kerana itu saya sangat berharap daripada Yang Berhormat bagi Hulu Langat yang telah pun mencadangkan satu perundangan sementara perundangan itu diadakan umpamanya kita harus adakan satu peraturan di mana bilangan mereka ini yang ada di satu-satu kawasan itu harus dikenal pasti dan sampai kepada pimpinan di peringkat kawasan ataupun daerah supaya satu kawalan saya kata tadi ataupun satu bentuk pemantauan dapat dilaksanakan.

■ 1530

Saya setuju tadi sebenarnya kita tidak harus menuduh mereka ini sebagai pelaku jenayah, kerana ada di antara mereka ini kalau di luar bandar kita dapati khususnya yang datang daripada negara jiran Indonesia mereka inilah orang yang bagus baca al-Quran, berzanji dan sebagainya. Ini jelas golongan-golongan yang baik oleh sebab itu kalau kita ada data berkaitan dengan perkara ini maka satu bentuk kawalan akan dapat kita adakan. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua ada satu kontradiksi di sini sebenarnya. Dalam negara kita ini menjadi satu syurga kepada negara lain kerana pekerjaan yang begitu banyak, tetapi rakyat kita khususnya daripada kalangan belia nampak sukar sangat untuk mendapatkan pekerjaan jadi oleh sebab itu apakah pandangnya daripada Yang Berhormat Hulu Langat supaya perkara ini dapat di atasi di mana pekerjaan-pekerjaan ini yang banyak di ambil alih oleh pekerja asing ini dapat umpamanya ditampung oleh pekerja-pekerja kita sendiri sebagai satu agenda untuk mengurangkan masalah pengangguran di kalangan rakyat dalam negara kita. Terima kasih.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam yang menyentuh tentang peraturan. Saya memanglah bersetuju tetapi untuk menyediakan satu data Yang Berhormat, kita mesti sedar bahawa data boleh di sediakan, peraturan boleh disedia tetapi pendatang-pendatang asing tanpa izin tidak mempunyai alamat atau tempat tinggal yang tetap ramai di antara mereka tinggal di dalam kebun-kebun kelapa sawit kerana takut di tangkap oleh pihak berwajib.

Berkenaan dengan syurga pekerjaan di negara kita, kita bersyukur bahawa inilah erti kejayaan pembangunan negara. Kita juga tidak boleh menafikan Yang Berhormat bahawa kita juga menghantar ramai pekerja-pekerja bijak pandai kita untuk bekerja di negara asing. Oleh itu fenomena buruh berpindah daripada sempadan negara ke sepadan negara yang lain adalah fenomena pembangunan yang harus ditadbir urus dengan baik bagi setiap kerajaan yang berwawasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh fenomena kebanjiran pendatang ini seperti di tempat-tempat tumpuan dan perhatian orang ramai. Sama ada mereka pendatang dengan izin apatah lagi tanpa izin, semuanya membawa hidup masing-masing yang berbeza dengan budaya masyarakat setempat. Seolah-olah menjadi kelaziman kawasan sekitar seperti KLCC misalnya

menerima kebanjiran warga asing dengan lagak, gaya dan penampilan yang pelbagai ragam. Ini tidak menghairankan bilamana dianggarkan terdapat seramai lebih 1.8 juta warga Indonesia yang bekerja di sini hanya 1.2 juta yang direkodkan mempunyai pas lawatan bekerja. Pendatang-pendatang asing tanpa izin ini yang terdiri dari pelbagai negara. Warga Thai, warga Mynmar, warga Vietnam, Bangladesh, Pakistan, Sri Lanka, Kemboja, yang bekerja secara haram atau sah di negara ini berjumlah keseluruhannya kepada 2.4 juta. Saya ingin menyeru kepada pihak berkenaan supaya mengambil langkah-langkah tertentu, bagi mengurangkan kegerunan masyarakat tempatan terutamanya sekali di kalangan orang yang berkeluarga atau remaja untuk bersantai di kawasan tersebut. Setakat ini tiadalah perlakuan jenayah warga asing yang diwar-warkan akibat kebanjiran mereka di tempat-tempat tetapi adalah lebih perkara ini dapat di hindarkan daripada berlaku luar daripada kawalan.

Tuan Yang di-Pertua, masuk kepada tajuk yang berikutnya iaitu berkenaan dengan isu penindasan terhadap Palestin. Ya.

**Timbalan Yang di- Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tentang apa Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Yang tadi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di- Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi Yang Berhormat ada di sini ya?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ada.

**Timbalan Yang di- Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, sila bagi Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya daripada Kuala Langat, Hulu Langat?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Hulu Langat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Adakah Yang Berhormat sedar, sekarang ini kita lihat buruh asing yang berdaftar yang masuk dalam negara kita seperti Yang Berhormat suarakan tadi beberapa negara, saya kira pada masa dan saat ini kelulusan yang dah keluar sudah melebihi 2 juta orang. Ini yang berdaftar. Yang tidak berdaftar bagaimana yang si sebutkan oleh Yang Berhormat tadi pun kita tidak tahu. Dan dalam negara kita pada hari ini pasukan polis dan juga tentera yang menjaga keamanan kita bilangannya hanya 100 lebih ribu. Yang jadi masalah yang kita patut pada hari ini khatir dan jemu sekiranya berlaku apa-apa hal yang berlaku, polis dan angkatan tentera tidak terdaya untuk menghadapi buruh asing ini. Orang-orang asing yang duduk dalam negara kita. Kalau kita lihat Tahun Baru Cina yang lepas, Kuala Lumpur lengang dengan masyarakat orang Malaysia apatah lagi orang keturunan Cina beraya, orang Melayu yang duduk di Kuala Lumpur pun balik kampung. Buruh asing yang datang dekat daripada luar-luar yang bekerja dekat Malaysia semua berhimpun di Kuala Lumpur dan saya anggarkan lebih daripada 1 juta orang. *Jam* Kuala Lumpur. Sepatutnya apabila orang Kuala Lumpur ini balik kampung, Kuala Lumpur tidak *jam*. Tapi *jam* ini Tuan Yang di-Pertua bukan dengan orang atau dengan kereta tapi dengan orang

Jadi bagaimana Yang Berhormat, sahabat saya ini. Adakah kita harus bergantung buruh asing untuk industri-industri kita? Dan sampai bila dan kita tengok apa yang berlaku di negara Kuwait tempoh hari apabila di serang oleh Iraq, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat asing yang bekerja dekat Kuwait dia langsung tidak ada perasaan sayangkan negara yang dia tumpang makan ini. Dan saya takut peristiwa yang berlaku di negara Kuwait ini akan berlaku di dalam negara kita, apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Inilah kebimbangan yang di bangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dan saya yakin bukan Ahli Yang Berhormat Jasin sahaja yang rasa bimbang dengan keadaan ini. Seperti saya katakan tadi peperangan zaman sekarang tidak memerlukan serangan daripada luar dan mungkin juga daripada dalaman negara itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada tajuk yang lain iaitu berkenaan penindasan terhadap rakyat Palestin. Sekarang ini saya suka menyentuh isu Israel yang tindak-tanduknya yang semakin biadab dan kurang ajar kepada kehidupan masyarakat Palestin. Tidak kira mereka itu kanak-kanak, wanita, orang tua dan sesiapa sahaja yang mengganggu tindakan mereka di wilayah Palestin. Semenjak kebelakangan ini terutama kemenangan kumpulan Hamas dalam pilihan raya di Palestin, Israel semakin meningkatkan tekanan kepada rakyat Palestin dan negara-negara di sekitarnya. Tindakan-tindakan mereka semakin hari semakin ganas dan tidak berhati perut. Sesiapa yang menghalang mereka tidak kira kanak-kanak mahupun orang dewasa akan dibunuh atau ditangkap dan diseksa. Isu-isu seperti penahanan rakyat Palestin di penjara-penjara Israel dan kekejaman mereka di sana tidak pernah di bongkar oleh mana-mana pertubuhan. Konflik mereka dengan Syria di Bukit Golan. Keinginan Israel menyerang Iran dan yang terbaru ini tindakan Israel yang dikira melampau untuk mengubah sejarah iaitu menukar Kota Baitulmuqaddis sebagai Kota Yahudi dengan cuba mengubah identiti asal ciri-ciri sejarah Islam yang terdapat dalam Kota tersebut dan juga sebagai tempat suci umat Islam iaitu Masjid Al-Aqsa

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu terkejut, sedih dan kecewa dengan tindakan-tindakan sedemikian terutamanya sekali apabila Israel mula menjalankan kerja-kerja pengorekan di bawah tanah Masjid Al-Aqsa dengan alasan mencari sejarah bangsa Yahudi yang dikatakan berada di bawah Masjid Al-Aqsa yang pada hakikatnya tiada sejarah dan peradaban bangsa Yahudi wujud di bawah masjid yang suci itu.

■ 1540

Apa yang ada hanyalah keinginan mereka menghancurkan masjid berkenaan. Sekurang-kurangnya terdapat hampir 12 proses pengorekan berlaku secara terang-terangan dan sulit di bawah Masjid Al-Aqsa, namun tiada satu pun bantahan diusahakan oleh kita umat Islam. Berikut adalah beberapa siri dan usaha mereka menghancurkan masjid suci berkenaan.

Tahun 1967 hingga akhir 1969, usaha menggali terowong 70 meter di selatan Masjid Al-Aqsa.

Tahun 1969 hingga 1970 menggali terowong 80 meter dari pagar Masjid Al-Aqsa.

Tahun 1970 hingga 1973 Israel menggali terowong di bawah Mahkamah Syariah dan di bawah lima pintu Masjid Al-Aqsa serta terowong lain di beberapa masjid seperti Masjid Kaita-Bi'in dan Shut Alkaitanim.

Tahun 1973 hingga 1973 penggalian bahagian belakang gerbang selatan sepanjang bahagian timur bawah Masjid Al-Aqsa, pagar Masjid Al-Aqsa di bahagian timur sepanjang 80 meter dan penggalian ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]** : Yang Berhormat, Yang Berhormat. Berhubung dengan perkara ini adakah panjang, agak panjang? Sebab ingin saya maklumkanlah nanti ada satu usul akan bincangkan ...

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]**: Saya ada sedikit sahaja, sikit sahaja. Saya ingin menyatakan Tuan Yang di-Pertua, berasa kecewa dan rasa sedih dan kecewa kerana NGO-NGO Islam, pertubuhan-pertubuhan Islam tidak mengambil langkah untuk memerangi atau menghalang tindakan atau usaha Israel ini. Sehingga kini hanya Turki sahaja yang berusaha berbincang dengan Israel untuk tidak meneruskan kerja-kerja tersebut. Di mananya OIC? Di mana perginya NAM, di mana perginya PBB dan sebagainya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]**: Tuan Yang di-Pertua, dalam .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]** : Yang Berhormat, Pasir Mas.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]**: Ya, silakan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]**: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Saya berterima kasih berbanyak-banyak tentang beraninya dan nyatanya sikap Yang Berhormat bagi Hulu Langat tentang perkara-perkara yang berlaku di Palestin dan apa sahaja yang dilakukan oleh Yahudi terhadap umat Islam ataupun umat Arab yang berada di Palestin.

Tinggal lagi usaha-usaha yang dikemukakan oleh kita seperti yang telah disebutkan tadi, OIC ini misalnya, setakat ini kerana kita mengepalai OIC dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri menjadi pengerusi kepada OIC, apakah di sana tidak ada saranan ataupun tidak ada sekatan, ugutan ataupun cara-cara lain yang boleh diterima oleh badan dunia ataupun masyarakat antarabangsa.

Barangkali Tuan Yang di-Pertua, kesilapan orang Arab dan kesilapan orang Islam di peringkat antarabangsa kerana mereka meninggalkan al-Quran. Allah S.W.T. menyebut tentang bani Israel ini banyak dalam ayat-ayat al-Quran *[Membaca sepotong ayat suci al-Quran]* Macam-macam ayat..... Tetapi kita tidak mengambil peduli tentang ayat al-Quran. Kita mendahulukan yang lain.

Hasil daripada kita cuba menyelesaikan dunia bukan dengan cara yang dikemukakan oleh tuan kepada bumi langit ini. Maka kita menghadapi masalah. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas yang menyokong kenyataan saya bagi membuka mata semua pihak bagi membantu kita memerangi kekejaman Israel. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya melihat bantahan-bantahan jalanan, memorandum yang sering kita lakukan sebelum ini bukanlah merupakan jalan yang terbaik kepada penyelesaian kemelut ini. Tekanan-tekanan terutama sekali oleh negara Arab yang membekalkan minyak serta sumber-sumber lain kepada Israel perlu dihentikan dengan segera. Amat mendukacitakan saya apabila dunia boleh bangkit dan bersatu menyatakan kemarahan dan perasaan tidak puas hati terhadap tindakan Taliban di Afghanistan yang memusnahkan patung Buddha Bamian tetapi tindakan Israel ini telah hilang daripada pandangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap forum-forum seperti ini harus dijadikan usaha untuk memerang tindakan kekejaman Israel ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara berkenaan dengan tindakan tekanan antarabangsa terhadap Iran. Perkara yang seterusnya yang saya ingin sentuh berkenaan dengan hubungan kita dengan Iran. Dalam konteks hari ini dilihat akan menghadapi tekanan yang lebih besar dari semasa ke semasa daripada Amerika Syarikat dan sekutunya Israel dan PBB untuk menghapuskan program nuklear untuk kegunaan tenaga di negara tersebut.

Saya melihat kebimbangan yang teramat sangat daripada Amerika Syarikat dan Israel adalah untuk menghalang kewujudan tenaga nuklear di kalangan negara-negara Islam terutamanya Iran yang menjadi musuh kepada Israel semenjak dahulu lagi. Belum pun reda kemarahan dunia Islam terhadap tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Afghanistan dan Iraq, kini timbul pula episod baru keangkuhan Amerika Syarikat dan Israel untuk menyerang Iran.

Dalam isu Iran ini saya melihat terdapat diskriminasi antara isu nuklear Korea Utara dan isu nuklear Iran. Korea Utara dengan terang-terangan menyatakan pembangunan tenaga nuklear mereka adalah untuk kegunaan persenjataan, malah manakala Iran memperkayakan uraniumnya hanya untuk kegunaan menjana tenaga elektrik.

Di mana peranan Amerika Syarikat dan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam isu ini? Jelas sekali tindakan Amerika dan Majlis Keselamatan PBB sangat berat sebelah di mana isu nuklear Korea Selatan masih di bawah perundingan serta diberi bantuan lain sekiranya mereka menghentikan usaha untuk memperkayakan uranium ini. Sebaliknya Iran terus ditekan, dihukum dan pelbagai sekatan dikenakan oleh Majlis Keselamatan PBB dan Amerika serta sekutunya Israel.

Sehubungan dengan itu, saya menyarankan kita sebagai sebuah negara Islam dan Pengerusi OIC perlu memainkan peranan mengelakkan berlakunya lagi peperangan di negara-negara Islam seperti yang berlaku di negara Iraq.

Untuk itu saya mencadangkan melalui Dewan Yang Mulia ini kita selaku Pengerusi OIC hendaklah melaksanakan beberapa pendekatan berikut:

- (i) Meminta semua negara Arab serta Liga Arab menyokong usaha yang dilakukan Iran untuk memperlihatkan kepada dunia keupayaan dan kekuatan negara Islam,
- (ii) Melarang serta mengambil tindakan penyingkiran ataupun penggantungan kepada ahli-ahli negara OIC yang membenarkan tentera Amerika dan Israel menggunakan kemudahan ruang angkasa sempadan dan sebagainya untuk menyerang Iran,
- (iii) Mengadakan perbincangan dengan Majlis Keselamatan PBB untuk menjadi pemantau operasi Iran dan seterusnya menyokong penuh kepada usaha-usaha Iran, memperkayakan uranium untuk memastikan kesinambungan politik negara teluk yang kebanyakannya tertekan dengan tindakan Amerika Syarikat dan Israel.

Saya menjangkakan sekiranya kita gagal melaksanakan perkara-perkara atas ketegangan ini akan berterusan dan pastinya akan berlaku sekali peperangan di negara-negara Islam yang hakikatnya kita tidak pernah membantu negara Islam yang diserang oleh kuasa lain dengan alasan menstabilkan negara tersebut. Rundingan sesama ahli negara OIC tidak akan dapat menyelesaikan perkara ini sepenuhnya dan sebagai Pengerusi OIC kita perlu memperlihatkan kewibawaan kita dan kredibiliti Malaysia walau pun hanya sebuah negara kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada tajuk rundingan perjanjian bebas yang sedang diperbincangkan sekarang. Isu berkenaan Rundingan FTA atau Perjanjian Perdagangan Bebas di antara Malaysia dan Amerika adalah isu yang membimbangkan semua pihak di negara ini baik petani, peniaga, usahawan, rakyat biasa, pemimpin-pemimpin politik malah wakil-wakil rakyat.

Sehingga ke hari ini usaha rundingan FTA ini masih tidak diketahui oleh semua rakyat. Kebimbangan semua orang adalah kerana melihatkan kegagalan FTA di Mexico di mana negara tersebut dan pengusaha, petani dan sebagainya menghadapi kemerosotan dan penipuan dalam perjanjian FTA yang berat sebelah antara Amerika dan Mexico.

Kebimbangan terhadap FTA ini adalah ketidakbebasan kerajaan menggubal dasar ekonomi malah juga dikatakan menjejaskan banyak industri negara dan kesejahteraan rakyat.

Apabila memperkatakan FTA ini, semua orang ingin bercakap tentang FTA. Tetapi berapa ramaikah kita yang faham apakah sebenarnya FTA...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Sedikit lagi, sedikit lagi. Selepas ini saya bagi, *one paragraph*. Apabila memperkatakan FTA ini, semua orang ingin bercakap tentang FTA tetapi berapa ramaikah kita yang faham apakah sebenarnya FTA, malahan mereka juga tidak tahu bagaimana rundingan FTA ini dipersetujui. Ramai kita beranggapan FTA ini akan memberi kesan negatif kepada rakyat dan negara tetapi saya percaya jika rundingan FTA ini diberi penumpuan yang lebih dan lebih berhati-hati, kebaikan kepada kedua-dua buah negara akan diperoleh. Silakan Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi seolah-olah menyatakan rasa kebimbangan sekiranya kita terima FTA. Tetapi apakah sebenarnya yang kita rasa bimbang itu? Apakah bimbang dari segi bahawa *agreement* ini akan menjadi *agreement* berat sebelah? Keduanya pula ialah desakan daripada Amerika Syarikat hendak rasa terburu-buru untuk diwujudkan FTA ini dengan harapan bahawa mereka boleh dapat lebih banyak keuntungan daripada perjanjian tersebut.

Di sini juga saya mahu tanya dengan Yang Berhormat secara peribadi, adakah Yang Berhormat bersetuju FTA ini ataupun kita terus gantung sahaja perjanjian ini dan tidak diteruskan? Sekian, terima kasih.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Tiada jawapan *shortcut* (pintas) yang boleh saya berikan kepada Yang Berhormat. Tetapi pada pandangan saya, jika FTA ini dapat dirundingkan dengan baik di atas platform yang sama rata, platform yang menunjukkan keadilan kepada kedua-dua belah pihak, saya percaya FTA yang akan dijangka akan ditangani kemudian nanti sudah tentu akan membawa faedah kepada kedua-dua buah negara terutama sekali kepada negara kita yang memerlukan pasaran yang lebih besar. Walau bagaimanapun beberapa faktor lain mesti diambil kira berkenaan dengan kesediaan kita untuk bersaing apabila FTA ini ditandatangani.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu saya memohon kepada kementerian yang berkenaan supaya dapat memperjelaskan dengan mengadakan ruangan tertentu, ruang-ruang penerangan berkenaan FTA di akhbar, di televisyen dan di radio. Apa yang saya mahu perkatakan FTA ini perlu disebar kepada pengetahuan rakyat sepenuhnya dan berkesan untuk meningkatkan jalinan perdagangan antara kedua-dua buah negara. Hakikatnya Malaysia tidak boleh lari daripada menandatangani FTA dengan mana-mana negara walaupun dengan Amerika Syarikat.

Dunia kini menuju kepada pasaran bebas dan pasaran umum di dunia. Sekiranya negara jiran kita tidak menandatangani FTA, maka kita tidak menandatangani perjanjian tersebut.

Malangnya Singapura awal-awal lagi telah mendahului kita. Yang saya ingin kemukakan hari ini ialah memohon daripada pihak kementerian yang terbabit mengemukakan dokumen cadangan perjanjian FTA kepada semua Ahli Dewan ini misalnya dan kita bantah untuk diperdebatkan bagi memperolehi perjanjian yang sangat menguntungkan negara kita.

Saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian terbabit supaya rundingan yang dijalankan tidak dirunding secara semua, memadai pada peringkat 50% barangan. Manakala selebihnya pula memberi hak reka cipta...

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** ... dan bentuk sendiri perlu dirunding mengikut pakej dan fasa. Silakan Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. FTA ini memang menarik perhatian banyak pihak dan kalau kita baca dalam akhbar, banyak menunjukkan keuntungan daripada menandatangani FTA dengan pihak Amerika. Apatah lagi Amerika adalah sebuah *trading partner* yang terbesar bagi Malaysia. Memang sudah tentu kalau perniagaan kita boleh diperbesar dan boleh dipereratkan lagi, memang ia memberi keuntungan kepada semua pihak.

Jadi persoalannya, kita juga terbaca bahawa yang membantutkan perundingan FTA di antara Malaysia dan Amerika ini ialah persoalan *approach*. Yang pertama, Amerika berkehendakkan satu cara *approach* dan kita pula *approach* yang lain. Persoalannya di sini, kita tidak diberitahu apakah *approach* yang dikehendaki oleh pihak Amerika dan apa pula *approach* yang Malaysia pelopori kepada Amerika yang tidak boleh diterima oleh pihak Amerika.

Apa yang saya sedar ialah bahawa salah satu daripada *approach* Amerika ialah menggunakan satu mekanisme supaya semua *trading facilities* ataupun *business* adalah dibawa dalam satu pakej dan apa benda yang kita katakan tidak boleh dimasukkan dalam FTA ini, pada masa sekarang kita tentukan. Dalam masa yang sama, Malaysia mengatakan tidak boleh kerana pada masa hadapan kita tidak boleh membaca apa yang tidak dibolehkan, khususnya dalam dasar yang kita katakan *New Economic Policy* ataupun polisi-polisi lain yang ada hubung kait dengan *control* kerajaan kepada perniagaan. Jadi apa benda yang kita pertahankan ini supaya kita mengetahui, khususnya Ahli-ahli Dewan Rakyat sebagaimana yang Yang Berhormat cadangkan tadi.

Yang kedua, apakah benda yang kita takut Amerika ambil? Kalau pernah diambil daripada surat khabar juga ataupun maklumat yang kita terima, *value* kepada FTA ini ialah RM260 bilion untuk kedua-dua pihak dan siapa yang untung? Kalau FTA ini *disign*, siapa yang untung? Adakah rakyat Malaysia keseluruhannya dapat untung ataupun pihak yang *big players* sahaja dapat untung kerana FTA ini *define*, dengan izin, macam mana hendak menjadi *direct*

*supplier* ataupun *direct contractor* kepada pihak syarikat-syarikat Amerika dan Amerika pula menjadi *direct contractor* kepada Kerajaan Malaysia sebagai *supplier* dan sebagainya. Adakah ini benar dan apakah larangan ini menguntungkan kita ataupun tidak menguntungkan kita? Terima kasih.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh jawab sekali?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih. Oh ya, silakan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Tentu Yang Berhormat membaca sebuah buku yang bertajuk "*The World is Flat*" yang dikarang oleh Thomas Friedman. Di dalam buku itu jelas sedikit sebanyak menyentuh tentang era globalisasi yang dihadapi oleh dunia dan peranan kuasa besar dunia terhadap negara-negara ketiga.

Dalam membincangkan tentang FTA ini Yang Berhormat, kita sudah ada pengalaman dengan Jepun. Kita telah tandatangan perjanjian dengan Jepun. Dalam tempoh dua tahun, sudah tentu kita ada satu kajian dan kita boleh buat satu kajian yang boleh membuktikan secara empirikal untung rugi kita dengan Jepun. Apatah lagi kita dengan Amerika Syarikat yang sudah banyak kajian dibuat oleh negara-negara dan NGOs yang prihatin bahawa kalau kita salah *approach* dengan FTA ini, masa depan negara dalam keadaan yang sangat membimbangkan, kita akan kembali dijajah.

Dalam era kita menyambut kemerdekaan yang ke-50, kita tidak hendak kita masuk dalam satu era penjajahan yang baru. Jadi saya rasa Ahli-ahli Parlimen ini perlu diberikan satu dokumen yang telus tentang bagaimanakah kesan baik buruk FTA dengan Jepun supaya kita ada satu kajian, kita boleh lihat, kita boleh bahaskan dan kita boleh menubuhkan satu badan bebas untuk kita menilai secara telus. Barulah kita memberikan satu dokumen dan satu cadangan kepada pihak kerajaan – bagaimana cara menerima atau menolak tentang rundingan kita dengan Amerika Syarikat. Jadi saya rasa ini penting untuk kita menghadapi isu ini secara objektif. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

■ 1600

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian saya juga ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Santubong tadi. Memanglah itulah pandangan saya bahawa *approach* atau pendekatan berhemah perlu dibuat untuk memastikan bahawa kita tidak rugi, kita tidak tertekan, kita tidak menderita malah rakyat kita tidak mengalami masalah untuk mencari nafkah seperti yang berlaku di negara Mexico misalnya. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kebimbangan kita terhadap FTA adalah satu sifat yang berkepentingan sehala dan polisi berat sebelah Amerika Syarikat seperti yang berlaku di Mexico.

Laporan *Associated Press* yang disiarkan dalam akhbar Boston Globe menyatakan secara jelas bahawa Amerika akan menggunakan apa saja keupayaan dan juga strategi yang

ada untuk merayu negara-negara menandatangani FTA mereka. Terbaharu pada bulan Januari 2007; Australia, Kanada, Kesatuan Eropah, Brazil dan Amerika telah mengadu kepada WTO mengenai tindakan Amerika Syarikat terhadap subsidi tanaman jagung mereka ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kudat bangun dulu, sebelum Yang Berhormat bagi Puchong, mana satu..

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Sila, Yang Berhormat bagi Kudat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kudat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Saya melihat bahawa melihat rundingan FTA di antara Malaysia dan Amerika ini memanglah mempunyai implikasi yang besar terhadap negara kita . Sebab itu dalam beberapa kali saya menyatakan bahawa keperluan bagi FTA ini dibentangkan di Dewan Parlimen ini dan membolehkan semua kita wakil-wakil rakyat dapat meneliti dan memberikan pandangan-pandangan terhadap perkara ini .

Kebimbangan saya yang seterusnya ialah berkaitan dengan kaitan antara FTA ini dengan usaha-usaha Amerika untuk mempengaruhi dasar-dasar politik dan juga dasar luar di dalam negara kita. Sebagai contoh misalnya dalam rundingan WTO yang telah diadakan di Hong Kong pada tahun lalu yang kebetulan saya telah menjadi wakil di dalam persidangan tersebut. Dan kita berkesempatan untuk dijemput oleh perwakilan Amerika di dalam satu usaha untuk merundingkan mengenai *possibility* rundingan FTA di antara Malaysia dengan Amerika. Di dalam perundingan itu secara terang-terangan salah seorang daripada pegawai perunding kanan daripada Amerika ada menyentuh dan meminta kita menjelaskan kepada mereka apakah tujuannya Menteri Luar Malaysia Dato' Seri Syed Hamid Albar, untuk melawat ke Myanmar dan saya telah menanya kepada perunding tersebut adakah ini berkaitan dengan rundingan FTA di antara Malaysia dengan Amerika sedangkan ini merupakan inisiatif Malaysia untuk membuat *constructive engagement* di antara Asian dengan Myanmar.

Jadi, inilah di antara kebimbangan-kebimbangan dan beliau telah menjelaskan kepada saya bahawa dengan perasaan yang agak tidak menyenangkan menyatakan bahawa Amerika mempunyai kepentingan yang banyak di wilayah Asia Tenggara dan kita berhak untuk seolah-olah menentukan apakah dasar negara kita. Kalau inilah menjadi satu pra syarat bagi kita mengadakan rundingan FTA dengan Amerika saya khuatir kita akan bukan sahaja kehilangan dari segi kerugian-kerugian dalam bentuk perdagangan tetapi juga mungkin kerugian dari segi kedaulatan dan kebebasan negara kita. Terima kasih.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat, saya pengerusi..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Puchong. Adakah soalan sama?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Tak-tak, soalan lain.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Saya berkongsi kebimbangan Yang Berhormat bagi Kudat, silakan Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Memang tadi saya dengar Yang Berhormat telah bangkitkan beberapa kebimbangan dan juga kekhawatiran kita mengenai apakah hasil rundingan setakat ini mengenai FTA dan saya juga mengucapkan tahniah kepada MITI bahawa memang kita tidak tertakluk (TPA) *Trade Promotion Authority* yang akan tamat bulan ini yang telah ditentukan oleh pihak Amerika.

Tetapi pada masa yang sama kita di hari ini Tuan Yang di-Pertua, setiap hari kita tengok di dalam surat khabar, *magazines*, *internet* bahawa kebanyakan ini adalah mengenai kesan negatif mengenai FTA. Walhal bagi saya FTA ini mungkin akan membawa manfaat yang lebih besar lagi kepada negara dalam jangka masa di masa depan. Sebagai contoh dalam untuk menarik lebih banyak lagi (FDI) *Foreign Direct Investment* dengan izin, negara-negara lain sekarang ini telah melihat adakah negara-negara yang mempunyai FTA dengan Amerika Syarikat itu mempunyai satu syarat dan mereka akan melabur kepada di atas negara yang mempunyai FTA dengan Amerika Syarikat. Kerana apa? Kerana mereka boleh mendapat manfaat daripada segi tarif yang telah di kurangkan sehingga 0 atau pun sehingga 5% sahaja.

Tambahan lagi kerana pengeksport-engeksport kita ini, mesti ada bagi saya mereka setuju bahawa FTA ini harus di teruskan kerana pasaran di Amerika Syarikat dan juga penjimatan kita daripada segi tarif yang kita akan dapatkan ini. Tetapi pada masa yang sama, saya harapkan MITI, MITI ini *have to manage the public* iaitu mesti, saya setuju bahawa Yang Berhormat lain bahawa kita mesti memberi satu penerangan atau pun hasil rundingan setakat kepada Dewan yang mulia ini supaya kita berbincang, berbahas supaya kita tahu bagaimanakah, apakah hasil rundingan sekatan setakat ini. Yang kita baca sekarang hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagi Yang Berhormat ?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Lagi 58 lagi, belum selesai lagi. So, kita tak tahu apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat , banyak lagi kosong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** So, saya cadangkan pada Yang Berhormat bagi Hulu Langat, mesti tekankan kepada MITI supaya mesti memberi satu penjelasan lebih, okey baik lagi kepada semua Ahli-ahli Parlimen supaya satu perbahasan yang lebih telus dari berkeputusan dapat di jalankan supaya kita ini dalam masyarakat

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa yang berucap sekarang ini?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Saya. *[Ketawa]*

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong yang begitu peka dengan masalah FTA dan kesan atau impaknya

kepada rakyat negara ini. Pelbagai contoh telah di kemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh tentang aduan yang dikemukakan oleh Australia, Kanada, Kesatuan Eropah, Brazil dan Argentina terhadap tindak tanduk Amerika Syarikat mengenai subsidi tanaman jagung mereka pada tahun 2006 mengakibatkan mereka berjaya mengeksport 50 Juta Tan jagung. Akhirnya keluaran negara-negara lain tidak dapat di pasaran akibat kejatuhan harga di pasaran dunia. Laporan *Carnegie Endowment for International Peace* di Washington menyatakan bahawa negara Mexico mengalami pengangguran sebanyak 1.3 juta orang semenjak NAFTA di meterai pada tahun 1993, terutamanya sekali pengangguran di kalangan petani-petani yang berskala kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ada kesefahaman dalam rundingan FTA antara Malaysia dan Amerika. Tetapi, apa yang perlu dihalusi dan dinilai semula secara mendalam ialah beberapa perkara berikut yang saya ingin nyatakan:

- (i) perbezaan dari segi prinsip-prinsip nilai budaya dalam Institusi Perlembagaan Amerika Syarikat dan Malaysia yang mempunyai kriteria-kriteria istimewa yang tersendiri;
- (ii) perihal penjagaan harta intelek di Malaysia;
- (iii) tahap Malaysia mengikut piawaian persetujuan antarabangsa masa kini;
- (iv) risiko FTA kepada industri tempatan;
- (v) bagaimana pula dengan kedudukan Petronas;
- (vi) sektor perkhidmatan kewangan Malaysia yang sentiasa tidak stabil;
- (vii) sektor pemborongan dan peruncitan yang di tekankan oleh pelbagai kementerian dalam kerajaan;
- (viii) Kedudukan GLC kerajaan yang lain perlu di ambil kira;
- (ix) nasib Proton dan syarikat-syarikat automobil yang lain;
- (x) pegangan ekuiti dalam syarikat korporat dan GLC;
- (xi) hubungan perdagangan negara-negara lain terutama sekali negara-negara Islam;

Sekali lagi, saya menyeru menteri yang bertanggungjawab dan kementerian tersebut dapat bersama-sama dengan kita membincangkan rundingan FTA ini. Jangan biarkan keputusan FTA ini di buat atas pemikiran beberapa orang sahaja. Sebaliknya diberi penyertaan menyeluruh daripada rakyat untuk mengetahui kandungan rundingan ini. Ambil iktibar, sejarah lampau di mana negara kita pernah dijajah oleh British dan Jepun satu ketika dulu.

■ 1610

Mahukah kita kembali dijajah dan kali ini oleh Amerika Syarikat akhirnya mereka yang tidak belajar daripada sejarah akan bakal mengulanginya. Diharapkan kita dapat menghayati iktibar sejarah lepas, FTA sepatutnya menjadi kebaikan untuk semua negara, bukannya kepada negara Malaysia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada satu tajuk yang lain. Kerajaan hari sangat serius dalam memastikan ketelusan dalam urusan dan pada masa yang sama memerangi rasuah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Apa dia? Belum.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Belum, belum.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sekarang cakap mementingkan ketelusan. Tetapi, tadi kata mesti lebih ketelusan apabila pekerja asing dan banyak perkara lagi.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Ya, ya, ya.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Itu maksudnya tidak ada ketelusan.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Nantilah dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Mesti *consistent*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia belum mula lagi.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Mesti *consistent*.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Nanti, nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ah, nanti, mungkin Yang Berhormat terima juga.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Sabar, nanti saya bagi peluang kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam untuk bercakap. Dekat mana saya tadi? *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hari ini sangat serius dalam memastikan ketelusan dalam urusannya dan pada masa yang sama memerangi rasuah. Banyak inisiatif yang telah diambil, banyak sekali institusi yang telah diwujudkan yang secara langsung atau tidak langsung bertujuan memastikan ketelusan dan membasmi rasuah.

Antaranya Badan Pencegah Rasuah, Peraturan Pengisytiharan Aset oleh pegawai dan kakitangan kerajaan termasuk Ahli-ahli Parlimen, Biro Pengaduan Awam, Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai pengurusan kerajaan, Jawatankuasa Khas Parlimen mengenai Integriti, Jawatankuasa Kerja Kira-Kira Wang, Juru Audit Negara, Biro Pengaduan Awam dan yang terkini ialah penubuhan Institut Integriti Nasional dan penggubalan Pelan Integriti Nasional. Pastinya jutaan ringgit telah dibelanjakan bagi membiayai institusi-institusi ini dan program-program anti rasuah yang telah dilaksanakan.

Pastinya banyak lagi wang yang akan dibelanjakan di masa yang akan datang. Saya merasakan adalah perlu kita membuat penilaian semula. Persoalan yang harus kita tanyakan ialah sejauh manakah usaha yang telah dijalankan ini berjaya memerangi rasuah. Transpirasi internasional telah mengeluarkan sebuah laporan yang bertajuk *Report On The Transparency*

*International Global Corruption Barometer* tahun 2006 pada bulan Disember 2006. Laporan ini merupakan kajian berasaskan satu kaji selidik ke atas 59,661 responden di 62 buah negara. Ini adalah alat utama global dalam mengukur rasuah.

Adalah sangat perlu untuk menyatakan hasil kajian ini bagi membantu Malaysia memperbaiki inisiatif dan program menangani rasuah. Kajian ini antara lain mendapati bahawa majoriti masyarakat dunia mempunyai pandangan yang rendah terhadap usaha-usaha kerajaan dalam menangani rasuah. Hanya satu daripada lima responden menyatakan tindakan-tindakan kerajaan sebagai positif. Lebih daripada separuh menyatakan kerajaan tidak menjalankan tugas dengan baik. Apa yang sangat membimbangkan ialah bahawa fakta 15% penduduk dunia berpendapat bahawa kerajaan bukan sahaja tidak efektif dalam usaha memerangi rasuah, tetapi kerajaan adalah sumber kepada masalah ini. Secara global masyarakat umum berpendapat bahawa parti politik merupakan institusi yang paling rasuah diikuti oleh Parlimen dan badan perundangan.

Mengenai Malaysia, laporan ini mendapati cuma 9% berpendapat bahawa usaha memerangi rasuah oleh kerajaan sebagai sangat efektif, 36% percaya bahawa ianya efektif, 35% pula berpendapat bahawa usaha-usaha itu tidak efektif dan 5% menyatakan kerajaan tidak langsung memerangi rasuah sama sekali. Yang ini tidak betul ini, 5%. Pada fikiran saya persepsi sangat penting kerana persepsi mencerminkan kepercayaan dan akan mempengaruhi tindakan seseorang dan masyarakat. *Transpirasi Internasional Malaysia* baru-baru ini telah mengeluarkan laporan *Perception Survey* tahun 2007 yang merupakan kaji selidik mengenai integriti dan transparensi di Malaysia.

Kaji selidik ini mempunyai 1,025 responden individu dan 411 responden daripada sektor korporat. Kajian ini mendapati bahawa agensi penguatkuasaan seperti Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan, dan Kastam dipandang sebagai mempunyai integriti dan transparensi yang rendah. 56% responden menamakan polis sebagai mempunyai integriti dan transparensi yang rendah, 25% menamakan Jabatan Pengangkutan Jalan dan 19% menamakan agensi Kastam. Di kalangan responden korporat 59% mempunyai persepsi bahawa integriti dan transparensi polis adalah rendah, 52% menamakan parti politik dan 35% menamakan agensi kastam.

Dapatan-dapatan kajian ini ialah 40% orang awam dan 52% responden korporat menyatakan integriti sektor awam kekal tidak berubah dalam tempoh 12 bulan yang lepas. 46% orang awam dan 26% responden korporat menjangkakan keadaan akan berubah dalam masa 12 bulan yang akan datang. 54% orang awam dan 71 responden korporat menyatakan tiada transparensi dalam proses perolehan kerajaan. Beberapa kesimpulan dapat dibuat daripada kajian ini. Antaranya ialah masyarakat berpendapat bahawa integriti dan transparensi masih rendah di negara ini. Persoalan yang harus dikemukakan di sini ialah apakah lagi yang mesti dilakukan bagi mempertingkatkan integriti dan transparensi.

Institut Integriti Nasional telah ada. Agensi anti rasuah telah ada dan lama wujud. Agensi lain seperti yang saya nyatakan tadi juga telah lama bergerak. Mungkin kita harus memikirkan soal untuk melakukan reformasi terhadap institusi-institusi yang ada dan terhadap program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh institusi ini. Walaupun telah banyak yang dilakukan oleh kerajaan namun persepsi orang ramai terhadap keberkesanan inisiatif-inisiatif ini masih rendah. 40% rakyat Malaysia masih beranggapan bahawa kerajaan tidak melakukan secukupnya. Apakah lagi yang harus dilakukan oleh kerajaan untuk memerangi rasuah secara efektif dan memperbaiki persepsi yang tidak baik.

Penilaian terhadap apa yang ada dan apa yang telah dilakukan dalam memerangi rasuah menjadi sangat kritikal. Kita harus melihat secara kritis dan terperinci. Semua institusi tersebut dan semua program anti rasuah dengan tujuan untuk menambah baik dan menjadi lebih efektif. Antara langkah-langkah yang perlu diambil ialah menerima pakai nota praktis Bangsa-Bangsa Bersatu dalam program pembangunan UNDP mengenai anti rasuah dan reformasi perkhidmatan awam. Nota Praktis Anti Rasuah memperuntukkan satu model bagi kempen memerangi rasuah.

- (i) mengenal pasti *champion* di kalangan kerajaan terutamanya pemimpin politik masyarakat dan sektor swasta. Kemudiannya menubuhkan satu persepakatan semua pihak yang akan mengetuai reformasi ke atas usaha-usaha memerangi rasuah dalam persepakatan ini, ditubuhkan satu kumpulan kerja yang lebih kecil;
- (ii) mengendalikan satu penilaian mendalam mengenai *government* sistem dan proses bagi menentukan bidang dan kumpulan sasaran yang sangat terdedah kepada rasuah dan mendokumentasikan secara sistematik situasi tersebut;
- (iii) membuat analisa terhadap konteks dan keadaan rasuah dan mengenal pasti bidang yang memerlukan reformasi dalam membangunkan satu pelan menyeluruh dan merangkumi objektif jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang;
- (iv) membuat publisiti terhadap persepakatan penubuhan kumpulan kerja yang juga hasil daripada penilaian yang telah dilakukan. Penglibatan orang ramai sangat-sangat diperlukan dalam membangunkan, mengimplementasikan dan memantau pelan tindakan dan program reformasi yang diketuai oleh persepakatan dan kumpulan kerja ini.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Ada rasuah ke? Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada soal mengenai beliau sebagai pengerusi Teksi, LPKN itu, tetapi tidak mahu jawab. Sekarang saya hendak bangkitkan masalah tiga tahun yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menubuhkan satu Institut Integriti Malaysia (IIM) kemudian menggubal satu Pelan Integriti Nasional (PIN).

■ 1620

Apakah peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat Hulu Langat untuk menguatkuasakan, untuk melaksana, untuk menghayati PIN – Pelan Integriti Nasional ini? Kerana adakah Yang Berhormat sendiri membaca apa yang terkandung di dalam PIN? Kerana saya nampak dia hendak membaca nota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kalau dia ada baca PIN, mungkin dia tidak akan rujuk kepada nota PBB pula. Ini masalah kita sekarang ini. Apakah Yang Berhormat akan buat untuk melaksana, menjayakan serta menghayati PIN kita?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sudah baca Yang Berhormat. Tetapi apa yang saya nyatakan nota PBB ini adalah *bench mark*, kayu ukur kepada usaha untuk memerangi rasuah di negara ini. Tidak perlu sebut teks lagi Yang Berhormat Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang saya katakan tadi mungkin dapat menangkis anggapan bahawa agenda memerangi rasuah di Malaysia hanyalah agenda Perdana Menteri seperti yang sering didengar. Kita mesti menjadikan peperangan terhadap rasuah sebagai agenda bersama. Kerajaan, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan dan masyarakat keseluruhannya.

Selain daripada mengadakan kempen anti rasuah yang lebih sistematik, efektif dan komprehensif, kerajaan juga perlu mempertimbangkan untuk meratifikasi Konvensyen Pencegahan Rasuah Bangsa-Bangsa Bersatu. Setakat ini konvensyen ini telah ditandatangani oleh 140 buah negara dan telah diratifikasi oleh 30 buah negara. Malaysia telah menandatangani pada tahun 2003, saya berpendapat sebagai sebuah negara untuk komited untuk memerangi rasuah, adalah sangat perlu kita mengambil langkah-langkah untuk meratifikasi konvensyen ini.

Sangat menarik jika kita lihat negara-negara yang telah meratifikasikan konvensyen ini, negara-negara tersebut termasuk lah Tanzania, Yaman, Uganda, Uruguay, Algeria, Angola, Afghanistan, Cameroon, Brazil, Chile, Ecuador, Indonesia, Filipina dan Sri Langka. Konvensyen ini merupakan instrumen yang mengikat di peringkat global dalam memerangi rasuah. Sebagai sebuah negara mementingkan pemerintahan yang bersih dan berintegriti, langkah-langkah perlu diambil ke arah meratifikasi konvensyen ini yang sangat penting yang telah dipersetujui oleh masyarakat dunia.

Konvensyen ini merupakan satu kerangka formal bagi kerjasama internasional dan tindakan-tindakan domestik pada setiap peringkat bagi membanteras, memerangi, mendakwa, mengawal rasuah dan masalah-masalah yang berkaitan dengan rasuah ini. Ini sangat

bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kata Yang Amat Berhormat; "saya yakin untuk berjaya kita mesti sentiasa mempertimbangkan satu sistem dengan pendekatan yang menyeluruh. Tindakan-tindakan kita terutamanya dalam bidang *good governance* dan anti rasuah tidak seharusnya hanya kepada menyemai nilai-nilai yang baik tetapi juga untuk memantapkan proses institusi dan juga hukuman."

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada perkara yang berkenaan dengan ketulusan atau *transparency*. Informasi adalah ibarat oksigen kepada demokrasi. Tanpa informasi, demokrasi sukar untuk hidup dan mungkin akan mati. Kita sering mendengar kata-kata *knowledge is power*. Kita seharusnya sedar bahawa pengetahuan atau *knowledge* adalah informasi. Tanpa informasi rakyat dan kita wakil rakyat sukar untuk melaksanakan kebebasan dan hak yang diberikan oleh perlembagaan iaitu hak untuk bercakap dan menyampaikan pandangan.

Tanpa informasi rakyat sukar untuk membuat keputusan mengenai siapa yang harus dipilih atau siapa yang akan menjadi wakil mereka. Tanpa informasi, sukar untuk rakyat yang terlibat dalam proses pembuatan keputusan. Hanya dengan mengamalkan sistem demokrasi, tidak dengan sendirinya menjadi syarat kepada keterbukaan dan *transparency* dalam kerajaan. Perlu ada kesediaan dan kesanggupan pemerintah untuk sentiasa memberitahu rakyat apa yang berlaku.

Informasi bukan hanya satu keperluan bagi rakyat. Informasi juga merupakan sebahagian kepada *good governance*. Hak kepada informasi adalah penting dalam soal *accountability* dan *good governance*. Kerahsiaan adalah tempat lahir rasuah, penyalahgunaan kuasa dan salah pengurusan. *Secrecy is a breeding ground for corruption, abuse of power and mismanagement*, dengan izin.

Kerana yang tidak baik memerlukan kerahsiaan yang terus menerus...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai maklumat itu saya setuju kita mesti ada maklumat dan kita mesti meningkatkan pengetahuan. Tapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam menyampaikan maklumat kita ini misalnya jalur lebar, *broadband* kita. Setakat ini tidak tahulah sama ada sampai 4% sahaja di negara kita. Bagaimana kita boleh meningkatkan ini supaya semua orang termasuk Hulu Langat dapat maklumat yang tepat. Jadi *internet highway* kita ini kurang. Tidak sampai 4% kalau tidak silap saya. Entah bilakah kita boleh sampai 90% ini. Kita hendak tolong Hulu Langat, kerana dia tidak tahu jalur lebar inilah salah satu saluran untuk maklumat. Di depan pun tidak ada *lap top*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia lagi pandai tidak payah guna *lap top*.

[Ketawa]

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong walaupun dalam keadaan terkepong masih tahu tentang *broadband* dan sebagainya. Tetapi saya ingin menyatakan Yang Berhormat Kepong bahawa kepakaran Yang Berhormat Kepong dalam bidang *broadband*, dalam bidang *internet* bukan sahaja oleh Kepong, lain-lain orang pun boleh mempunyai kepakaran yang sama. *So don't worry, we are at the same level.*

Soal keperluan untuk mengadakan *broadband* atau lain-lain aplikasi Yang Berhormat Kepong adalah soal prasarana dan ianya bergantung sama ada telur datang dulu atau ayam datang dahulu. Oleh itu ia adalah satu masalah siapa yang ingin menyediakan dan siapakah pengguna. Jadi Yang Berhormat Kepong saya berharap kalau penyediaan prasarana yang besar tanpa penggunaan yang maksimum ia akan menyebabkan pembaziran. Yang Berhormat Kepong tidak faham. Okey.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar. Kalau internet ini sudah sampai ke generasi kedua. *Web 2.0 internet* generasi yang kedua sekarang. Hulu Langat masih dengan generasi yang pertama. Jadi macam mana kita dapat menyemai, menyebarkan maklumat dan pengetahuan kita? *Web 2.0*, generasi yang akan datang.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Saya tidak mahu terlibat dalam hujahan yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, kerahsiaan menggalakkan ketidakefisienan, pembaziran dan rasuah, 'Amartya Sen', seorang pemegang Hadiah Nobel pernah berkata "informasi membenarkan rakyat untuk memantau tindakan-tindakan sebuah kerajaan dan merupakan satu asas perdebatan yang baik dan bernas mengenai tindakan-tindakan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulunglah. Ucapan Yang Berhormat boleh disambung semula. Setelah perbahasan terhadap peraturan 18 (1) kita selesaikan.

■ 1630

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**MASJID AL-AQSA – TINDAKAN JAHAT REJIM ZIONIS**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pagi tadi satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan pembahasan usul itu. Pihak pencadang akan diberi masa 30 minit dan pihak kerajaan pun 30 minit. Yang Berhormat bagi Kawasan Gombak, sila kemukakan.

**4.31 ptg.**

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah mengizinkan saya untuk membahaskan usul ini.

Sebelum saya membahaskan usul ini, izinkan saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Menteri Luar yang datang sendiri hadir pada hari ini untuk menjawab usul ini. Dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri, ini menunjukkan bahawa Malaysia melihat isu penggalian di sekitar Masjid Al-Aqsa ini adalah isu yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Zionis, rejim Zionis sehingga ke hari ini masih lagi memainkan emosi umat Islam. Pihak Zionis, rejim Zionis ini, pada hari ini tidak henti-henti menyeksa dan juga membuat provokasi kepada umat Islam dan juga masyarakat Palestin. Kita lihat pada awal Februari pada tahun ini, satu lagi provokasi serius yang dibuat oleh rejim zalim Zionis ini iaitu dengan membuat aktiviti penggalian di selatan Masjid Al-Aqsa yang mana kedudukan penggalian itu tidak jauh dari tempat suci yang dipanggil Al-Haram Al-Sharif, iaitu lebih kurang 50 meter daripada tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Israel menyatakan bahawa tujuan penggalian ini ialah untuk membaiki tempat laluan pelawat dan pelancong yang kononnya rosak semasa berlakunya ribut salji dan gempa bumi dalam tahun 2004. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, harapan dan cita-cita Israel yang tersirat begitu lama ialah untuk meruntuhkan Masjid Al-Aqsa dan menggantikan satu rumah ibadat Yahudi kerana mereka percaya tempat di mana letakkan Masjid Al-Aqsa ini ialah tempat yang paling suci untuk agama Yahudi. Itulah yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, yang tersirat di kalangan rejim Yahudi.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti penggalian ini nyata boleh memusnahkan masjid suci ini. Buktinya, yang pertama satu lawatan telah dibuat oleh Ahli Parlimen Palestin ke tempat penggalian itu dan juga di persekitaran masjid itu setelah aktiviti penggalian dijalankan. Hasil lawatan ini mereka mendapati bahawa terdapat keretakan yang teruk di bahagian selatan dan barat masjid itu. Ini satu bukti yang nyata. Yang kedua, Sheikh Raid Salah, iaitu ketua pergerakan Islam di Israel ada menunjukkan dokumen-dokumen dan gambar-gambar yang sah bahawa kemusnahan masjid akan berlaku disebabkan oleh aktiviti penggalian ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rejim Zionis memang dari semasa ke semasa membuat perancangan demi perancangan untuk menghilangkan identiti Islam ataupun identiti Arab di Jerusalem. Buktinya, yang pertama, Zionis telah membuat dinding daripada bahagian barat masjid sehingga dinding ke selatan masjid itu sejak tahun 1948 lagi. Dalam tahun 1997, ramai rakyat Palestin yang telah dihalau dari kawasan persekitaran masjid untuk menambahkan lagi dinding dan juga tembok di persekitaran masjid tersebut.

Dalam tahun 1980, satu cubaan oleh golongan pelampau Yahudi untuk meletupkan masjid itu untuk digantikan dan dibina tempat ibadat orang Yahudi. Pada tahun 1996, cubaan menggali di persekitaran masjid telah menyebabkan 80 orang terbunuh, telah ada cubaan

sebelum ini dan telah berlaku rusuhan dan telah menyebabkan kematian dan telah menyebabkan 80 orang terbunuh. Dalam bulan September tahun 2000, Ariel Sharon pada masa itu, pemimpin parti pembangkang telah melawat rumah ibadat, telah melawat kawasan persekitaran Masjid Al-Aqsa, ini telah mencetuskan intifada, ataupun dengan izin, *Palestinian uprising*.

Tuan Yang di-Pertua, bukti lain yang jelas ialah Zionis telah membuat pendudukan Yahudi di beberapa tempat di Jerusalem, Bukit Abu Ranim di tenggara Jerusalem, Mishkenot, iaitu *in the heart of Jerusalem*, dengan izin, di dalam kota Jerusalem, Maal adnim dan Zefot di timur Jerusalem, inilah pendudukan-pendudukan Yahudi yang telah dibuat di Jerusalem. Ini Tuan Yang di-Pertua dengan jelas menunjukan bahawa dengan perancangan yang begitu teliti, tanpa mengira perasaan umat Islam, tanpa mengira perasaan penduduk Arab di Jerusalem, masyarakat Palestin, perancangan-perancangan untuk menghilangkan identiti Islam dan juga Arab di Jerusalem.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Israel ini dengan jelas menyalahi yang pertama, artikel 53 daripada Protokol Satu Konvensyen Geneva 1977 iaitu tambahan kepada Konvensyen Geneva 1949 yang mana melarang tindakan yang boleh memusnahkan tempat ibadat dan warisan. Yang kedua, mengikut Statut Mahkamah Jenayah Antarabangsa 1998, tindakan ini dengan jelas adalah merupakan satu jenayah perang. Pertubuhan Pendidikan Sainifik dan Kebudayaan PBB ataupun (UNESCO) pada 13 Mac telah mengeluarkan satu kenyataan untuk menggesa Israel untuk memberhentikan kerja-kerja penggalian ini. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Israel memang terkenal melanggar apa sahaja bentuk piagam, apa sahaja undang-undang, apa sahaja bentuk hak asasi ataupun konvensyen yang dibuat oleh sesiapa juga pun.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, mengapakah rejim Zionis begitu berani mengusik emosi umat Islam dan juga penduduk Palestin. Adakah ini disebabkan kekecohan yang berlaku di dalam Palestin itu sendiri? Adakah oleh kerana rejim Zionis melihat pada masa itu pertentangan yang begitu hebat di antara Hamas dan Fatah? Dan, mereka melihat kelemahan pada masa itu di Palestin maka mereka berani membuat provokasi yang sensitif ini. Atau yang kedua, adakah mereka membuat persenjataan yang kuat untuk menentang siapa sahaja yang boleh menghalang niat mereka? Atau yang ketiga, adakah kuasa kuartet yang disebut pada masa ini, PBB, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan juga Rusia di belakang mereka sehingga mereka tidak takut untuk melakukan apa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada 17 Mac, alhamdulillah, Parlimen Palestin seramai 85 orang, hampir sebulat suara bersetuju bahawa ditubuhkan Kabinet Perpaduan. Walaupun Kabinet Perpaduan ini telah ditubuhkan, Israel masih lagi tidak mengiktiraf, Israel tidak mahu komunikasi langsung dengan kabinet ini. Yang dia mahu ada hubungan ialah dengan Presiden Mahmood Abbas sahaja. Ini menunjukkan bahawa kedegilan rejim Zionis ini yang masih tidak mahu mengiktiraf kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat Palestin ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat yang saya sebutkan tadi, kita semua mungkin tidak sedar bahawa 41 orang Ahli Parlimen Palestin pada masa ini sedang ditahan oleh Israel dan 37 orang daripada mereka ialah Ahli Parlimen Hamas.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di dalam Israel sendiri, Menteri Pertahanan Israel iaitu Amir Peretz yang juga pemimpin parti Buruh dan yang juga duduk dalam gabungan Perdana Menteri Ehud Olmert tidak bersetuju dengan tindakan Israel ini kerana beliau mengetahui bahawa ini adalah satu provokasi yang sangat bahaya dan boleh mencetuskan sesuatu konflik yang lebih besar. Tetapi Ehud Olmert masih lagi degil dan tidak mempedulikan nasihat sesiapa jua, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya sebagai rakyat Malaysia, saya sebenarnya mahu memberi peluang lagi. Saya percaya ramai lagi rakan-rakan saya sama ada daripada kerajaan dan juga pembangkang akan bersuara. Walau bagaimanapun saya berasa berbangga kerana Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selaku pemimpin OIC begitu lantang bersuara di mana-mana jua, membantah tindakan provokatif Israel dan tindakan jahat Israel ini untuk meneruskan penggalian di sekitar Masjid al-Aqsa.

Begitu juga dengan Yang Berhormat Menteri Luar, apabila isu ini mula-mula dibangkitkan keluar, beliau begitu lantang ke mana sahaja untuk menyuarakan ketidakpuasan hati Malaysia dan juga OIC terhadap aktiviti ini. Kita mahu bahawa Malaysia walaupun sudah bersuara, OIC, Liga Arab, apa yang disuarakan pada hari ini tidak cukup. Saya rasa kita harus membuat kempen yang lebih besar. Kita harus pergi ke mana jua, menyedarkan dunia tentang perbuatan jahat Israel dan perbuatan biadab Israel ini dan kita harus menggesa kuasa Kuartet yang boleh mempengaruhi tindakan Israel tadi untuk memaksa Israel memberhentikan tindakan penggalian ini. Kuasa Kuartet yang saya maksudkan tadi ialah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan juga Rusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berhenti setakat ini dan saya memberi peluang kepada kawan-kawan saya untuk juga berbahas. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**16.13 ptg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan tahniah kepada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Gombak. Usul ini ialah usul yang menyuarakan suara hati orang Islam. Suara hati orang Islam seluruh dunia. Kekejaman rejim Israel ini jelas dan kalau kerja-kerja penggalian Masjid al-Aqsa, salah sebuah masjid yang mulia di sisi Islam selain daripada Masjidil Haram Makkah al-Mukarramah, Masjid al-Nabawi di Madinah al-Munawwarah, Masjid al-Aqsa di Palestin ini menjadi salah sebuah masjid yang amat mulia.

Hati orang Islam tergores Tuan Yang di-Pertua, tergores Yang Berhormat Menteri Luar, tergores dan semua bangsa di dunia ini tahu perbuatan kejam terkutuk Israel ini menyinggung sangat perasaan orang Islam dan dia memungkinkan sejarah. Sejarah dunia telah pun membuktikan, soal-soal yang berkaitan dengan kemuliaan agama tidak boleh disentuh oleh mana-mana pihak. Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu faham, Liga Arab faham, OIC faham dan seluruh dunia faham.

Saya berharap, suara yang dikemukakan di Parlimen Malaysia yang mulia ini mudah-mudahan akan dapat menarik perhatian seluruh dunia khususnya Amerika yang menjadi tulang belakang, yang menyebabkan Israel kurang ajar, Israel besar kepala, ego, tidak mempedulikan apa sahaja bantahan orang di dunia ini. Amerika Syarikat, George W. Bush harus agaknya memberikan nasihat kepada rejim Israel ini untuk memberhentikan perbuatan terkutuk ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ketereh.  
**16.15 ptg.**

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat bagi Gombak. Pengerusi Caucus Antarabangsa Timur Tengah, BNBBC yang telah membawa usul yang sangat penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau hendak membawa usul mengenai Israel ini, hari-hari kita kena bawa usul. Sebab Israel ini ternyata hari-hari melanggar hak asasi manusia, membunuh orang tidak berdosa. Tetapi setidaknya-tidaknya hari ini kita meletakkan satu catatan kepada dunia bahawa Parlimen Malaysia sekeras-kerasnya membantah perbuatan ini.

Saya ada pengalaman melihat sendiri Masjid al-Aqsa. Saya pernah melawat Masjid al-Aqsa semasa intifadah berlaku dan saya melihat bagaimana sengsaranya orang-orang Palestin. Kita orang luar boleh masuk ke Palestin, tetapi rakyat Palestin diasingkan. Rakyat yang duduk di bandar Hebron, tidak boleh pergi ke Baitullaham. Rakyat yang duduk di Baitullaham, tidak boleh pergi kepada Masjid al-Aqsa atau ke Baitulmaqdis. Mereka terkurung dalam bandarnya masing-masing. Saya sendiri melihat dengan mata kepala, betapa miskinnya mereka ini. Betapa Baitulmaqdis dibelah dua menjadi Baitulmaqdis Timur dan Baitulmaqdis Barat.

Di sebelah barat, ia begitu hebat dan begitu moden. Tetapi di sebelah timur, di mana orang Islam dan kawasan yang diperintah oleh PLO, ia seperti tanah gersang dan Masjid al-Aqsa ini pula sekarang hendak dibahagi dua. Seperti mana mereka telah lakukan kepada Masjid Nabi Ibrahim di Hebron. Masjid Nabi Ibrahim, ada sejarahnya sendiri. Di situlah Nabi Ibrahim dimakamkan dan masjid ini dibelah dua. Dibelah dua, sebelah Yahudi punya dan sebelah Islam punya. Hendak bersembahyang Yahudi masuk sebelah, hendak bersembahyang Islam masuk sebelah.

Saya juga ambil kesempatan semasa lawatan tersebut pergi tengok Wailing Wall di mana orang-orang Yahudi bersembahyang. Ia betul-betul berada di bawah Masjid al-Aqsa.

Saya ingat itulah yang menyebabkan mereka kecil hati. Tetapi itu sejarah dunia. Apa yang mereka hendak kecil hati? Sebab itu usul seperti ini, pernyataan yang gagah seperti ini dan tentunya jawapan daripada menteri yang akan lebih gagah daripada usul ini menyatakan bahawa kita membantah sekeras-kerasnya kezaliman Yahudi. Saya yakin PAS (Parti Islam Se-Malaysia), walaupun parti ini secara rasminya melarang ahli-ahlinya melawat Baitulmaqdis sebagaimana saya tahu, tetapi kerana katanya Baitulmaqdis berada dalam Israel.

Tetapi pada kita, walaupun ia berada dalam negara Israel, tetapi oleh kerana kita tidak mengiktiraf Israel, kita menganggap Baitulmaqdis berada dalam Palestin, maka kita terus melawat kerana dengan sendirinya kita boleh memberi bantuan. Satu perkara lagi yang saya hendak sebut ialah kita boleh bawa usul begini, kita boleh bercakap berdegar-degar begini, tetapi kesan yang sebenarnya saya ingin memohon kepada kerajaan supaya menambahkan bantuan kepada PLO, walaupun negara lain tidak tambah. Biarlah Malaysia menambah bantuan yang sebesar mungkin kepada PLO untuk hidup sebagai sebuah negara yang merdeka. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dahulu, Yang Berhormat.

**16.18 ptg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong usul yang dibawa oleh sahabat saya daripada Gombak. Sekali lagi saya merasakan sejarah Parlimen Malaysia menyaksikan bahawa kita boleh bersatu dan kita boleh berpadu dalam satu pendirian yang tegas bagi menentang segala bentuk keganasan yang dilakukan ke atas umat manusia apatah lagi yang dilakukan oleh rejim Israel terhadap masyarakat Palestin yang dinafikan hak dan saya berdiri di sini sebagai mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS) menyokong usul ini di atas nama kemanusiaan sejagat dan di atas nama kemanusiaan yang diperjuangkan oleh semua agama khususnya kita yang beragama Islam.

■ 1650

Saya ingin menyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa penjagaan ataupun penghormatan terhadap rumah-rumah suci ini amat diiktiraf oleh Islam itu sendiri. Di dalam suatu misi peperangan di zaman Umar Al-Khatib sebagai, contoh tentera Islam dilarang untuk membunuh siapa sahaja yang berlindung dalam biara-biara orang Yahudi, tentera Islam dilarang membunuh siapa-siapa yang berlindung dalam gereja-gereja dan diharamkan bagi mereka merobohkan biara-biara dan gereja-gereja dan rumah-rumah peribadatan orang-orang Islam. Ini membuktikan bahawa semua agama boleh menghormati rumah-rumah ibadah dan juga agama-agama yang lain melainkan rejim yang tidak bertamadun ini. Oleh itu saya mengharap

bahawa di atas nama sebuah kerajaan Malaysia kita mahukan suatu pendirian yang lebih tegas terhadap isu ini.

Saya telah banyak kali bangun dalam Dewan yang mulia ini membawa usul yang sama dan seumpamanya dan pada saya telah sampai masanya walaupun cadangan saya ditafsirkan oleh Menteri Luar secara berjenaka sebagai agak agresif dan agak keterlaluan. Tetapi kita perlu ingat sejarah dunia telah mengajar dan telah menyaksikan bagaimana bangsa ini tidak pernah hormat kepada mana-mana piagam, bangsa ini tidak pernah hormat mana-mana perjanjian, bangsa ini tidak pernah mengiktiraf mana-mana bangsa yang wujud di atas muka bumi ini kerana mereka menganggap bangsa yang lain daripada Israel sebagai lembu. Maka *what can we expect?* Apa yang boleh kita harapkan daripada bangsa ini. Oleh itu sekali lagi saya mencadangkan supaya OIC, Malaysia sebagai mengetuai OIC dan Menteri Luar yang berperanan dan ada kesempatan untuk bercakap dalam mana-mana forum antarabangsa, supaya kita melakukan satu anjakan paradigma di dalam kita berhadapan dengan rejim Israel ini.

Yang di belakangnya sudah tentu dibantu oleh kuasa besar dunia Amerika Syarikat. Oleh itu kita mahu satu pakatan yang lebih luas, satu pembabitan ekonomi yang lebih komprehensif terhadap bangsa ini, terhadap barangan-barangan mereka, terhadap dagangan-dagangan mereka barulah kita boleh memberikan satu tekanan kepada bangsa ini. Kalau tidak kalau hanya di meja perbincangan, di seminar dan konvensyen maka suara kita akan tinggal suara dan yang menjadi mangsanya setiap hari, setiap bulan setiap tahun adalah rakyat Palestin yang tidak berdosa. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong penuh usul ini dan mengharap supaya Menteri Luar bekerja dengan lebih kuat dan Insya-Allah dengan berkat kita semua saya kena percaya bahawa satu hari esok rakyat Palestin akan dapat hidup dalam sebuah negara yang merdeka dan aman Insya-Allah. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**4.53 ptg.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk memberi sokongan yang padu kepada usul ini sebab kita melihat dunia moden pada hari ini, tetapi banyak pemikiran orang-orang Zionis cuba menghancurkan di pihak yang lain. Yang saya hairan, kita dilindungi oleh satu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang dianggotai oleh seluruh dunia. Malangnya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ini cuma jadi *rubber stamp*. Apabila ada usul mengenai Israel akan di veto oleh Amerika Syarikat. Apa sahaja membunuh orang Palestin pun tidak boleh dikacau, menghancurkan negara orang pun tidak boleh disentuh. Saya hairan Menteri Luar apa sudah jadi dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Tetapi kalau negara lain, usik sedikit PBB campur hantar tentera, hantar Amerika hantar pelbagai

bala tentera dia. Mengenai Palestin sudah bertahun-tahun usul ini, isu ini, tetapi tidak ada tindakan yang komprehensif.

Jadi saya mahu tanya Menteri Luar apakah PBB ini masih relevan? Apakah PBB itu masih satu institusi yang mana negara yang ditindas boleh bernaung ataupun ianya pilih kasih membiarkan mereka dengan sekutu-kutunya seperti Israel membunuh masyarakat umat Islam yang lain tiap-tiap hari tanpa ada tindakan dan hari ini mereka dengan jelas ingin menghancurkan, merobohkan Masjidil Aqsa dan ini harus diambil perhatian. Dan saya percaya memang kerajaan telah memainkan peranan, tetapi suara kita nampak ditepis tidak dilayan. Jadi apakah lagi selaku usaha kita, selaku yang masih memimpin OIC akan terus kita biarkan isu ini dan PBB hanya terus menjadi patung kepada Amerika tanpa ada satu usaha yang perlu dilaksanakan yang boleh kita lihat boleh menyelesaikan masalah ini secara berpanjangan.

Dan ini rasa saya peranan kita inilah waktu dia Malaysia memainkan peranan untuk memastikan agar kita bisa sama-sama menyelamatkan keadaan yang berlaku di negara jiran kita di Palestin. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya menyokong.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

#### **4.56 ptg.**

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini. Saya ingin tambah bahawa bukan sahaja orang Islam yang marah dengan kerja penggalian di 'Jurusan Timur', UNESCO juga *United Nations Educational Scientific and Cultural Organization* dengan izin sebuah parti yang neutral juga telah menggesa untuk kerja penggalian tersebut dihentikan. Kumpulan penyelidik UNESCO yang diketuai oleh Pengarah UNESCO sendiri Mr. Francesco Bandarin mengkritik kerja penggalian di masjid yang suci ini sebagai satu usaha mewujudkan kacau bilau dan perasaan tidak puas hati di kalangan komuniti Islam sedunia khususnya orang Palestin dan Arab. Kerja penggalian ini merupakan satu provokasi kerajaan Israel dan sebahagian daripada usaha oleh kerajaan Israel yang dimulakan ketika mereka menjajahi Jerusalem.

Masjid Al-Aqsa yang merupakan tempat yang ketiga paling suci untuk orang Islam dan ianya adalah kiblat pertama Muslimin dan Muslimat. Kepentingan masjid ini juga dikukuhkan oleh insiden Israk Mikraj perjalanan malam dan dari Mekah ke 'Alqut' dan kenaikan Nabi Muhamad S.A.W ke Israk Mikraj. UNESCO juga menggesa kerajaan Israel untuk membuat rundingan dengan wakaf Islam di Jerusalem serta pihak berkuasa Jordan yang bertanggungjawab atas masjid bersejarah ini tetapi Diplomat Israel menolak cadangan ini atas sebab ianya akan mengakui bahawa Israel tidak mempunyai kedaulatan penuh atas kawasan

tersebut. Ini sebenarnya melanggar undang-undang antarabangsa. Israel juga sebagai kuasa penjajah masih mempunyai tanggungjawab di bawah undang-undang antarabangsa supaya tidak mengubah identiti atau geografi kawasan yang dijajah.

Kota Jerusaleam lama dijajah pada tahun 1967 dan masih merupakan kawasan jajahan. Masyarakat antarabangsa juga harus mengawasi tindakan Israel terhadap monumen Kristian di Jerusaleam. Setiausaha Agung PBB, Ban Ki Moon juga mengatakan bahawa Jerusaleam adalah kawasan suci bagi bukan sahaja agama Islam tetapi Yahudi dan Kristian. Dia kata dengan izin, *"It is a firm believe that the status of the old city and the religious sides within it are extremely sensitive and the final status issues that can only be resolved through negotiation."* Dalam 50 tahun yang lalu Israel telah mencuba beberapa kali untuk menulis kembali sejarah budaya timur tengah. Dalam tahun 2001 dua tahun selepas menjadi ahli dengan izin *World Heritage Committee* Israel membuat permintaan formal untuk meletakkan 28 kawasan Palestin yang berada dalam *World Heritage list* termasuk Kota Arab Jerusaleam. Ini tidak dipersetujui oleh negara-negara Arab kerana ianya melanggar undang-undang antarabangsa termasuk *The Hague Convention of 1954 for the Protection of Cultural Property in the Event of Armed Conflict and the International Convention of the Protection of International Cultural and Natural Heritage of 1972*, dengan izin. Namun demikian Israel berjaya mendaftar tiga kawasan sebagai kawasan Israel dan dua lagi percubaan dibuat tiga tahun lalu.

#### ■ 1700

Soalan hari ini ialah adakah walaupun kompromi telah diperbuat antara Hamas dan Fatah dan di mana satu kerajaan Palestin bersatu telah diwujudkan pada hari Sabtu ini kenapa Amerika dan EU masih enggan mengiktiraf sebuah kerajaan yang dilantik oleh rakyat Palestin dan pada masa yang sama tidak mengendahkan beberapa ribu tahanan politik yang masih ditahan termasuk menteri dan Ahli Parlimen Palestin. Adakah Amerika dan EU bersebelahan dengan penaklukan atau yang di takluk. Adakah mereka sebenarnya menyokong penjajah dan bukan orang jajahan di Palestin. Kita sudah lihat bagaimana pemberhentian bantuan antarabangsa ke kerajaan Palestin telah menyebabkan kesusahan kemiskinan dan tidak puas hati di kalangan rakyat yang sudah lama tertindas. Nampaknya Amerika dan EU hanya akan puas hati jika pihak yang mereka sokong akhirnya membentuk kerajaan dan bukan pihak yang dipilih oleh rakyat Palestin. Sehingga kuasa-kuasa dunia menyokong pihak yang betul keadilan tidak akan wujud untuk Masjid Al-Aqsa atau orang Palestin. Dengan ini saya menyokong Usul.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**5.01 ptg.**

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya berdiri di sini ialah untuk memberi sokongan padu dan penuh kepada usul

yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Gombak. Terima kasih. Saya rasa sudah sampai masanya perkara ini di bahas di dalam Dewan yang mulia ini. pertama sekali, Israel tetap hendak menentukan bahawa Jerusalem adalah hak miliknya. Tapi sebenarnya hak milik itu ialah kalau kita ambil dari segi penaklukan hanya berlaku pada tahun 1967 yang mana Jerusalem telah diambil alih oleh Saidina Umar al-Khatab awal-awal semasa zaman awal Islam dahulu.

Malah di sini mengingatkan kita kembali mengapa Yahudi dikeluarkan daripada Kota Madinah. Perasaan kita dan kita dapat merasai bagaimana Rasulullah kita dapat merasai betapa pahitnya berhadapan dengan bangsa Yahudi dan hari ini juga bangsa Yahudi ini juga ingin melakukan satu justifikasi bahawa hak milik mereka ke atas Jerusalem itu dengan membuat terowong menggali di bawah dengan harapan bahawa ini menunjukkan daripada artifak arkeologi di situ terdapatnya *Solomon Temple*. Yang ini kita tak boleh menerima hakikatnya.

Saya minta di sini menyeru kepada pihak Menteri Luar Negeri kita iaitu kita mesti tegas dalam soal ini kerana kita adalah pemimpin OIC. Apakah kita ini benar-benar serius suara kita dapat didengar di United Nation ataupun di kalangan negara-negara Arab dan antara faktor yang membantut ini semua tak lain tak bukan soal Blair dan Bush. Kita kena beritahu Blair dan Bush kerana kedua-dua inilah merupakan pelindung kepada Yahudi di Israel. Di manakah maruah kita. Kita lebih-lebih lagi pemimpin OIC. Kita kena bertegas dalam soal ini kepada pihak Amerika dan pihak Britain menyatakan hasrat dan pendirian kita.

Dalam masa yang sama saya berpendapat mintalah Menteri Luar Negara kita bersemuka dengan pihak negara-negara Arab membuat satu ketetapan apakah ketetapan yang kita akan ambil antara kita OIC, ASEAN dan juga Arab Lead ataupun negara-negara Arab. Yang ini kita mesti buat, lakukan. Kalaulah negara-negara seperti Amerika dan Britain termasuk negara-negara Eropah yang lain juga dan negara yang terpencil di bawah ini Australia juga mahu masuk campur tangan itu kita tak hirau. Tapi kita dengan negara-negara Arab seperti kata *Prince Abdullah* dia akan mengambil langkah tertentu. Apakah sokongan kita kepada negara-negara Arab untuk berhadapan dengan Bush dan Blair dalam soal ini.

Oleh yang demikian, seperti yang telah pun dinyatakan oleh ahli-ahli yang lain saya sekali lagi atas nama Islam dan kemanusiaan kita meminta pemimpin kita OIC untuk bertegas dan membuat satu resolusi untuk meyakinkan Bush dan Blair hentikan perkara laknat ini yang dilakukan oleh Yahudi. Terima kasih.

*[Tepuk]*

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**5.05 ptg.**

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Israel meneruskan kerja-kerja cari gali yang dibuat di kawasan persekitaran tiga agama samawi yang

sekali gus menggores hati dan perasaan umat Islam. Selain daripada umat Islam juga umat Kristian dan yang mengepalai kegiatan ini adalah umat Yahudi yang kononnya untuk membuktikan bahawa mereka sedang mencari artifak sejarah bagi bangsa Yahudi untuk diagung-agungkan. Sesungguhnya kerja cari gali ini bukan merupakan kali pertama dilakukan ianya bermula sejak tahun 1967. Catatan sejarah menunjukkan hampir 20 kali kerja-kerja cari gali ini dilakukan tanpa menghiraukan desakan dan protes sama ada masyarakat Islam mahupun masyarakat Kristian sendiri. Ini menunjukkan betapa degil, betapa angkuh, sombong tak bertempat. Tapi kerana kekuasaan mereka yang tidak ada kuasa lain yang sanggup menandingi mereka, mereka terus menjadi dan mengganas di kawasan-kawasan yang merupakan kawasan-kawasan kesucian umat Islam dan juga bagi orang-orang Kristian. Ini adalah merupakan satu musibah kerana kelemahan kita sendiri. Kita dalam Dewan ini mencadangkan pelbagai perkara. Seperti mana yang telah disebut bahawa kerja yang dilakukan ini adalah merupakan satu kerja provokatif menjolok sarang tebusan. Tetapi adakah tebusan orang Islam ini benar-benar menyengat kalau sekiranya kita dapat berdepan dengan Israel ini dan mengenakan pukulan-pukulan maut kepada mereka barulah mereka akan menghentikan kerja-kerja ini.

Namun kita harus sedar tentang kelemahan dan kedaifan kita dalam perkara ini. Saya tidak tahu apakah lagi suara yang ada di kalangan umat Islam. Apakah OIC ini sekadar “*Oh I See*” dengan protes-protes tanpa tindakan tegas yang berbekas kepada orang-orang Israel yang cukup berani melakukan kerja-kerja sombong tak bertempat ini. Ini adalah merupakan satu derita bagi umat Islam. Apa yang akan kita lakukan dengan cara yang mendatangkan kesan yang hebat dan parah kepada orang-orang Israel ini. Kita cuma berani berkata-kata tapi tindakan kita tidak merupakan tindakan yang menyengat yang menyebabkan mereka serik. Inilah akibat daripada kelemahan dan kelalaian kita sendiri.

Marilah dalam Dewan yang mulia ini kita memperkukuhkan hasrat untuk kita memartabatkan masyarakat Islam sebagai masyarakat yang bertamadun hadhari dalam usaha kita memperkasakan umat Islam, dalam usaha kita meninggalkan bekas dan memberikan sengatan yang berbisa kepada orang-orang Israel ini. Tapi apakan daya kita sekarang ini, kelemahan kita. Kita harus memulihkan, memartabatkan maruah dan bangsa dan agama Islam ini sendiri. Sekian, terima kasih.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**5.08 ptg.**

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Assalamualaiku warahmatullahi wabarakatuh. *[Menyebut pepatah bahasa Arab]* Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh kepada Yang Berhormat bagi Gombak yang membawa Usul ini dan turut berbahas dengan rakan-rakan seperjuangan. Perpaduan adalah asas kepada kekuatan. Kekuatan punca

kejayaan. Saya mengambil masa di sini sama dengan rakan-rakan lain ke mana suara yang kita hantar, ke mana semangat yang kita ajukan. Saya menyeru Arab, OIC marilah kita bersatu untuk menentang gerakan Zionis ini yang tidak berperikemanusiaan.

Saya menyokong atas usul ini satu jihad yang paling besar. [*Tepuk*] kerana waktu aman ini kita di Malaysia kita bersyukur kepada Allah kerana kita bersatu. Tetapi negara-negara Arab masih belum bersatu. Bagaimana rakyat Palestin dalam keadaan menghadapi suasana ini kita masih berpecah.

■ 1710

Ayuh, mari kita bersatu [*Membaca sepotong ayat suci al-Quran*] Mari kita bersatu padu dengan ikatan yang kukuh, ikatan yang selamat iaitu Islam itu sendiri supaya kita berjaya [*Tepuk*] Dengan ini saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]** : Ya, ada lagi hendak bercakap? Kalau tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk mengeluarkan jawapan.

#### 5.11 ptg

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]**: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Gombak yang telah mengemukakan usul yang amat penting pada waktu dan masa yang sungguh bertepatan sekali.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, Ketereh, Kubang Kerian, Sungai Petani, Kinabatangan, Permatang Pauh dan juga Pasir Puteh serta Kuala Terengganu. Semua pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah dipandang serius oleh kerajaan dan kita menganggap apa juga tindakan yang diambil oleh kerajaan kita pada hari ini, kita memerlukan sokongan dan dukungan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ini menunjukkan keprihatinan dan penghayatan kita terhadap perjuangan yang sedang dilaksanakan, yang sedang berjalan dan bergerak di bumi Palestin. Sememangnya rejim Israel dalam semua tindakan dan penaklukan mereka di Palestin adalah sesuatu yang tidak sah.

Soal Baitulmuqaddis, kita tidak boleh lawan kerana dia adalah sebahagian kepada tanah jajahan Israel tidak timbul kerana undang-undang antarabangsa tidak mengiktiraf kedudukan dan penaklukan Israel terhadap Baitulmuqaddis ataupun tanah-tanah yang telah dikuasai oleh Israel. Sebab itu di dalam perjanjian yang kita mahu capai, untuk mencapai kedamaian kita mahu kedudukan pada tahun 1967 sebagaimana dipersetujui hendaklah dipulangkan dan supaya negara Palestin dapat dibentuk.

Pada hari ini kita berhadapan dengan suatu rejim yang sungguh angkuh dan sombong. Kesombongan dan keangkuhan mereka adalah berteraskan kerana mereka tidak perlu mempedulikan suara masyarakat antarabangsa. Kita lihat segala yang mereka lakukan pada

hari ini mendapat dukungan oleh kuasa-kuasa besar, lebih-lebih lagi sebagaimana yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kuasa besar seperti US dan juga UK memberi sokongan kepada tindakan mereka.

Oleh itu apa juga saranan sama ada daripada UNESCO, daripada masyarakat Islam semua saranan yang telah kita lakukan, semuanya tidak diambil peduli oleh pihak Israel dan mereka teruskan dengan usaha-usaha untuk menggali ataupun melakukan dengan izin *excavation* dekat dengan perkarangan Masjid Al-Aqsa. Oleh itu kita berharap jangan kita memandang bahawa OIC ataupun badan-badan lain sebagai suatu badan yang tidak berupaya untuk mengambil tindakan.

Memang kita tidak puas hati dengan apa yang sedang berlaku, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu nampaknya lemah tetapi inilah badan-badan yang masih ada yang perlu kita terus usahakan, Insyallah pada suatu masa usaha-usaha kita akan mendapat kejayaan. Kalau kita lihat daripada segi tindakan yang diambil oleh kita ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri telah mengutus surat kepada negara-negara Ahli Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kepada Presiden Kesatuan Eropah, kepada Presiden Mahmood Abas, kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, serta Setiausaha Agung OIC untuk mengambil tindakan segera bagi meredakan kemarahan umat Islam supaya rejim Israel memberhentikan segala kerja-kerja yang telah mereka mulakan.

Sebagai sebuah pertubuhan yang memperjuangkan suara umat Islam di serata dunia, OIC telah memanggil suatu mesyuarat jawatankuasa eksekutif Pertubuhan Persidangan Islam yang diperlebarkan untuk memberikan suara dan membuat usul supaya Israel memberhentikan penggalian Israel di sekitar Masjid Al-Aqsa pada 22 Februari 2007 di Jeddah baru-baru ini.

Saya sendiri telah menghadiri dan mewakili rakyat dan kerajaan Malaysia untuk menyuarakan pandangan kita, apa yang saya telah minta di dalam mesyuarat itu ialah supaya negara-negara Islam yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel hendaklah memutuskan hubungan diplomatik dengan Israel.

Keduanya negara-negara Islam yang mempunyai hubungan perdagangan dan hubungan-hubungan yang seakan dengan itu mengambil tindakan supaya mereka tidak membuat usaha-usaha yang menunjukkan mereka tidak langsung bersangkut paut dengan apa yang dilakukan oleh Israel. Tetapi apa yang penting maka saya sebagaimana yang disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada daripada Pasir Puteh kah, daripada Gombak kah ataupun daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian, saya fikir penting sekali yang negara-negara di Timur Tengah mengambil satu pegangan untuk bersatu padu supaya tindakan mereka dan tekanan mereka kepada kuasa-kuasa besar di mana mereka mempunyai pengaruh yang teguh dan kuat akan dapat menukar tindakan yang dilakukan oleh Israel dan mempengaruhi Amerika Syarikat sendiri untuk menyokong apa yang kita minta di atas nama keadilan dan kemanusiaan.

Baru-baru ini saya telah menghadiri suatu mesyuarat di antara ASEAN dan Kesatuan Eropah. Di dalam mesyuarat itu saya telah menyuarakan pandangan kita terhadap apa yang dilakukan oleh rejim Israel iaitu Israel telah mengambil tindakan yang zalim, yang kejam terhadap rakyat Palestin dan kini telah melukai perasaan dan hati umat Islam di seluruh dunia.

Oleh itu kita mahukan supaya Kesatuan Eropah sebagai salah sebuah organisasi yang menjadi ahli kepada kuartet yang mahu mencari rancangan damai ataupun pelan damai di Timur Tengah untuk mengatasi konflik Arab Israel, mereka mestilah mengambil tindakan tegas untuk membantu usaha umat Islam bagi mencari keadilan dan memberikan kedudukan yang seharusnya yang sepatutnya kepada rakyat Palestin dan perjuangan rakyat Palestin.

Baru-baru ini juga untuk menunjukkan sokongan kita kepada perjuangan rakyat Palestin kita telah menjemput Ketua Bahagian Politik kepada Hamas iaitu Khaled Mashaal untuk datang ke Malaysia dan beliau telah datang ke Malaysia dengan beberapa orang ahli jawatankuasa beliau daripada Hamas untuk membincangkan bagaimanakah kita dapat membantu usaha-usaha kerajaan yang sah, kerajaan perpaduan pada hari ini untuk mereka dapat melaksanakan tugas mereka bagi mewakili kehendak dan kemahuan rakyat Palestin.

Saya suka juga telah meminta kepada Kesatuan Eropah supaya mereka memberhentikan sekatan embargo ataupun *sanction* terhadap Palestin supaya apa juga bantuan dan pertolongan sama ada bentuk kebendaan ataupun bentuk kewangan dapat kita salurkan kepada rakyat Palestin dan kerajaannya untuk meneruskan usaha-usaha mereka bagi dapat mentadbir dan menguruskan negara dengan baik.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara yang ingin saya katakan sebagai rumusan kepada apa yang telah saya dengar, kita akan menggunakan segala nasihat, segala pandangan yang positif dan membina yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini akan dapat membantu kerajaan kita di dalam usaha kita untuk mengetengahkan keadilan dan mengetengahkan kemanusiaan di peringkat rantau dan antarabangsa.

Perkara-perkara yang dikeluarkan dalam mesyuarat misalnya di dalam mesyuarat kita baru-baru ini menyebutkan perkara berikut:

- (i) menegaskan kecaman terhadap kerja-kerja penggalian Israel yang memudaratkan Masjid Al-Aqsa serta tidak mengendahkan sensitiviti dan perasaan umat Islam dan menuntut agar kerja-kerja tersebut diberhentikan segera sebagaimana yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada petang ini,
- (ii) menegaskan bahawa Al-Qusyad Al-Syariff merupakan salah satu kawasan Palestin yang diduduki oleh Israel semenjak tahun 1967 oleh itu tertakluk kepada undang-undang antarabangsa mengenai kawasan Palestin yang ditakluki oleh Israel,

- (iii) menggesa masyarakat antarabangsa terutama ahli-ahli kuartet supaya menekan Israel menghentikan kerja-kerja menggali di kawasan Masjid Al-Aqsa serta segala tindakan lain yang boleh membawa ketegangan dan keganasan yang mengancam keamanan dan keselamatan antarabangsa,
- (iv) memberi mandat kepada kumpulan OIC di New York supaya mengambil tindakan susulan dengan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menghentikan sebarang tindakan mencabuli Masjid Al-Aqsa.

Kita suka juga di dalam mesyuarat tersebut telah mengusulkan supaya Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mengambil tindakan untuk *sanction* Israel di atas apa yang dilakukan dan kita mahukan kes yang berkenaan penggalan di Masjid Al-Aqsa ini dirujuk kepada Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva;

■ 1720

- (v) mengalu-alukan usaha yang diambil oleh Pengerusi Sidang Kemuncak Islam ke-10, menerusi sesi ke 33, Mesyuarat Menteri-Menteri Luar dan Negara Anggota OIC dalam mempertahankan kesucian Masjid Al-Aqsa;
- (vi) mengalu-alukan dan menyokong resolusi yang diputuskan oleh Kesatuan Parlimen Negara-Negara OIC di mana Ahli-Ahli Yang Berhormat telah turut mengambil bahagian dan ini menunjukkan perbincangan kita hari ini menunjukkan dukungan dan sokongan kita di atas apa yang telah diputuskan oleh *Parliamentary Union of OIC State* baru-baru ini pada 15 dan 16 Februari 2007; dan
- (vii) mengesahkan saranan daripada Pengerusi Sidang Kemuncak Ke-10 OIC, supaya Setiausaha Agong OIC menyelaraskan satu pelan tindakan bagi membawa isu Masjid Al-Aqsa dan Al-Quds kepada Majlis Keselamatan, UNESCO, Mahkamah Keadilan Antarabangsa dan Majlis Hak Asasi Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia, hasil keputusan dan kesepakatan yang telah dicapai melalui mesyuarat anjuran OIC ini, maka pihak pakar dari PBB telah pun mengeluarkan sebuah laporan sebagaimana yang disebut.

Oleh itu, kita berharap kita akan teruskan usaha-usaha kita dan pihak Parlimen Malaysia dengan usul yang dibawa, usul ini akan diberikan OIC Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga kita akan sampaikan kepada pihak OIC untuk mengetahui pendirian dan pegangan rakyat Malaysia melalui mandat di Parlimen ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah selesai dan dengan demikian saya tutup perbahasan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguh sehingga jam 10 pagi esok, Rabu, 21 Mac 2007.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.23 petang.***

**PARLIMEN MALAYSIA**

---

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
19 MAC 2007**

---

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG  
AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN  
IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim  
Al-hamdulillahi Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'in  
Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

***Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.***

*Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Istiadat Pembukaan Penggal Keempat, Parlimen Kesebelas.*

2. *Sempena majlis yang mulia ini Beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Paduka Ayahanda Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, Raja Perlis yang telah bersemayam di atas takhta, menaungi negara dan memayungi rakyat selama 5 tahun dengan aman dan makmur.*

3. *Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri yang kini memasuki tahun keempat menerajui tampuk kepimpinan negara. Mamanda Perdana Menteri telah mencetuskan pelbagai dasar agar negara dan rakyat terus makmur dan Malaysia dihormati di persada antarabangsa.*

4. *Beta berharap dan sentiasa berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya negara kita akan terus berada dalam suasana aman dan harmoni, menikmati kestabilan yang berpanjangan serta pembangunan ekonomi yang mapan.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

5. *Tahun baru 2007, seluruh negara berkongsi kedukaan atas kejadian banjir yang melanda beberapa buah negeri. Bencana alam ini merupakan antara yang terburuk dalam sejarah negara kita. Lebih 100,000 rakyat jelata terpaksa dipindahkan dari rumah mereka akibat banjir tersebut. Dianggarkan kerugian akibat banjir buruk ini mencecah hampir satu perpuluhan lima (1.5) bilion ringgit.*

6. *Beta dan Raja Permaisuri Agong ingin merakamkan ucapan takziah kepada mereka yang kehilangan ahli keluarga, harta benda dan mata pencarian akibat bencana tersebut. Beta juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan Mamanda Perdana Menteri yang bertindak pantas bagi meringankan penderitaan mangsa-mangsa banjir dan membolehkan mereka memulakan kehidupan baru.*

7. *Dalam usaha kita menangani kesan akibat banjir besar yang baru saja berlalu, kita juga harus insaf bahawa bencana sebegini mungkin akan berlaku lagi. Ramai saintis yang berpendapat bahawa hujan lebat yang mengakibatkan banjir besar baru-baru ini sebenarnya berpunca daripada perubahan iklim. Justeru, tidak mustahil perubahan iklim ini boleh mendatangkan lebih banyak bencana alam pada masa hadapan. Beta berharap agar tumpuan sewajarnya diberikan untuk menambah baik infrastruktur terutamanya sistem perparitan dan saliran bagi memastikan kita bersedia menghadapi sebarang musibah.*

*Pada masa yang sama, kita juga harus menginsafi bahawa negara kita juga tidak terlepas daripada bencana alam. Beta berharap kita semua akan mempersiapkan diri masing-masing agar kita sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang musibah pada masa hadapan.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

8. *Walau apa sekalipun kejadian yang melanda negara, namun tahun ini amat istimewa dan penting dalam sejarah negara. Ini kerana kita akan menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-50. Ia bermakna telah separuh abad kita bebas dari telunjuk penjajah yang melemahkan jiwa anak bangsa dengan dasar pecah dan perintah. Sejak merdeka kita sudah mampu berdikari dan memerintah negara sendiri tanpa bergantung dengan kuasa luar.*

9. *Alhamdulillah, Beta bersyukur kerana pengorbanan dan kebijaksanaan pejuang-pejuang kemerdekaan membolehkan negara kita merdeka tanpa konflik berdarah. Kecekalan mereka memperjuangkan kemerdekaan dan mengharungi pelbagai cabaran serta kesulitan untuk membina sebuah negara berbilang kaum telah membuahkan kejayaan yang hasilnya dapat kita nikmati hari ini.*

10. *Sesungguhnya, makna kebebasan dan makna kemerdekaan ini amat berharga dan perlu dihayati terutama bagi generasi muda. Beta sesungguhnya berharap agar kumpulan ini dapat mengetahui dan memahami sejarah kelahiran negara kita, menjiwai pahit getir pengalaman pejuang-pejuang kemerdekaan dan dengan itu menghargai kebebasan yang kita nikmati sekarang. Fahamilah semangat yang mendorong, kemelut yang tercetus, rundingan yang begitu rumit, dan tolak ansur yang dicapai untuk mencari titik keseimbangan bagi membolehkan kita semua hidup bersama dengan merdeka, berdikari, tolak ansur, saling menghormati dan bersatu padu. Kita semua, termasuklah anak-anak kita, perlu menghargai nikmat kemerdekaan yang kita perolehi selama 50 tahun ini.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

11. *Sesungguhnya, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas segala limpah kurniaNya kepada bumi Malaysia ini. Namun, Beta juga ingin mengingatkan Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini bahawa usaha dan kegigihan setiap rakyat diperlukan bagi menjamin kesejahteraan negara untuk tempoh 50 tahun yang akan datang. Kerajaan Beta tidak akan leka dengan pelbagai kejayaan yang telah dicapai dan akan terus mengejar kecemerlangan dalam semua bidang.*

12. *Dengan itu, Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri kerana berjaya merangka Rancangan Malaysia Kesembilan dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga yang telah dilancarkan tahun lalu. Perancangan-perancangan tersebut dibuat dengan matlamat untuk membawa negara kita menuju Wawasan 2020. Beta sukacita melihat tumpuan yang masih jitu dan kukuh ke arah wawasan yang murni tersebut. Beta yakin bahawa penekanan-penekanan yang diambil ke arah merealisasikan wawasan seperti yang termaktub dalam Misi Nasional akan memastikan negara sentiasa berada pada landasan kejayaan.*

13. *Lima teras Misi Nasional merangkumi aspek-aspek pembangunan negara secara menyeluruh termasuk kepesatan ekonomi, keseimbangan sosial serta keberkesanan jentera-jentera pentadbiran negara. Tumpuan kepada kelima-lima teras Misi Nasional seharusnya membawa perubahan kepada daya saing negara dan kualiti hidup rakyat.*

14. *Berdasarkan Laporan Daya Saing Dunia 2006, kedudukan Malaysia telah meningkat daripada kedudukan ke-28 pada tahun 2005 kepada kedudukan ke-23 pada tahun 2006. Menurut Laporan Pembangunan Manusia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Tahun 2006, Malaysia diiktiraf sebagai salah sebuah negara yang berada dalam kategori tinggi untuk pembangunan insan. Ini merupakan pencapaian yang boleh dibanggakan, lebih-lebih lagi memandangkan betapa pendek sejarah kita sebagai*

sebuah negara yang merdeka. Pencapaian ini harus meningkatkan semangat kita untuk terus maju dan di samping itu memperbaiki pencapaian dalam bidang-bidang lain.

15. Dalam era yang serba mencabar ini, kita perlu melipatgandakan usaha dan menambah baik kerja. Demi kesejahteraan negara, Beta berharap Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini akan berkorban tenaga untuk memastikan bahawa segala dasar, program dan projek yang dirancang disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan dan mengikut tujuannya. Hanya tinggal kurang daripada 13 tahun menjelang tahun 2020. Inilah masanya untuk membuktikan bahawa negara kita mampu menggapai kecemerlangan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

16. Beta maklum bahawa tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan akan menyaksikan perubahan dalam struktur dan prestasi ekonomi negara. Setiap sektor ekonomi yang sedia ada disasar akan mencapai nilai ditambah yang lebih tinggi melalui penggunaan kaedah baru, teknologi tinggi dan ilmu pengetahuan. Sektor-sektor ekonomi baru akan dipacu seperti teknologi maklumat dan komunikasi serta bioteknologi. Di samping itu, pelbagai inisiatif telah dan akan diambil untuk meningkatkan daya tarikan dan daya saing negara terutamanya bagi menambah baik persekitaran pelaburan.

17. Alhamdulillah, langkah-langkah yang sedang dilaksanakan telah mula menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh. Pada tahun 2006, sektor-sektor utama ekonomi terus mencatat pertumbuhan yang lebih baik. Sejak 3 Januari 2007, Indeks Komposit Bursa Malaysia mencatatkan prestasi yang menggalakkan pada paras melebihi 1,200 mata, satu tahap yang tidak pernah dilangkaui sejak tempoh krisis mata wang Asia pada Julai 1997. Harga komoditi terutamanya getah dan kelapa sawit yang menunjukkan peningkatan sepanjang tahun 2006, telah memberi pulangan lumayan kepada para pekebun dan pengusaha komoditi tersebut. Negara kita juga buat pertama kalinya mencapai jumlah dagangan antarabangsa melebihi 1 trilion ringgit pada tahun 2006. Manakala jumlah pelaburan dalam negara terus kukuh mencapai tahap tertinggi dalam sejarah negara pada tahun yang sama. Berkat dari pencapaian-pencapaian ini, Beta yakin bahawa ekonomi negara akan terus menunjukkan peningkatan yang menggalakkan terutamanya jika usaha-usaha penambahbaikan diperhebatkan lagi.

18. Pada masa akan datang, sektor pembuatan akan terus menjadi salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Di kalangan aktiviti pembuatan yang wujud pada hari ini, Beta mengharapkan agar industri pemprosesan makanan dan industri halal akan berjaya dibangunkan secara bersepadu dan menyeluruh sehingga Malaysia dapat menerajui industri-industri tersebut di peringkat global. Kekuatan semula jadi negara kita dalam bidang ini perlu dimanfaatkan dan Beta berharap usaha-usaha Kerajaan akan memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai salah satu hab makanan dan hab halal dunia.

19. Sektor perkhidmatan disasar akan terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara. Dengan peningkatan modal insan dan tahap kecekapan, Malaysia boleh menjadi pusat serantau bagi pelbagai aktiviti sektor perkhidmatan seperti logistik, teknologi maklumat dan komunikasi, kewangan Islam, pendidikan, kesihatan dan pelancongan. Dalam pada itu, Beta berharap usaha-usaha yang lebih bersepadu akan dipergiat untuk menjadikan Malaysia antara destinasi pelancongan utama dunia. Bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2007, Beta menyeru semua lapisan masyarakat terutama barisan hadapan industri pelancongan negara supaya sentiasa bersikap jujur, ikhlas dan mesra serta berusaha memberi layanan yang terbaik.

20. Sektor pertanian telah diberi nafas baru supaya tampil sebagai tunggak ketiga pertumbuhan ekonomi. Negara kini memasuki tahun kedua pelaksanaan pendekatan 'Pertanian Baru' bagi memperkasa sektor pertanian dan agro-makanan. Sehubungan ini, projek-projek berimpak tinggi seperti Pusat Fidlot Negara, Zon Industri Akuakultur dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan akan dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri. Beta berharap penyertaan sektor swasta dalam bidang pertanian akan terus dipergiat terutamanya dalam usaha sama yang melibatkan penggunaan teknologi, pemasaran dan peningkatan profesionalisme.

21. Namun, dalam membangunkan ekonomi negara, Beta berharap Kerajaan Beta akan sentiasa memastikan kedudukan kewangan negara terus kukuh bagi menjamin kestabilan ekonomi negara. Pengurusan defisit bajet Kerajaan yang telah mengecil kepada tiga perpuluhan lima (3.5) peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar wajar diteruskan. Pada masa yang sama, usaha pembendungan kadar inflasi serta kadar pengangguran harus diberi perhatian yang khusus. Kesan kenaikan harga barangan terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah mesti diberi perhatian dan penguatkuasaan ke atas harga barangan kawalan mesti dipertingkatkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

22. Beta percaya bahawa modal insan adalah aset negara yang paling berharga. Hakikatnya, modal insan yang berkualiti mampu melonjakkan ekonomi negara ke arah ekonomi berlandaskan pengetahuan. Modal insan berkualiti juga mampu meningkatkan keupayaan negara untuk membangunkan teknologi baru demi meningkatkan daya saing negara serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mantap.

23. Sehubungan ini, Kerajaan Beta akan memperhebatkan lagi usaha untuk membangunkan modal insan berkualiti sebagai agenda pembangunan utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerajaan Beta akan berusaha untuk membangunkan modal insan berkualiti melalui pendidikan, latihan dan proses pembelajaran sepanjang hayat. Usaha menerapkan keluhuran budi serta amalan nilai-nilai murni juga akan ditekankan untuk melahirkan modal insan yang holistik, yakni yang memiliki sikap, nilai dan etika yang positif.

24. Proses pembangunan modal insan berkualiti harus bermula dari peringkat usia muda lagi. Oleh itu, penekanan harus diberikan kepada pendidikan prasekolah supaya kanak-kanak diberi ruang memulakan hidup yang terbaik. Beta berharap agar Majlis Penyelarasan Dasar Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak atau PERMATA NEGARA akan dapat memberi sumbangan besar ke arah pencapaian matlamat ini.

25. Di samping itu, Beta berharap sekolah-sekolah kebangsaan dan institusi-institusi pendidikan negara akan terus diperkasa untuk melahirkan generasi muda yang berkualiti dan berkaliber. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 hingga 2010 telah dilancarkan pada awal tahun ini. Pelan ini bertujuan untuk memastikan pendidikan yang berkualiti akan disediakan terutama bagi masyarakat luar bandar. Beta percaya bahawa pelan ini akan meletakkan asas yang kukuh bagi melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah dan mengangkat sistem pendidikan negara di mata dunia.

26. Sistem pendidikan tinggi negara juga harus diberi perhatian khusus. Ini adalah kerana ia merupakan saluran utama untuk menjana kecemerlangan ilmu, melahirkan para pemikir dalam bidang sains sosial dan teknologi yang akan membawa pembangunan negara ke tahap yang lebih tinggi lagi. Beta berharap kualiti akademik institusi-institusi pengajian tinggi negara dapat ditingkatkan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di rantau ini. Ia juga merangkumi pemupukan keupayaan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi, sambil mengukuhkan rangka hak intelek negara. Beta mahukan agar rakyat Malaysia mula dikenali sebagai pencipta teknologi dan bukan sekadar pengguna teknologi semata-mata.

27. Dalam pada itu, Beta berbangga dengan kemajuan kaum wanita di negara kita setakat ini. Kini, lebih ramai wanita menjadi tenaga pekerja dan menjawat jawatan tinggi di peringkat pembuat keputusan. Memandangkan kaum wanita adalah sebahagian daripada modal insan negara, maka Beta berharap agenda pembangunan wanita akan terus dimantapkan. Sehubungan ini, Beta sukacita dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesaksamaan Gender. Beta berharap jawatankuasa ini akan terus mengkaji semula dasar dan undang-undang yang mendiskriminasi wanita supaya hak dan maruah wanita akan terus dilindungi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

28. Salah satu fokus utama Kerajaan Beta adalah memastikan pembangunan yang meluas dan seimbang. Iltizam untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum harus diteruskan di samping menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Seperti yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Beta ingin melihat kemiskinan tegar dihapuskan dan kadar kemiskinan keseluruhan diminimumkan menjelang tahun 2010.

29. Di samping itu, pelaksanaan strategi pengagihan harus diteruskan untuk menghapuskan ketidaksamaan pendapatan antara kaum yang masih kekal lebar. Kerajaan Beta akan memastikan sasaran nisbah pendapatan antara kaum Bumiputera dengan kaum Cina dapat dikurangkan kepada satu nisbah satu perpuluhan lima (1:1.5) menjelang tahun 2010. Bagi nisbah antara kaum Bumiputera dengan kaum India juga dapat dikurangkan kepada satu nisbah satu perpuluhan satu lima (1:1.15) pada tahun yang sama.

30. Beta sukacita dengan usaha-usaha berterusan yang diambil untuk mencapai matlamat pengagihan. Usaha-usaha ini termasuk penglibatan badan bukan kerajaan dan sektor swasta dalam pembasmian kemiskinan, perluasan akses kepada program pendidikan dan latihan, dan juga pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang kini memasuki fasa kedua. Beta amat berharap agar inisiatif-inisiatif sebegini akan dapat memastikan bahawa tiada seorang pun rakyat Beta yang tercicir daripada arus perdana pembangunan negara.

31. Ketidaksamaan antara negeri dan wilayah juga adalah agenda penting Kerajaan Beta. Usaha-usaha gigih mesti diteruskan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi rakyat di seluruh negara, terutamanya di kawasan luar bandar. Dalam pada itu, Beta amat gembira melihat perkembangan Wilayah Pembangunan Iskandar di Selatan. Beta juga berharap agar pembangunan Koridor Pembangunan Wilayah Utara, Koridor Pembangunan Pantai Timur, Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Pembangunan Sarawak dapat dipercepatkan agar manfaatnya segera dinikmati oleh segenap lapisan rakyat jelata.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

32. Pembangunan ekonomi negara yang mapan dan kukuh tiada ertinya sekiranya kualiti hidup rakyat tidak meningkat sejajar dengan pembangunan tersebut.

33. Dari segi aspek kesihatan, kualiti hidup rakyat Malaysia secara keseluruhannya sudah bertambah baik dan jangka hayat semakin meningkat. Sistem pengurusan kesihatan sedang dipertingkatkan dan ditambah baik seiring dengan keperluan masa kini. Bagi penyediaan perumahan, Kerajaan Beta akan terus berusaha memastikan bekalan perumahan yang mencukupi dan berkualiti terutamanya bagi rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Untuk kemudahan pengangkutan pula, selaras dengan ciri negara maju, Kerajaan Beta akan terus berusaha meningkatkan jaringan infrastruktur serta kecekapan pengangkutan awam khususnya di bandar-bandar utama.

34. Bagi memastikan bekalan air yang bersih dan terjamin untuk semua rakyat, Kerajaan Beta telah menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang akan mengawal selia operator perkhidmatan bekalan air. Beta berharap tindakan ini akan meningkatkan mutu pengurusan bekalan air negara. Usaha untuk meningkatkan jaringan bekalan air ke seluruh pelosok negara juga mesti diteruskan agar rakyat di kawasan pedalaman dan terpencil dapat menikmati bekalan air yang bersih dan selamat.

35. Malaysia kaya dengan pelbagai khazanah alam semula jadi. Oleh itu, Kerajaan Beta akan terus mengambil tindakan proaktif untuk memulihara dan melestarikan alam sekitar yang sedia ada. Dalam hal ini, semua pihak berkaitan termasuk pihak berkuasa tempatan perlu memainkan peranan masing-masing ke arah mencapai objektif pembangunan seimbang dengan mengurangkan impak alam sekitar dan negara demi kesejahteraan rakyat.

36. *Dalam bidang sukan pula, Kerajaan Beta akan terus menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan dan riadah. Selain itu, sokongan akan terus diberi kepada ahli-ahli sukan negara yang berpotensi mencipta nama di peringkat antarabangsa. Ahli-ahli sukan amatir pula akan terus dibantu mengasah bakat mereka supaya mencapai tahap profesional.*

37. *Menerusi aspek kebudayaan, rakyat telah mula sedar akan kepentingan menghargai warisan negara. Seni kreatif seperti kraf, sastera, teater dan muzik adalah wadah kepada pembangunan insan serta sosioekonomi negara. Dalam hal ini, pembangunan seni kreatif akan dipertingkatkan untuk menjadi salah satu komponen penting dalam menjana ekonomi rakyat.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

38. *Beta percaya negara perlu bergerak lebih pantas ke hadapan berbanding negara-negara lain bagi mencapai hasrat untuk menjadi negara maju. Pada dasarnya, ini memerlukan peningkatan prestasi jentera pentadbiran negara.*

39. *Penambahbaikan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam telah dikenal pasti sebagai salah satu penentu kejayaan negara. Pelbagai usaha telah diambil untuk mempertingkatkan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam. Beta ucapkan tahniah atas usaha ini. Namun begitu, Kerajaan Beta perlu terus berusaha dan melipatgandakan kerja kerana masih terdapat banyak ruang untuk membuat perubahan dan pembaharuan. Sehubungan itu, Beta melihat penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan sebagai langkah yang baik bagi mempercepatkan kelulusan projek-projek pelaburan yang strategik. Beta juga mengalu-alukan penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan dan juga Panel Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan. Dengan pendekatan-pendekatan ini, Beta berharap persekitaran perniagaan negara akan bertambah baik, seterusnya menarik lebih banyak pelaburan serta mencipta lebih banyak peluang pekerjaan.*

40. *Pada masa yang sama, pemantauan program-program Kerajaan harus diperkukuhkan untuk memastikan segala perancangan dan perbelanjaan yang diadakan akan memanfaatkan golongan sasaran, terutamanya rakyat yang termiskin dan terpinggir. Pemantauan yang berkesan memerlukan usaha gigih dan juga integriti. Dalam pada itu, usaha untuk meningkatkan integriti serta membanteras rasuah dan salah guna kuasa harus diperkuatkan. Usaha Mamanda Perdana Menteri perlu disokong oleh semua anggota Perkhidmatan Awam dan semua lapisan masyarakat. Menghapuskan rasuah dan penyelewengan bukanlah mudah, ia memerlukan kerjasama semua pihak untuk menolak daripada memberi atau menerima rasuah. Beta ingin melihat usaha pemupukan minda dan budaya membenci rasuah diperhebat agar warga Malaysia menjadi masyarakat yang berpendirian tinggi dan dihormati.*

41. *Rakyat Malaysia harus menjadi warga dunia yang diiktiraf dan dikagumi. Malaysia harus dilihat sebagai sebuah negara yang bermaruah dan berhemah tinggi. Dalam pada itu, Beta berbangga atas pelaksanaan dasar luar negara yang proaktif, bebas dan berkesan. Hasilnya dapat dilihat melalui pengiktirafan yang diberikan oleh masyarakat antarabangsa kepada usaha dan peranan Malaysia ketika menerajui ASEAN dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali. Malaysia selanjutnya terus diyakini oleh masyarakat Islam antarabangsa untuk memimpin Pertubuhan Persidangan Islam. Beta sukacita kerana kita telah dapat melaksanakan tanggungjawab ini dengan memastikan pertubuhan-pertubuhan tersebut kekal relevan di persada antarabangsa.*

42. *Beta juga berbangga dengan penglibatan aktif Angkatan Tentera Malaysia dalam misi pengaman dan pemerhati di peringkat antarabangsa. Usaha ini telah mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa yang secara langsung menaikkan imej negara. Beta berharap kecemerlangan perkhidmatan ini akan diteruskan dalam misi pemantau di Mindanao, Filipina serta misi keamanan di Lubnan. Peranan Malaysia sebagai penyumbang tenaga dan pemimpin di peringkat antarabangsa harus terus dipupuk sejajar dengan pembangunan ekonomi dan sosial dalam negara.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

43. *Beta mengakhiri titah ulung ini dengan menyentuh perkara yang paling penting bagi negara kita, iaitu perpaduan. Perpaduan rakyat adalah kunci kejayaan negara dan masyarakat. Tanpa perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat, negara yang kita cintai ini akan berpecah-belah dan akhirnya binasa dengan hasutan dan kebencian. Segala usaha dan kemakmuran yang telah kita bina bersama akan hancur musnah dan sia-sia.*

44. *Dalam era teknologi maklumat dan komunikasi hari ini, perbincangan dan pertukaran pendapat sesama rakyat telah menjadi lebih kerap dan terbuka. Pelbagai pendapat diutarakan mengenai hala tuju dan identiti negara kita. Jika terdapat perbezaan pendapat, ini adalah lumrah perbincangan. Walaupun demikian, Beta berharap rakyat Malaysia dapat berbincang dan mengurus keterbukaan ini secara bijaksana, tenang dan prihatin. Beta percaya bahawa setiap warga Malaysia bersatu dalam rasa cinta pada bumi Malaysia ini dan tidak ingin masyarakat yang ekstremis dan berpecah-belah di mana sifat perkauman sempit berleluasa. Dengan itu, setiap rakyat Malaysia bertanggungjawab memelihara ketenteraman awam. Setiap rakyat Malaysia bertanggungjawab untuk saling memahami pandangan dan sensitiviti setiap kaum dan harus berusaha untuk mencapai kata sepakat.*

45. *Walaupun agama Islam diberi perhatian oleh Kerajaan sesuai dengan kedudukannya sebagai agama rasmi Persekutuan, namun agama-agama lain bebas diamalkan sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Beta mengalu-alukan pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Mamanda Perdana Menteri sebagai satu usaha untuk membudayakan ciri-ciri ketamadunan Islam yang mengutamakan ilmu dan keadilan. Tamadun-tamadun Islam gemilang yang terdahulu terkenal dengan penemuan-penemuan sains dan matematik. Mereka juga terkenal dengan pentadbiran yang adil terhadap rakyat berbilang agama dan bangsa. Ciri-ciri ketamadunan ini harus ditekankan dan diamalkan bagi membina Malaysia gemilang.*

46. *Beta bersyukur keselamatan negara terus terpelihara daripada sebarang ancaman. Polis Diraja Malaysia menjalankan tugas dan amanah dengan penuh dedikasi dan Beta mengharapkan agar usaha tersebut dapat terus dipertingkatkan.*

47. *Kestabilan politik dan ekonomi terus berkembang walaupun kita menghadapi pelbagai cabaran di peringkat serantau dan antarabangsa. Kita telah berjaya memelihara kemerdekaan Malaysia dengan aman dan harmoni selama 50 tahun. Marilah kita bersama-sama mengukuhkan semangat persaudaraan dan perpaduan ini demi membina negara yang lebih makmur, bersatu padu dan dihormati.*

48. *Beta menghormati kepimpinan Mamanda Perdana Menteri dalam mengurus pembangunan negara ke fasa yang seterusnya. Beta juga memandang tinggi Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dan kesetiaan Polis Diraja Malaysia serta sumbangan Angkatan Tentera Malaysia dalam memelihara keselamatan dan keamanan negara. Akhir sekali, Beta menghargai Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara. Beta menyeru Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat untuk membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti. Negara ini adalah hak milik kita bersama. Justeru, setiap rakyat Malaysia ada peranan dan tanggungjawab. Beta percaya jika setiap warga Malaysia melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing, tidak ada gunung yang tidak dapat didaki, tidak ada lurah yang mustahil dituruni. Dengan gandingan kerjasama yang erat serta persefahaman dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak, Beta yakin cita-cita dan harapan kita akan terlaksana.*

*Wabillahi Taufik Walhidayah,  
Wassalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*